



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B.29

(Halaman 21)

Maksud B.30

(Halaman 36)

Maksud B.31

(Halaman 51)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2007

Jawatankuasa:

Maksud P.29

(Halaman 21)

Maksud P.30

(Halaman 36)

Maksud P.31

(Halaman 51)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

62. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keterah) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) – UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

-
100. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 November 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejak tanaman padi dua musim setahun diperkenalkan di kawasan MADA, adakah kini tiba masanya untuk kita meningkatkan prestasi saluran air untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab eloklah kita di sini mengucapkan selamat datang kepada siswa-siswi daripada Universiti Utara Malaysia ke Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sentiasa mengambil langkah untuk menambah kecekapan dan prestasi sistem pengairan dan saluran. Kecekapan dan prestasi sistem pengairan dan saluran dapat ditunjukkan melalui beberapa pengukur seperti *Water Productivity Index* atau WPI, dan *Relative Water Supply*, RWS. WPI mengukur produktiviti hasil padi bagi setiap satu meter padu air yang dibekalkan. Sementara RWS pula mengukur peratus air yang dibekalkan berbanding keperluan sebenar. Prestasi sistem pengairan dan saluran ini boleh ditingkatkan melalui penyediaan dan pengurusan infrastruktur pengairan dan saluran yang baik.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, langkah-langkah akan diambil bagi membolehkan lebih banyak kawasan penanaman padi mendapat bekalan air dengan meningkatkan densiti pengairan iaitu panjang sistem pengairan bagi sehektar sawah daripada 17 meter per hektar kepada 33 meter per hektar. Langkah ini yang perlu disusuli dengan pengurusan dan penyelenggaraan sistem pengairan yang baik, dijangka dapat meningkatkan WPI di kawasan ini sebanyak 25% dan RWS juga dijangka meningkat daripada 45% kepada 60%. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Setiausaha Parlimen. Terima kasih di atas jawapan itu. Kita minta petani-petani meningkatkan hasil pertanian dengan menggunakan bahan-bahan tanaman yang terbaik. Kita juga minta petani-petani menjadi petani moden dengan menggunakan teknik, teknologi dan alat-alat yang moden. Jadi kita pun perlu melengkapkan warga tani kita dengan infrastruktur yang moden.

Sebagaimana yang Setiausaha Parlimen katakan tadi, WPI *it has no meaning* kepada ramai orang, dengan izin. Oleh kerana ini adalah satu indeks yang pentingnya air itu sampai kepada petani-petani. Sistem pengairan yang sedia ada sekarang sudah *outdated*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, soalnya.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Soalnya - ini baru nak pi... *[Ketawa]* Soalnya, kita perlukan kewangan yang banyak dan cukup untuk meningkatkan naik tarafnya.

Saya percaya boleh atau tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bawa cadangan saya kepada menteri, kementerian dan kepada kerajaan, supaya RM500 juta dikhaskan untuk naik taraf sistem pengairan untuk jelapang-jelapang padi di negara kita ataupun kalau perlu, lebih pun tidak apa, pasal ini akan menjamin masa depan petani-petani kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih sangatlah Yang Berhormat. Semua Yang Berhormat sebutkan tadi, insya-Allah, memang ada dalam perancangan. Ingin saya terangkan sedikit Yang Berhormat, yang saya katakan tadi WPI bermakna satu kubik meter air untuk menghasilkan berapa kilo padi dan RWS itu pula menunjukkan lebih air, hendak memberitahu bahawa banyak masanya kadang-kadang kita bagi dia lebih air - lebih air pun tidak elok, Yang Berhormat. Dia hendak cukup-cukup sahaja. Lebih tidak elok, kurang pun tidak elok. Jadi, itulah sebabnya kadang-kadang banyak berlaku kebocoran. Sebab itu tadi saya ada keluarkan teknikal sedikit.

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat minta RM500 juta tetapi sebenarnya kami telah memohon RM1.2 bilion untuk... *[Disorak]* Jadi bermakna insya-Allah...

Seorang Ahli: Air kena lebih sikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak boleh. Airnya tidak boleh lebih. Kalau air lebih, ia rosak dan kurang pun, ia rosak. Sebab itulah saya tadi sebutkan ada indeks dan sebagainya. Jadi dengan pengurusan air yang baik ini, insya-Allah kita akan sampai purata enam hingga lapan tan sehektar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita sebut tentang indeks ini memang orang kampung tidak tahu, Yang Berhormat. Apa yang menjadi masalah kepada petani-petani adalah pembahagian 'ayaq' ini ia tidak serentak... *[Disampuk]* Air, air, *sorry*. Yang Berhormat bagi Jerai ajar saya macam itu. Orang UUM fahamlah... *[Memandang ke arah Galeri Awam]*

Maknanya pengairan yang tidak serentak menyebabkan penyakit padi. Ia boleh berubah daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Ini maknanya petani terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih untuk racun dan juga musuh-musuh padi tersebut terutama sekali kepada saliran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kepada soalnya, Yang Berhormat. Jangan berucap panjang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ini hendak masuk soalan ni. Soalnya, apakah MADA berhasrat untuk menyerentakkan pengairan air ini kepada semua bahagian dalam masa yang sama? Kita tidak mahu penyakit-penyakit ini memusnahkan padi kalau pengairan itu tidak serentak. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat, insya-Allah menjelang 2010 seperti kata Yang Berhormat tadi, parit yang ketiga, semua mendapat air serentak. Itu sebab penyakit dan sebagainya. Yang Berhormat, sebab itu kita ada satu standard untuk kita gunakan, kita perlu kesemua sekali, iaitu:

- (i) peningkatan produktiviti air supaya *no wastage*, jangan ada kebocoran, jangan ada *wastage*, jangan ada air itu terbuang... *[Disampuk]* Iaitu pembaziran, terima kasih. Jadi, peningkatan produktiviti air penting; selepas itu pergi kepada;
- (ii) peningkatan produktiviti tanah. Sebenarnya Yang Berhormat, dengan teknologi yang kita gunakan dan sebagainya, kita boleh pergi kepada lima kali menanam dalam dua tahun tetapi kita tidak mahu memberatkan sangat tanah itu, sebab kita hendak jaga kesihatan tanah, sebab itulah dengan baja dan sebagainya.

Jadi, setakat ini, dua kali setahun pun memadai tetapi kita akan tingkatkan dari segi *variety* dan sebagainya. Selepas itu yang penting, Yang Berhormat menjurus kepada penyakit dan sebagainya tadi, bukan sahaja dari segi pengurusan air tetapi; dan

- (iii) amalan pertanian baik. Sebab itu, Yang Berhormat kita hendak semua petani menggunakan amalan pengurusan air yang baik. Jadi, bermakna tiga ini sekali untuk menjuruskan apa yang kita ingin sasarkan.

Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sila duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Melalui Dewan ini, pertunjukan MAHA ini dilanjutkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nantilah Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seminggu itu tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana, musim sekolah dan ramai orang kampung, pertunjukan ini sangat baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen sudah dengar, Yang Berhormat... [Ketawa]

2. Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah kereta Proton yang dihasilkan untuk pasaran tempatan dan pasaran luar negara pada tahun 2004 hingga 2006.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Jumlah kereta-kereta yang dihasilkan oleh Proton untuk pasaran tempatan dan eksport daripada tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah seperti berikut:

Tahun kewangan 2004 jumlah keseluruhan yang dihasilkan ialah sebanyak 146,542 unit. Di mana 95.3% nya adalah untuk pengeluaran tempatan dan 4.7%nya adalah untuk eksport. Dari segi jumlah pengeluaran tempatan sebanyak 139,610 buah unit dan untuk eksport 6,932 unit.

Bagi tahun kewangan 2005, jumlah pengeluarannya adalah sebanyak 200,501 unit. Untuk pasaran tempatan 185,886 unit iaitu 92.7%. Dan, untuk pasaran eksport 14,635 unit iaitu 7.3%.

Bagi tahun kewangan 2006, jumlah yang dihasilkan, yang dikeluarkan adalah 182,859 unit. Untuk pasaran tempatan 168,153 unit iaitu 92% dan untuk eksport 14,706 unit iaitu 8%. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Daripada angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapati bahawa kereta Proton yang untuk dieksport adalah begitu kecil. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha dan pendekatan yang diambil oleh Proton, bagi memastikan kereta nasional kita mempunyai kemampuan yang lebih kompetitif dan berdaya saing yang lebih tinggi dalam mempertahankan dan meningkatkan pasaran di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa jumlah penembusan pasaran eksport oleh Proton masih lagi kecil, iaitu kurang daripada 10%. Di antara negara-negara yang merupakan negara eksport Proton kita yang agak signifikan, yang besar ialah United Kingdom, Australia, Iran, Egypt dan South Afrika. Ini merupakan negara-negara yang melebihi 1000 unit setahun.

Satu perkara yang diberi tumpuan oleh Proton untuk menambahkan lagi 'penetrasi' pasaran eksport ini ialah untuk mewujudkan modal-modal baru kerana pasaran kereta di seluruh dunia adalah begitu kompetitif, yang bersaing dengan pengeluar-pengeluar dari rata-rata di dunia ini dan kita tidak dapat bergantung kepada model-model yang dihasilkan sebelumnya. Jadi, inilah satu usaha yang dibuat oleh Proton, satu tumpuan di mana model-model baru sedang diusahakan, baik secara dalaman mahupun bersama dengan rakan-rakan strategi yang mana sedang di bincang dan dibuat perjanjian memorandum dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjadikan sesebuah syarikat automotif kompetitif, kita dapati perlu mengeluarkan lebih kurang 700,000 kereta setahun sebenarnya, selain daripada harga dan sebagainya. Jadi, jumlah yang dikeluarkan ini memang begitu sedikit untuk Proton bersaing.

Walau bagaimanapun, saya terlihat dalam *report* tahun 2005, dianggarkan lebih kurang daripada jumlah yang dikeluarkan tadi ada terdapat lebih kurang 25,000 unit tidak terjual, walaupun jumlah yang kita keluarkan sedikit tetapi masih ada unit yang tidak terjual. Kalau satu unit RM40,000, kita dapati lebih kurang 1 bilion daripada kos produk Proton tidak dapat kita langsaikan.

Saya hendak tanya, apakah perancangan Proton terhadap kereta-kereta yang tidak boleh terjual dan apakah pula kedudukan terbaharu kereta-kereta Proton yang tidak terjual sehingga tahun 2006 ini.

Seorang Ahli: Lelong.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya terdapat perbezaan di antara jumlah yang dihasilkan dan jumlah yang akhirnya dijual. Satu statistik yang boleh saya berikan, umpamanya yang dihasilkan untuk eksport. Pada setiap tahun, yang dikeluarkan untuk eksport adalah lebih kurang 14,000 unit. Sehingga kini, bagi tahun 2006, tujuh bulan dari segi tahun kewangannya yang dijual ialah 11,000. Jadi, ada sedikit perbezaan dan mungkin perbezaan ini dapat dipenuhi dalam bulan-bulan yang berikutnya. Tentang jumlah yang tidak terjual sehingga hari ini, saya minta maaf saya tidak ada maklumat itu, saya akan minta dan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

3. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada pihak kementerian menyedari bahawa 553 kes kemalangan pada tahun 2004 dan 464 kes kemalangan pada tahun 2005 telah berlaku di CH 720 pusingan 'U' Lebuhraya Sungai Besi berdekatan Kompleks Minlon, Desa Serdang. Jika ya, apakah tindakan untuk mengurangkan kes kemalangan di situ; dan
- (b) sama ada pihak LLM telah menerima laporan terperinci daripada konsultan Besraya Bhd. untuk menyelesaikan masalah kemalangan yang serius itu. Jika ya, apakah cadangan untuk mengatasinya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan,

- (a) Pihak kementerian sedar dan maklum mengenai kadar kemalangan yang tinggi di pusingan 'U' kilometer 0.72 Lebuhraya Sungai Besi.

Pihak kementerian telah meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan syarikat konsesi lebuhraya terbabit iaitu Besraya Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan mendapati jumlah kes kemalangan yang pernah berlaku di pusingan 'U' kilometer 0.72 lebuhraya tersebut hanya empat kes pada tahun 2004 dan tidak ada kes pada tahun 2005 sehingga sekarang.

Jumlah kes kemalangan di lokasi berkaitan yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu 553 kes kemalangan pada tahun 2004 dan 464 kes kemalangan pada tahun 2005 adalah kurang tepat.

Kemalangan adalah disebabkan oleh penunggang motosikal yang menggunakan pusingan 'U' ini dengan melawan arah sebagai jalan pintas. Pihak konsesi telah meletakkan papan tanda, papan amaran dan mendapatkan bantuan polis untuk menghalang penggunaan pusingan 'U' sebagai laluan melawan arah ini bagi mengelakkan kemalangan.

Namun masih terdapat pengguna lebuhraya tidak mematuhi amaran tersebut. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengarahkan pihak konsesi melantik konsultan untuk membuat kajian cadangan menutup pusingan 'U' tersebut dan mengarahkan trafik membuat pusingan 'U' di persimpangan UPM iaitu 700 meter ke hadapan.

Jawapan bagi soalan,

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun menerima laporan terperinci berhubung cadangan penyelesaian masalah di atas. Pada 14 September 2006, dari konsultan yang dilantik oleh Besraya khususnya cadangan pembinaan pusingan 'U' di persimpangan UPM di kilometer 0.00 Lebuhraya Sungai Besi bagi menggantikan pusingan 'U' di kilometer 0.72 berkaitan.

Hasil kajian mendapati cadangan untuk menutup pusingan 'U' berhampiran Wisma Minlon dan menukar haluan trafik ke persimpangan UPM hanya akan menambahkan kesesakan di lokasi tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun mengarahkan pihak konsesi mengkaji cadangan untuk membina *dedicated U-turn* di persimpangan UPM tersebut dengan mengambil kira semua aspek khususnya aspek keselamatan dan kelancaran trafik.

Dalam masa yang sama pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mendapatkan kerjasama pihak polis untuk membuat penguatkuasaan ke atas pengguna lebuhraya yang menyalahgunakan pusingan 'U', di samping mengarahkan pihak Besraya memasang lebih banyak papan tanda amaran di lokasi-lokasi tersebut.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, jawapan yang begitu panjang tetapi soalnya kes kemalangan yang berlaku di hadapan CH 720 itu, laporan yang sebenarnya, saya tidak tahu siapa benar, siapa tidak benar.

Ini kerana laporan daripada Dewan ini yang diterima pada 22 Mac 2006, yang saya tanya kepada jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di hadapan Wisma Minlon di Lebuhraya Sungai Besi pada tahun 2005 ialah 460 kes. Itu sebab saya tidak tahu siapa yang sebenarnya, kalau jawapan ini yang dibentangkan di Dewan ini tidak tepat, saya tidak tahulah.

Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, soalnya. Kes kemalangan yang sering berlaku di situ dan dengan adanya cadangan daripada Lebuhraya Sungai Besi, tetapi saya mintalah pihak kementerian boleh menimbangkan untuk membina *fly over* atau persimpangan bertingkat secara ringkas untuk mengelakkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan minta, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena tanya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Dan bila dia ada buat itu? Sebab saya dapat laporan ini jadi banyak kes kemalangan berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya Yang Berhormat. Soalnya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya mahu satu jawapan di mana *commitment* dan juga perhatian kementerian itu sendiri. Pihaknya katakan keselamatan dan keselesaan untuk pengguna lebuhraya. Maka itu, ini selesa dan selamat. Maka itu saya minta bilakah cadangan yang akan dibuat supaya mengelakkan kemalangan berlaku lagi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah melawat ke kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya telah melihat dengan dua mata, nasib baik Tuhan tidak bagi saya empat mata... [Ketawa] Saya lihat pengguna-pengguna iaitu penunggang motosikal, dia lari liar..., liar..., *wild*. Tidak peduli berkenaan dengan undang-undang...

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak mematuhi syarat-syarat. Tidak boleh memberhentikan...

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila sudah berada di lebuhraya, dia mahu lari saja, tidak peduli.

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila dia mati, kita kesian. Apa kita boleh buat lagi lebih-lebih. Kita tidak boleh bagi dia nyawa balik. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu minta untuk membina satu persimpangan bertingkat. Yang Berhormat, senang mencadangkan, susah membina.

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Oleh sebab kawasan ini sudah diletak dalam bidang kuasa konsesi, jikalau saya mengarahkan dia membina persimpangan bertingkat, dengan serta-merta dia minta pampasan. Kerajaan tidak boleh memberi pampasan kepada projek-projek yang sudah siap. Inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh kita. Walau bagaimanapun, saya boleh juga memberitahu kepada Yang Berhormat saya minta Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mengadakan satu perbincangan dengan pihak konsesi sekali lagi, mahu kah mereka mengambil perhatian apa yang berlaku kepada nyawa manusia di kawasan itu. Jikalau mereka kata tidak, baru Menteri campur tangan, bagi arahan kepada mereka.

Yang kedua, saya suka juga memberi keterangan kepada Yang Berhormat, iaitu kes kemalangan yang saya ada dalam rekod daripada 4 April, satu, sebuah kereta telah melanggar sebuah motosikal. Penunggang motosikal cedera parah dan 11 Mei tahun itu juga, sebuah Pajero telah melanggar sebuah motosikal yang datang dari arah bertentangan. Tiada kecederaan, nasib baik.

Pada 28 September iaitu sebuah Wira terbabas lalu melanggar pembahagi jalan. Ini wira punya orang. Orang yang mengguna Wira, dia ingat dia wira atas jalan...

Beberapa Ahli: [Ketawa].

Dato' Seri S. Samy Vellu: Lagi satu... [Ketawa] ...Akhirnya, pada 31 Disember, kereta jenis Honda melanggar kereta Proton dari belakang dan terbalik. Inilah rekod-rekod kami. Kami mempunyai semua rekod tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa masalah yang dihadapi Ahli Yang Berhormat di kawasan sendiri, sudah diatasi.

Beberapa Ahli: Sudah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukan kata belum. Ada juga banyak kawasan mempunyai masalah yang sama, kita mesti kena belanja duit di semua tempat. Walau bagaimanapun, tunggu sedikit masa lah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Laluan Persekutuan FT 005, dari Kapar ke Kuala Selangor merupakan kawasan kemalangan yang paling tinggi di negara ini. Baru-baru ini kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Nasional dilancarkan di Kuala Selangor oleh Ketua Polis Negara.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah drastik yang akan dilakukan oleh kementerian bagi mengurangkan kadar kemalangan tersebut? Adakah projek-projek berikut akan dilaksanakan:

- (i) menyediakan laluan motosikal;
- (ii) memasang lampu-lampu jalan di sepanjang laluan;
- (iii) membina pembahagi jalan;
- (iv) mengubah suai jejantas-jejantas untuk kemudahan pelajar-pelajar berbasikal; dan
- (v) memasang papan tanda "Ikut kiri jika tidak memotong".

Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, laluan F 5 iaitu Kapar ke Klang ya?... Yang Berhormat kata Klang atau Kuala Lumpur?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Kapar-Kuala Selangor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Okey. Kami sekarang, mempunyai satu rancangan untuk membina beberapa jalan baru, tetapi jalan lama yang sedia ada, ada juga di beberapa tempat kita akan meluruskan jalan untuk mengatasi masalah ini. Yang Berhormat telah menyoal tadi berkenaan dengan lorong motosikal. Lorong motosikal itu kita sudah tetapkan manakah tempat yang bahaya di sana sahaja kita membina lorong motosikal tetapi saya melihat kemalangan yang berlaku di negara ini banyak di antaranya di kawasan-kawasan kita melihat yang terbahaya penunggang motosikal sahaja yang pertamanya maut.

Saya akan bincang dengan kerajaan untuk mengadakan mana-mana satu rancangan kita mesti membina lorong motosikal untuk mengasingkan mereka daripada lebuh raya. Sekarang di Teluk Intan, simpang empat, kita sudah asingkan lorong motosikal daripada jalan besar, masih lagi dia guna jalan besar sahaja. Ada juga pengguna-pengguna kenderaan menggunakan lorong motosikal.

Ini menjadi susahlah Yang Berhormat. Kita tidak boleh mengadakan satu mata-mata di setiap kilometer untuk menyaman mereka. Walau bagaimanapun apa yang telah dikatakan tadi oleh Yang Berhormat, saya ambil perhatian.

4. Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sudah ada tindakan susulan kementerian menjadikan saranan

Perdana Menteri supaya kegiatan koperasi dijadikan satu daripada kokurikulum di sekolah bagi menanam semangat keusahawanan di kalangan pelajar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia memang menyedari kepentingan budaya dan semangat keusahawanan di kalangan murid. Elemen keusahawanan ini telah diterapkan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi kurikulum, Kurikulum Baru Sekolah Rendah atau KBSR dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau KBSM telah memperkenalkan elemen keusahawanan semenjak awal tahun 1990an lagi berlandaskan topik perniagaan dan keusahawanan. Elemen keusahawanan diterapkan kepada murid dalam dua mata pelajaran wajib iaitu mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah atau KHSR di tahap dua iaitu Tahun 4, 5 dan 6 dan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1, 2 dan 3 di peringkat menengah rendah.

Bagi murid Tingkatan 4 dan 5, elemen ini diterapkan dalam mata pelajaran pilihan iaitu perdagangan, ekonomi asas dan 20 mata pelajaran vokasional atau MPV di sekolah menengah harian dan juga dalam mata pelajaran reka cipta. Di Sekolah Menengah Teknik, murid mempelajari kemahiran keusahawanan melalui subjek ERT, pengurusan perniagaan, pengaturcaraan komputer dan perdagangan

Dari segi kokurikulum, gerakan koperasi sekolah telah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah selaras dengan Akta Pelajaran 61 Akta Pendidikan 1996 dan Warta Kerajaan bertarikh 21/98. Kementerian juga telah mengeluarkan surat siaran bertarikh 3 Oktober 2006 mengenai penubuhan koperasi sekolah sebagai salah satu aktiviti kokurikulum.

Sehingga Oktober 2006, terdapat sebanyak 1,835 koperasi di sekolah menengah telah ditubuhkan. Murid-murid digalakkan menjadi ahli koperasi dan beberapa orang murid dilantik menjadi petugas dan ahli lembaga koperasi. Selain daripada ini, kementerian juga telah menggalakkan sekolah-sekolah menubuhkan kelab usahawan muda. Sehingga tahun 2005, terdapat 525 kelab usahawan muda telah ditubuhkan di sekolah menengah.

Antara kegiatan kelab ini adalah untuk menganjurkan 'Hari Keusahawanan' bagi memberi peluang setiap murid terlibat dalam urusan perniagaan. Kementerian juga bercadang untuk melaksanakan program keusahawanan *junior* di peringkat sekolah rendah bermula tahun 2007.

Walau bagaimanapun usaha murni kementerian ini perlu mendapat sokongan ibu bapa, masyarakat dan juga kerjasama agensi-agensi berkaitan bagi menjadikan budaya ini dijiwai dan diamalkan secara berterusan oleh semua murid. Kementerian Pelajaran amat mengharapkan kerjasama antara agensi-agensi lain seperti Jabatan Pembangunan Koperasi, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Lembaga Urusan Dan Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional dan Permodalan Nasional Berhad diteruskan agar program-program yang dianjurkan akan dapat meningkatkan minat dan kemahiran pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, melentur buluh biarlah dari rebunginya. Jadi pepatah itu jelas menggambarkan betapa untuk menanam nilai-nilai positif ke dalam diri seseorang perlu dilakukan sejak awal usia pelajar. Malah ilmu keusahawanan itu turut boleh membantu seseorang pelajar itu untuk tidak menghadapi soal pengangguran di masa depan apatah lagi negara sekarang sebenarnya memerlukan 60,000 usahawan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah pihak kerajaan benar-benar serius memperbanyakkan sistem praktikal seperti amalan koperasi ini berbanding dengan teori di dalam sistem pembelajaran, pendidikan negara masa sekarang dalam mewujudkan daya saing dan daya tahan yang antaranya merupakan ciri-ciri penting sebagai seorang usahawan dan sejauh manakah pengiktirafan kepada koperasi kepada guru dan pelajar sebenarnya yang telah menjayakan koperasi-koperasi di sekolah mereka. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, di antara satu syarat di bawah Akta Koperasi adalah bahawa keahliannya mestilah berumur lebih daripada 12 tahun. Kebanyakan koperasi sekolah adalah ditubuhkan di peringkat sekolah menengah sahaja. Dari 2,045 sekolah menengah setakat ini 1,835 ataupun 90% sekolah menengah telah pun mengadakan koperasi. Dari jumlah angka ini, 80 telah pun didaftarkan dengan ANGKASA.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa taraf koperasi sekolah tidaklah lain daripada koperasi-koperasi yang lain, tarafnya sama. Memang ini adalah satu *success story* Kementerian Pelajaran dengan izin, yang jarang diketahui oleh ramai. Di antara bidang yang dijalankan oleh koperasi juga adalah mesti akan mengagumkan ahli-ahli dalam Dewan ini dan di antara perniagaan yang dijalankan oleh koperasi sekolah termasuk perkhidmatan seperti *laundry, photostat, binding, garage, transport* dan sebagainya dia juga menceburkan diri dalam bidang ICT melalui *computerized deposit centre* iaitu suatu sistem perbankan mereka juga menjalankan sebagai *activity consumers* sebagai kedai buku, *convenience shop binding machine* mereka juga ada beberapa *business apprenticeship* dengan izin, iaitu melalui menghadiri mesyuarat lembaga mereka juga menjalankan program *sports and recreation* seperti *petong, cycling* dan *motivation*.

Di antara program-program yang dibimbing khusus oleh ANGKASA ialah program *school tourism* dengan izin ataupun pelancongan koperasi sekolah dan juga ANGKASA telah menjalankan program-program khusus untuk membantu sekolah-sekolah ini untuk menaik taraf sistem pengurusan di sekolah. Di antara program-program yang dijalankan oleh ANGKASA adalah:

- (i) kursus pendidikan; dan
- (ii) membekalkan satu sistem perisian komputer *software* yang khusus untuk pengendalian koperasi. Mereka membantu dalam program pelancongan koperasi dan juga mereka mengendalikan Hari Koperasi sekolah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana struktur perniagaan telah dibuat begitu rupa bukan sahaja sekolah rendah tetapi sampai ke peringkat universiti tetapi sebagai orang yang mengetahui sedikit daripada segi teorinya ini, perkataan istilah keusahawanan ini ialah suatu istilah yang *most abused language word* dalam bahasa kita.

Kita kadang-kadang tersalah sangka perniagaan dengan pengurusan itu adalah keusahawanan tetapi berlainan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi persoalannya, apa perubahan dari segi *mindset*, perubahan daripada motivasi dan persepsi anak-anak daripada peringkat kecil lagi. Soal keusahawanan ini jangan disalahtafsirkan dalam bidang perniagaan dan pengurusan untuk memotivasi dan mengubah *mindset* dan persepsi anak-anak, khususnya anak bumiputera yang mana Rancangan Malaysia Kesembilan dan prestasi anak-anak kita dalam *economic policy* Malaysia patut dapat berjaya.

Persoalannya, adakah guru-guru ini juga mempunyai latihan yang khusus? Kalau guru-guru ini mempunyai persepsi soal perniagaan dan pengurusan dengan keusahawanan ini nescaya *effort* yang kita buat di sekolah, di universiti dan sebagainya mungkin tidak akan mendapat *target* yang kita hendakkan. Jadi adakah guru ini diberi latihan yang sebenarnya atau sebetulnya dan orang yang mempunyai latar belakang dan kelulusan yang khusus untuk memberi pengajian dan pengajaran kepada mereka ini. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih untuk soalan ini. Memang di kementerian kami memberi latihan kepada guru-guru di sekolah menengah teknik melalui latihan modul keusahawanan dalam bidang masing-masing dan latihan ini dilaksanakan secara berperingkat melalui kursus orientasi kurikulum baru modul keusahawanan yang dijalankan oleh UiTM. Cuma saya ingin nyatakan satu bahawa di koperasi ini, matlamat keuntungan tidaklah semata-matanya matlamat yang penting sebab definisi koperasi itu adalah untuk *well-being of all the members* dan *profit* ataupun keuntungan adalah sedemikian.

Akan tetapi di antara matlamat kami wujudkan penubuhan gerakan koperasi di sekolah adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar supaya mereka ini mendapat sedikit pengalaman untuk mentadbir, mengurus, membuat keputusan dan memimpin khususnya melalui koperasi di sekolah. Mereka juga mendapat satu peluang untuk mengamalkan prinsip berdikari, mengamalkan cara hidup bermasyarakat secara demokratik dan juga memberi perkhidmatan bagi memenuhi keperluan sosioekonomi anggota. Ini adalah berlainan sedikit daripada kelab keusahawanan di mana mungkin matlamat utamanya adalah untuk mencari keuntungan. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

5. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana kejayaan kempen kitar semula dan pengurangan penggunaan plastik demi memelihara kebersihan alam sekitar. Nyatakan tindakan susulan memastikan kejayaan keseluruhan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan secara serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kampar bertarikh 29 November tahun ini memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, semenjak dilancarkan pada tahun 2000, pencapaian program kitar semula pada keseluruhannya adalah memuaskan dari segi memberi kesedaran kepada orang ramai ke arah membudayakan amalan kitar semula. Walau bagaimanapun, kitar semula merupakan program yang sentiasa berterusan dan Kementerian sedang berusaha untuk mempertingkatkan lagi kejayaan program ini dengan menggunakan pelbagai cara seperti menyediakan peraturan dan perundangan berkenaan kitar semula dan pemberian insentif di samping meneruskan kempen-kempen dalam mempromosikan kitar semula.

Kemudahan-kemudahan kitar semula seperti tong kitar semula dan pusat pengumpulan akan dipertingkatkan lagi untuk membantu orang ramai dalam aktiviti kitar semula. Bagi memastikan program kitar semula mencapai matlamat jangka panjang, Kementerian saya akan meneruskan kempen kesedaran, mempergiatkan lagi usaha dengan pelbagai pihak dalam aktiviti kitar semula, merangka polisi dan perundangan khusus berkenaan kitar semula. Kementerian juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan sistem rangkaian kitar semula yang lengkap untuk mengukuhkan industri kitar semula dan seterusnya mewujudkan budaya kitar semula yang dapat bergerak secara sendiri.

Pada masa ini Kementerian sentiasa mencari alternatif yang sesuai bagi mengurangkan penggunaan plastik di kalangan semua pihak yang terlibat. Kementerian menggalakkan semua pihak yang terlibat supaya cuba berusaha untuk mengurangkan penggunaan plastik secara berlebihan dalam aktiviti-aktiviti harian mereka. Mereka juga digalakkan untuk mengitar semula sisa plastik menggunakan kaedah 3R iaitu *reduce, reuse, recycle*. Di samping itu Kementerian bercadang untuk mengkaji kaedah penyelesaian yang sesuai untuk mengatasi masalah penggunaan plastik secara berlebihan tanpa mengendahkan ancamannya kepada alam sekitar. Melalui cadangan kajian ini, Kementerian berharap satu kaedah pengawalan penggunaan plastik yang berlebihan dapat dihasilkan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Di Sandakan walaupun usaha telah diambil oleh PBT terhadap masalah beg-beg plastik yang didapati lama terkumpul di sepanjang tepi laut di Kampung Berhara Darat Sim Sim tetapi sehingga kini masalah ini tidak dapat diselesaikan. Apakah bantuan yang dapat diberikan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Juga tentang memelihara kebersihan alam sekitar, saya ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah bagi tahun 2004 adalah dikomen bahawa perjanjian penswastaan pungutan sampah bagi tahun Majlis Perbandaran Sandakan tidak memuaskan di mana kepentingan kerajaan tidak dilindungi sepenuhnya. Saya telah mengemukakan isu ini kepada PBT berkenaan tetapi sehingga kini tidak ada maklum balas yang diterima. Jadi apakah tindakan yang telah diambil untuk membetulkannya? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan keadaan di Sabah terutamanya di Sandakan, saya perlu dapatkan maklum balas daripada Kerajaan Negeri Sabah terutamanya daripada pihak berkuasa tempatan. Secara umumnya memang kerajaan sedang mencari jalan bagaimana menggalakkan rakyat untuk menggunakan beg-beg plastik daripada bahan *biodegradable*. Akan tetapi pada masa ini plastik *biodegradable* itu harganya tidak cukup kompetitif berbanding dengan plastik biasa. Kementerian telah pun dapatkan kerjasama daripada Persatuan Pekilang Plastik Malaysia dan Malaysian Plastic Manufacturers Association untuk beri pandangan dan kajian dan adakan usaha dengan kerajaan bagaimana hendak mempopularkan beg plastik *biodegradable*, sementara menjadikan harganya kompetitif dan juga menyedarkan orang ramai apakah kebbaikannya dari segi perlindungan alam sekitar.

Bagi hal yang berkaitan dengan penswastaan pengurusan di Sabah, saya kena dapatkan maklumat kerana buat masa kini kementerian saya hanya dapat berurusan dengan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung. Sabah Sarawak selalunya kita menghormati bidang kuasa pihak kerajaan negeri, apa yang perlu dilakukan di situ, mereka perlu bersetuju dan perlu ada cadangan daripada pihak berkuasa negeri dari negeri Sabah dahulu. Saya faham perkara yang dibangkitkan adalah mengenai keberkesanan pentadbiran dan operasi. Ini saya perlu dapat maklumat lanjut.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa jika sekiranya kita berkempen dan beriklan sahaja mungkin kempen kitar semula ini tidak boleh berjaya sepenuhnya jika sekiranya tidak disediakan prasarana ataupun kemudahan untuk rakyat mengambil bahagian. Oleh itu saya ingin tahu, berapakah pusat pelupusan untuk kitar semula di seluruh negara dan berapakah bilangan tong-tong sampah yang disediakan di seluruh negara melalui PBT.

Saya difahamkan bahawa penyelenggaranya ataupun kutipan bahan-bahan kitar semula ini adalah di bawah PBT, di mana kontraktor yang mengutip bahan-bahan kitar semula itu telah diswastakan dan banyak rungutan bahawa PBT tidak berkemampuan dari segi kewangan, maka kita lihat perkhidmatan yang disediakan tidak memuaskan. Oleh itu saya ingin tahu apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk membantu PBT supaya perkara ini dapat di atasi. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu soalan yang amat tepat pada masa sekarang. Saya tahu Yang Berhormat bagi Ampang sangat prihatin, pernah tanya beberapa kali soalan mengenai kitar semula di sini. Soalan itu telah betul-betul menyentuh beberapa cabaran untuk di atasi oleh kementerian.

Yang pertama, buat masa kini kementerian sahaja yang mengadakan usaha penyelarasan dan galakan promosi supaya PBT terutamanya semua majlis perbandaran, di kawasan majlis perbandaran ataupun bandar rayalah dikatakan tempat yang paling menghadapi cabaran sampah dan sisa pepejal. Pusat pengumpulan yang telah disediakan melalui usaha kementerian dan kerjasama kerajaan negeri di seluruh negara ialah 835 dan kebanyakan adalah di kawasan majlis perbandaran atau majlis bandar raya. Manakala bagi tong-tong kitar semula yang pelbagai jenis yang telah dikeluarkan oleh kementerian, selama ini terdapat tiga jenis yang kapasiti besar ialah 3,950, kapasiti sederhana iaitu 360 liter. Tiap-tiap set ada tiga unit iaitu 3,675 dan bagi kapasiti 240 liter setnya adalah 2,360.

Ini hanya satu bilangan yang begitu asas sahaja iaitu simbolik, ia memang tidak cukup. Pada masa kini, kementerian sudah sampai satu tahap hendak mengemukakan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal ke Parlimen, akan tetapi baru-baru ini terdapat beberapa perundangan yang juga amat mendesak perlu diutamakan pada penghujung sesi ini. Dijangka apabila Jemaah Menteri dapat lulus semuanya, Rang Undang-undang Sisa Pepejal antara satu perkara yang mendesak, tetapi saya nampak *schedule* Parlimen mungkin tidak sempat hendak bahas semua.

Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini telah pun jadi rang undang-undang keutamaan. Kalau tidak sempat kali ini, sesi Mac tentu rang undang-undang ini akan sampai di dalam situlah akan ada perundangan yang lebih berkesan untuk memastikan sama ada penswastaan, kitar semula, aktiviti kebersihan dan sebagainya semua akan diberi peruntukan yang sesuai dalam rang undang-undang ini.

Jadi dengan itu saya rasa Program Kitar Semula itu akan jadi betul-betul berkesan. Sekarang yang saya kata ialah hanya promosi secara kesedaran orang ramai sahaja. Infrastruktur, pelaburan spesifik itu masih belum betul-betul mula secara serius kerana ini memerlukan pelaburan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah sahaja. Apakah sikap kementerian kepada pembinaan-pembinaan *incinerator* yang akan menjadi kemuncak kepada Program Kitar Semula ini. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pendirian kementerian ialah kita ambil kira pandangan semua pihak yang mahir dan lebih tahu tentang keadaan ini. *Incinerator* adalah satu pilihan yang bukan pertama. Ia akan jadi satu *last resort* di mana apabila tapak pelupusan dengan adanya kitar semula yang cukup hebat, tapak pelupusan pun tidak boleh lagi menampung dan di tempat yang memang tidak boleh lagi terpaksa - macam di beberapa bandar raya di negara lain, dia terpaksa ada *incinerator* itu adalah satu *last resort*.

Buat masa kini kementerian saya tidak galakan *incinerator*. Seboleh-bolehnya kita hendak tengok kitar semula dan teknologi tempatan yang boleh membantu mementingkan MRF dengan izinnya, *Material Recovery Facilities* untuk dapat balik semua bahan supaya dia tidak pergi kepada tapak pelupusan sebagai sampah. Semua usaha ini dijalankan sebagai keutamaan. *Incinerator* itu adalah satu pilihan secara bersepadu dan sebagai pilihan yang apabila tidak dapat dielakkan.

6. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani] minta Perdana Menteri menyatakan, pada masa kini apakah kaedah yang diguna pakai dalam perkhidmatan awam dalam proses kenaikan pangkat. Adakah umur dan pengalaman menjadi kriteria utama dalam proses tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang bertanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kaedah kenaikan pangkat yang diguna pakai dalam urusan kenaikan pangkat pegawai awam pada masa ini adalah berasaskan merit. Iaitu sebagaimana diperuntukkan di dalam Peraturan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005 yang menyatakan seperti berikut.

Kenaikan pangkat seseorang pegawai adalah berdasarkan merit. Dalam mempertimbangkan seseorang pegawai bagi kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira:

- (a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;
- (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;
- (c) sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaian dengan jawatan kenaikan pangkat itu, potensi dan kepimpinan pegawai itu; dan
- (d) kegiatan selain dari tugasnya serta sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.

Selain daripada itu sebagai tambahan kepada perkara yang saya nyatakan tadi, Lembaga Kenaikan Pangkat boleh juga mengambil kira aspek lain yang difikirkan relevan. Namun begitu, jika dua atau lebih pegawai diputuskan sama ada dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat itu, maka kekananan pegawai itu hendaklah juga dijadikan asas bagi pemilihan dan diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan peraturan di atas, maka asas dan prinsip kenaikan pangkat yang dilaksanakan tidak berasaskan umur dan pengalaman semata-mata.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang saya rasa itu adalah jawapan yang tertulis tetapi secara praktisnya, saya rasa tidak yang berlaku sedemikian. Saya dapati, rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai rendah terutama sekali dalam lingkungan L40 ke, ataupun M41 dan naik M44. Mereka katakan kedudukan mereka amatlah gawat disebabkan adanya peperiksaan PTK.

Adakah kenaikan pangkat itu semata-mata berasaskan kepada PTK dan juga PTK ini kadangkala menyebabkan seseorang pegawai kecil tadi rasa gelisah, kerana mereka tidak diperiksa dengan kemahiran dalam bidang mereka seperti mana Yang Berhormat telah nyatakan dalam Dewan ini dua hari yang lalu. Soalnya ialah apakah mereka ini tidak dinilai berasaskan kepada bidang-bidang tertentu misalnya daripada JKR *engineer*nya, kedoktoran di bidang kedoktorannya walaupun majistret dalam bidang undang-undangnya tetapi penekanan lebih banyak diberi kepada soal-soal pentadbiran dengan lain kata ia lebih sifat *PTD bias*. Yang mana soalan-soalan seperti kewangan, pentadbiran dan mereka tidak dibenarkan untuk merujuk kepada perkara-perkara yang saya sendiri melihat begitu tebal semua peraturan yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan begitu besar.

Mereka diberi kursus yang pendek dan mereka terpaksa menghadapi peperiksaan dalam jangka masa yang singkat. Dengan yang demikian, apakah pihak Jabatan Perdana Menteri untuk melihat semula apakah ini rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai kecil tadi kerana bimbang saya ialah kalau mereka tidak dinaikkan pangkat, akibatnya akan menjejaskan kedudukan gaji mereka dan seterusnya menjejaskan pencen mereka kelak. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertama sekali saya ingin menjelaskan sekiranya Yang Berhormat menyatakan bahawa pegawai diberi masa yang pendek ini adalah juga tidak tepat kerana peperiksaan PTK ini diadakan setahun sebanyak empat kali. Jadi mereka boleh memilih dan menyediakan diri mereka untuk menghadapi peperiksaan ini.

Yang kedua, saya ingin menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa dari segi kenaikan pangkat ini ada dua komponen diberi perhatian. Pertama sekali ialah prestasi pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini berdasarkan kepada laporan tahunan sebanyak tiga tahun berturut-turut dan untuk makluman Dewan, prestasi ini dinilai berasaskan kepada prinsip-prinsip penilaian:

- (i) penilaian hendaklah dilaksanakan secara objektif, adil dan telus. Jadi sekiranya kalau ada penilaian yang tidak adil dan tidak telus, ini adalah faktor kemanusiaan yang kita rasa kita boleh perbaiki dari masa ke semasa melalui kursus-kursus dan sebagainya;
- (ii) penilaian prestasi hendaklah diasaskan kepada penghasilan kerja dan tingkah laku yang dipamerkan oleh pegawai yang dinilai ke arah pencapaian objektif organisasi yang ditetapkan; dan
- (iii) menggalakkan persaingan positif sesama pegawai untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa perkhidmatan awam adalah merupakan satu perkhidmatan yang kita kata berkembang dan harus diperbaiki dari satu masa ke satu masa. Sebab itu kalau kita lihat sebelum tahun 2002 seperti yang saya jawab dahulu iaitu kita berdasarkan kepada SSB. Dalam SSB ini pun ada kelemahan-kelemahannya yang mana kita tahu hanya berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh ketua-ketua jabatan ataupun *immediate boss* mereka, dengan izin tetapi kita lihat bahawa ada satu fakta lagi yang lebih penting yang juga boleh membantu supaya keadilan dapat dilakukan, inilah diadakan PTK.

Saya hendak jelaskan bahawa PTK ini selain daripada kurikulum ketatanegaraan, perintah am, kewangan dan sebagainya, mereka juga ada satu bahagian di mana dalam bidang masing-masing.

Umpamanya kalau pertanian, dikhususkan dalam bidang pertanian kerana penyelenggaraan kursus ini dilakukan oleh agensi-agensi yang berkenaan atau jabatan-jabatan yang tertentu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu kegagalan dalam objektif Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat ialah perkhidmatan awam. Pada tahun 1971, ratio komposisi di perkhidmatan awam adalah orang Melayu 60.8%, orang Cina 20.2%, orang India 17.4% dan lain-lain 1.6%. Malangnya selepas 35 tahun, sekarang orang Melayu ialah 85.5%, orang Cina 9.37% dan orang India 5.12%. Bukankah usaha perlu diadakan supaya keseimbangan bilangan kaum-kaum dalam perkhidmatan awam khasnya melalui kenaikan pangkat.

Memandangkan satu cadangan yang ada dibuat oleh ASLI, Profesor Dr. Lim Teck Ghee bahawa satu cara untuk mengadakan perkhidmatan awam *world class, a more representative* adalah dengan izin, *"A 60:40 intake plan in which annual intake or fresh graduate recruits would comprise 60% of Malays; and 40% of non-Malays. This intake ratio will bring about a sufficiently representative civil service after 30 years"*. Adakah kerajaan rela untuk memberi pertimbangan supaya cadangan ini dikaji dan diterima supaya boleh menyusun ada satu *public service* yang sebenarnya *representative* dan *Malaysian now world class*?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan iaitu negara kita tidak mengamalkan dari segi perkhidmatan awam mengambil berapa mengikut kuota kaum di dalam negara kita tetapi mengikut skim yang ada dan pihak kerajaan sebenarnya memang menggalakkan kaum-kaum lain untuk menyertai di dalam perkhidmatan awam sehinggakan bukan sahaja pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ada webnya sendiri untuk sebarang kekosongan jawatan tetapi juga ada ketika tertentu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pergi membuka kaunter hingga ke sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian tinggi untuk menggalakkan mereka dari semua bangsa untuk menyertai di dalam perkhidmatan awam. Tidaklah tepat kalau kita katakan bahawa kerajaan tidak berbuat sesuatu untuk memastikan bahawa kaum-kaum lain juga turut menyertai di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi kenapa angka lebih teruk atau lebih dahsyat? Apa sebab?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerajaan tidak serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

7. Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan] minta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah kawalan yang diambil berhubung dengan keselamatan dan impak sosial akibat kemasukan pekerja asing yang ramai ke negara kita.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari kehadiran pekerja asing di Malaysia ketika ini berjumlah 1,895,243 orang memberi tekanan kepada keselamatan dan hubungan sosial serta keharmonian masyarakat tempatan. Hasrat kerajaan adalah bagi memastikan hak keharmonian dan kesejahteraan rakyat tempatan dilindungi dan diutamakan sementara orang asing di Malaysia tertakluk kepada Akta Imigresen 59 dan 63 dan Peraturan Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal kemasukan pekerja asing, Jabatan Imigresen telah menggunakan sistem biometrik bagi merekodkan cap jari dan profil pekerja asing dengan menggunakan sistem biometrik pekerja asing yang dibatalkan permit dan diusir kerana terlibat dalam aktiviti jenayah dan salah guna pas tidak akan dapat masuk kembali kerana sistem dapat mengesan mereka di pintu-pintu masuk. Kerajaan mewajibkan pekerja asing menjalani tiga kali pemeriksaan kesihatan iaitu di negara asal, satu bulan selepas berada di Malaysia dan dalam tempoh 12 bulan sebelum permit diperbaharui bagi memastikan mereka sihat di Malaysia.

Majikan yang menggaji pekerja asing adalah bertanggungjawab mengawal pekerja mereka. Sekiranya pekerja asing berkenaan tidak bekerja mengikut syarat yang ditetapkan, Jabatan Imigresen akan membatalkan permit masuk dan kerajaan akan mengambil tindakan mendapat bon-bon keselamatan yang didepositkan di Jabatan Imigresen. Sekian, terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, telah banyak diperkatakan berkenaan dengan kesan keselamatan dan impak sosial yang dihasilkan oleh pekerja-pekerja asing yang datang ke negara ini sama ada secara halal atau haram. Selama ini, tindakan serta langkah-langkah kementerian serta kerajaan bagi memastikan bahawa impak sosial ini dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali gagal sehingga meluluskan peraturan untuk mengenakan hukuman sebat, penjara dan sebagainya kepada majikan dan pekerja asing ini yang masuk secara haram masih juga gagal, tidak berjaya menakutkan pendatang-pendatang ini dan banyak peristiwa yang menakutkan telah berlaku.

Saya sendiri mengalami dua kali peristiwa dirompak secara ganas, kejam dan kasar. Dan sehingga hari ini tidak ada pun tangkapan atau penyelesaian kes ini dapat dilaksanakan oleh pihak berwajib. Timbalan Menteri berkenaan saya ingin mendapat satu cadangan atau tindakan yang cukup konkrit daripada pihak kementerian kerana usaha selama ini semuanya gagal. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan misalnya setiap kemasukan pendatang dengan izin atau tanpa izin ini diambil gambar mereka dan diletakkan di dalam rekod atau majikan yang menggaji pekerja dengan izin atau tanpa izin menyimpan rekod mereka dalam bentuk gambar kerana apabila tangkapan-tangkapan dibuat bila berlaku *photofit* ia tidak dapat dikesan. Kerana mereka tidak mempunyai rekod dan majikan yang gagal boleh didenda, boleh dikenakan hukuman kerana nampaknya sekarang ini kebimbangan warganegara Malaysia tentang keselamatan ini cukup tinggi dan saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat dan nampaknya orang yang mempunyai identiti adalah warganegara Malaysia. Orang luar, pendatang asing, pendatang tanpa izin berleluasa di negara ini bergerak dengan bebas tanpa memerlukan *identification* mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun sudah sebut bahawa pekerja asing yang belum masuk ke Malaysia mereka dikenakan Sistem Biometrik. Ini bermakna cap jari mereka akan diambil dan profil pekerja asing akan disimpan. Jadi ini adalah sangat penting apabila mereka telah melakukan sesuatu kesalahan atau sesuatu jenayah mereka diusir ke negara asal. Jadi bila mereka masuk mereka tidak dibenarkan kerana mengikut Sistem Biometrik jadi ini adalah sangat berkesan. Ini adalah satu cara di mana kita tidak mahu orang jahat atau pekerja asing yang telah melakukan kesalahan, pastikan mereka tidak boleh masuk kembali. Ini satu sistem yang boleh dikatakan sangat berkesan jadi *photo face* memang kadang-kadang kala ada orang sama juga. Ini muka kadang kala ada sama tetapi kepada saya Sistem Biometrik adalah lebih berkesan. Pekerja asing yang terlibat dalam kes-kes jenayah dan keselamatan, pihak PDRM akan mengambil tindakan berasaskan kepada peruntukkan undang-undang yang berkaitan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.. Terima kasih Timbalan Menteri tadi memberi jawapan itu jawapan memang kita sudah dengar lama. Jawapan itu Yang Berhormat bagi Alor Setar jadi Timbalan Menteri sudah beritahu jawab sama. Jadi apa punya biometrik apa punya metrik semua tidak boleh pakai saya nampak. Mengenai pendatang tanpa izin kerajaan telah berjanji untuk mengawal keadaan dan juga melalui operasi bersepadu untuk menangkap mereka. Operasi demi operasi tetapi masalah ini bukan sahaja tidak terkawal malah bertambah buruh ribu-ribu bertambah. Contoh di kawasan Bintulu satu sahaja ini sensitif soalan sudah kita punya *society* bapa ayam di Bintulu hebat cukup hebat berpuluh-puluh kali hantar balik tidak sampai dua minggu datang balik.

Saya mahu tanya macam mana boleh datang balik? Dia orang balik tukar pasport baru datang balik. Orang sama. Jadi kenapa sampai hari ini Imigresen belum lagi kaji dan ambil perhatian ini yang serius. Kalau tadi kata gambar tidak boleh pakai saya fikir *thumbprint* boleh pakai. Kenapa saya fikir kita tidak boleh mengadakan sistem dia orang masuk taruk *thumbprint* sistem dia orang masuk taruk *thumbprint* pakai apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya mahu tanya kenapa sampai hari ini belum lagi ada satu tindakan yang serius dan apakah janji baru jangan tadi punya biometrik itu tidak boleh guna. Janji baru apakah langkah-langkah baru untuk mengatasi masalah tersebut? Minta jawab jangan serupa macam Yang Berhormat bagi Alor Setar jawab. Sekian, terima kasih... [*Dewan Riu*].

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu tidak betul. Ini Sistem Biometrik dilaksanakan pada tahun 2005. Masa itu Yang Berhormat bagi Alor Setar belum tidak ada di kementerian ini. Jadi kata jawapan yang sama tidak betul.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu bukan biometric, problem matrik.

Datuk Tan Chai Ho: Jadi cap jari yang disebutkan adalah dalam sistem biometrik. Ini bermakna pekerja asing bila masuk...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi macam mana bapa ayam keluar masuk lagi.

Datuk Tan Chai Ho: Tunggu saya jawab dahulu. Dikenakan cap jari bila mereka keluar sama juga dikenakan cap jari. Jadi ini adalah penting tadi saya sebut. Pastikan mereka tidak boleh masuk semula. Kadang kala mereka telah dikeluarkan atau diusir kepada negara asal yang dikatakan bapa ayam. Jadi kalau mereka datang masuk secara haram, tidak sah susah untuk kita menggunakan biometrik ke atas mereka. Ini bermakna kita pun telah ambil langkah-langkah untuk memastikan di pintu-pintu masuk tidak ada orang masuk secara tidak sah.

Di pantai laut kita memang sangat panjang. Jadi pihak polis dan tentera telah mengawal pintu-pintu masuk atau tempat yang boleh digunakan oleh pendatang asing. Jadi inilah langkah-langkah yang telah kita ambil. Jadi di samping itu operasi telah dipertingkatkan dan kita telah banyak tangkap PATI yang tidak sah. Jadi inilah kita hendak pastikan pekerja asing atau masalah pekerja asing boleh dipulangkan di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekejap Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan itu untuk maklumat Timbalan Menteri. Timbalan Menteri belum faham lagi Bintulu di mana. Bintulu laut punya orang asing contoh daripada Indonesia tidak boleh masuk lalu itu Lubok Antu satu *checkpoint* sahaja, ambil perhatianlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain boleh bahas 12 Disemberlah.

8. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah pendakwah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bergerak, berdakwah di seluruh negara, dan adakah pendakwah kita turut berdakwah di luar negara seperti ditempatkan di kedutaan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Pada masa ini terdapat seramai 300 orang penceramah atau juga dikenali juga pendakwah di kalangan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah diberi tanggungjawab untuk menyampaikan ceramah atau dakwah di seluruh negara.

Bagi peringkat luar negara pula JAKIM menghantar pegawai-pegawainya ke negara-negara seperti Jepun, Korea, Jerman dan juga Perancis bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah dan juga imam yang bulan Ramadhan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang berada di negara-negara tersebut. Pada masa ini hanya seorang pegawai hal ehwal Islam dilantik sebagai *attaché* agama di Kedutaan Besar Malaysia di Republik Indonesia. Sekian terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat menteri. Kita tahu bahawa dalam usaha kita nak meningkatkan syiar Islam, dakwah ini amat penting. Tadi menggambarkan bahawa pendakwah kita tak cukup walaupun kita tahu bahawa rakyat Malaysia ini ramai berada di luar negara sebagai contoh di United Kingdom, di Amerika, di Australia, Mesir. Tadi Yang Berhormat sebut Jepun. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam usaha kita nak meningkatkan lagi syiar Islam terutama dalam hasrat Perdana Menteri ke arah Islam Hadhari dan kita tahu JAKIM adalah merupakan agensi terpenting.

Dan saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, kelewatan JAKIM terutama sekali dalam isu seperti murtad baru-baru ini, kelewatan sehinggakan timbul fitnah dan dalam SMS yang melibatkan pelayar solo, Dato' Azhar Mansor. Jadi apakah pendekatan tindakan lebih efektif, proaktif lebih berkesan di bawah pimpinan Yang Berhormat di jabatan JAKIM ini? Sekian terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya sebagaimana yang saya selalu jawab, JAKIM adalah merupakan agensi pusat untuk menyelaras aktiviti-aktiviti dakwah. Akan tetapi kita tak lari daripada tanggungjawab. Sebab tugas dakwah adalah tugas semua sebenarnya tetapi sekarang ini agak orang kurang jelas apabila sebut berlakunya gejala sosial, berlakunya murtad nampak JAKIM, nampak Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak menjalankan tugas ini. Sebenarnya ini saya tidak mahu lari daripada tanggungjawab. Ada juga tanggungjawab daripada JAKIM, ada juga tanggungjawab daripada menteri.

Akan tetapi semua orang Islam adalah mengambil tanggungjawab sebagai pendakwah. Apabila menjadi orang Islam, sekali gus dia adalah pendakwah. Termasuk juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat, semua menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan sebagainya. Ini saya rasa suatu yang perlu dijelaskan tetapi saya tidak mahu lari daripada tanggungjawab kerana di JAKIM sendiri ada mempunyai suatu badan tertinggi yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri iaitu MKI iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam. Ini yang paling tinggi untuk menyelaraskan dan termasuk dalamnya ialah menteri-menteri di seluruh Malaysia. Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri atau pun yang bukan Islam di wakili oleh apa EXCO Agama atau pun Timbalan Ketua Menteri.

Jadi di sini, diselaraskan kerana sebagaimana kita ketahui, untuk penguatkuasaan adalah tugas negeri-negeri. Itu bidang kuasa negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan adalah dalam bidang kuasa menurut Akta Parlimen ditubuhkan Majlis Agama dan juga Jabatan Agama iaitu di bawah JAKIM. Saya rasa itu jelas kepada kita bagaimana tugas JAKIM itu adalah tugas menyelaraskan tetapi ada pendakwahnya dan kita sekarang ini sebagai contoh dalam Islam Hadhari, saya telah kemukakan kepada Perdana Menteri di sekitar 13 juta untuk mengadakan Perkampungan Islam Hadhari sebab Perdana Menteri kata dah agak reda sedikit sekarang ini penjelasan.

Kita riuh rendahkan. Jadi saya dengan JAKIM menyiapkan satu kertas berdasarkan cadangan daripada juga Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya memberi peruntukkan kepada Ahli Parlimen mengadakan Perkampungan Islam Hadhari. Sekarang ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini saya telah kemukakan, saya telah kemukakan. Kita tunggulah insya-Allah kelulusan itu. Kita riuh rendahkan jadi biasanya Perkampungan Islam Hadhari ini sangat baik, iaitu di Terengganu ada tiga kali, di Sabah baru-baru ini saya pergi di Sandakan, katanya dah tiga kali. Di Kelantan dah ada, di negeri-negeri lain dah ada tetapi di peringkat negeri. Jadi kita sebar luaskan pengetahuan ini di setiap Ahli Parlimen.

Mudah-mudahan dengan cara itu, lebih menyeluruh lagi. Suka juga saya menyatakan dalam masa yang tidak begitu lama lagi, saya akan menyiapkan memorandum kepada Kabinet supaya ditambah. Jangan cukup dengan Indonesia sahaja, sebab permasalahannya di Australia dan New Zealand juga ramai pelajar-pelajar Islam, jadi yang ada di antaranya nak kahwin terpaksa pergi cari imam Australia. Lebih baik makna kita menguruskannya supaya lebih mudah. Kita akan memperbanyakkan mungkin UK, mungkin Amerika dan beberapa tempat lagi. Dalam masa tidak berapa lama lagi saya akan kemukakan ya? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut kerana soalan *very clear*, jawab *very clear*. Lain *is clear*, dengan izin. Saya rasa terpanggil Tuan Yang di-Pertua, untuk bertanya sedikit pandangan Yang Berhormat menteri. Kalau macam inilah menteri beri jawapan, akan datang buat taklimat sikit kepada Ahli-ahli Parlimen, rasa lebih *clear* lagi. Satunya apakah bercadang atau berniat untuk nak wujudkan *attache* bukan secara berkala, bermusim pergi ke luar negara. Saya tahu, saya sendiri pun pernah ke London, pernah ke Amerika tapi berkala.

Akan tetapi pernah tak kita nak wujudkan atase di beberapa negeri yang cukup mencabar? Satunya kita import daging seperti Australia. Kita ada pusat penyembelihan untuk menjelaskan Islam Hadhari satunya. Kemudian di UK, Amerika, Mesir dan lain-lain. Bolehlah Yang Berhormat menteri fikirkan tempat-tempat ini. Kemudian kalau boleh kita nak secara tidak kata tahun ini, tahun depan kita dengarlah.

Yang keduanya ialah kita ada satu namanya Skim Pegawai-pegawai Agama yang menyertai perkhidmatan bersama dengan JAKIM. Ketua Pengarah sebagai *Head of The Department* iaitu sebagai Ketua Perkhidmatan, apakah kelebihan-kelebihan, keelokan, faedah yang diperolehi oleh pegawai-pegawai negeri yang menyertai ini supaya semua negeri akan menyertai kalau dah dapat faedah dan kelebihan naik pangkat dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya rasa tiga perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Pertama, untuk mengadakan taklimat. Pihak JAKIM sedia untuk memberi taklimat dan kita akan cuba hubungi pihak Parlimen atau pun pihak BBC untuk memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen. Dan juga saya rasa saya boleh sebut secara menyeluruh lagi terhadap apa kritikan-kritikan membina yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil langkah untuk memperbaiki mungkin di peringkat awalnya dalam masa sebulan ini saya akan bertemu dengan Ketua-ketua Bahagian di JAKIM untuk mendengar sendiri dan cuba mengemukakan pandangan untuk penambahbaikan terhadap perkhidmatan JAKIM.

Selepas itu saya akan pertemuan sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada maklumat tentang JAKIM ini dalam suatu bengkel atau pun *roundtable discussion* serta terdiri juga daripada ahli-ahli akademik yang ada kaitannya dengan pentadbiran hal ehwal Islam ataupun NGO yang berminat dengan pentadbiran. Jadi kita akan kumpulkan mereka di tempat yang eksklusif supaya memberi pandangan-pandangan yang bernas. Tempat-tempat yang sejuk lah, kalau tempat panas jadi panas. Jadi tempat-tempat yang sejuk, Awana kah, mana kah jadi kita pertemuan mereka. Jadi, itu kita bersedia untuk menghadapi keadaan itu. Terima kasih banyak di atas pandangan-pandangan itu. Kita akan ambil perjalanan.

Yang kedua, untuk mengadakan atase, saya dah sebut tadi kita telah akan mengadakan memorandum, surat kepada Kabinet untuk dipertimbangkan kepada beberapa buah yang akan dikaji oleh JAKIM dalam kadar yang segera. Kemudian perkhidmatan bersama, itu adalah sesuatu yang baik. Kita dah lama canangkan perkhidmatan ini tapi *slow* juga, *slow* juga sebab kuasa agama adalah kuasa negeri tetapi dah ada kemajuannya. Dah lima buah negeri atau pun enam buah negeri telah bersetuju untuk mengadakan perkhidmatan bersama, iaitu boleh tukar menukar dan peluang naik pangkat begitu banyak tapi kerana agama adalah *state matter*, sangat sensitif. Jadi terpaksa kita pun tak boleh terlalu *advance* sangat, lajak sangat. Saya sebab nanti ada pihak-pihak yang tertentu merasa sensitif kerana kuasa nak diambil oleh JAKIM.

Jadi, sebab itu kita perlahan-lahan sedikit tetapi, walau bagaimanapun penyeragaman undang-undang itu insya-Allah kita akan gerakkan sehingga secukupnya. Saya rasa itu sedikit respons saya terhadap Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

9. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, bilangan tenaga profesional kaunseling yang berkhidmat di Jabatan Penjara. Sejauh manakah tindakan pewujudan perjawatan skim kaunselor terlatih di institusi penjara telah diambil seperti yang dicadangkan oleh Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini tidak ada jawatan khas dari Skim Kaunselor diwujudkan di Jabatan Penjara. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 45 orang pegawai penjara yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor bagi menjalankan tugas-tugas kaunseling. Mereka ini terdiri daripada 43 orang pegawai berkelulusan Diploma Kaunseling dan dua orang pegawai berkelulusan Ijazah Kaunseling. Di samping itu juga, operasi perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di seluruh institusi penjara turut dikendalikan oleh seramai 242 orang pembantu kaunselor berpangkat Inspektor Penjara dan Penolong Penguasa Penjara yang telah menerima latihan dalam perkhidmatan daripada kursus asas kaunseling di Maktab Penjara Malaysia.

Penempatan pegawai-pegawai ini distrukturkan mengikut nisbah kapasiti penghuni di setiap institusi. Jabatan Penjara juga telah mengemukakan kertas cadangan pengujutan sebanyak 90 jawatan kaunselor di seluruh institusi penjara. Pada ketika ini, cadangan ini masih lagi dalam kajian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, sekian terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baru-baru ini kita melihat ada masalah berhubung dengan pengedaran VCD penderaan dan rotan banduan di penjara. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan kementerian?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, VCD itu adalah rakaman oleh pihak penjara sendiri disebabkan permintaan daripada Jawatankuasa Membanteras Gejala Sosial yang telah diadakan di Negeri Sembilan dan rakaman VCD itu adalah bertujuan untuk pendidikan dan pengajaran kepada orang ramai supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah dan rakaman VCD itu biasanya juga ditunjukkan dan dipamerkan di pameran-pameran yang telah diadakan oleh penjara dan sebahagian daripada rakaman VCD itu akan dimasukkan dalam laman web penjara supaya orang ramai boleh lihat sebagai satu pengajaran. Dia bukan sesuatu yang rahsia dan cuma kita tidak benarkan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyalin VCD untuk mengaut keuntungan, sekian terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat penghuni penjara ini manusia biasa, cuma mereka tersilap dan melakukan kesalahan. Ada yang dihukum selama-lamanya, ada yang dilepaskan mengikut kategori-kategori masing-masing. Jadi, adalah menjadi keperluan supaya kerajaan mempertimbangkan bagaimana hendak mewujudkan jawatan kaunselor itu supaya mereka boleh balik kepada masyarakat. Sebab kalau tidak ada, mereka memang hilang hala tuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus soalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan saya apakah kerajaan benar-benar prihatin melihat bahawa mereka ini manusia biasa seperti kita, rakyat Malaysia yang perlu dipulihkan semangat mereka supaya mereka menjadi masyarakat semula menjadi orang baik tidak keluar jadi jahat lagi, minta penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, itu memang tujuan dan hala tuju penjara pada masa-masa akan datang. Sebab itu melalui Program Pelan Pembangunan Insan di mana di mana ada empat fasa, iaitu program-program ini adalah program pemulihan supaya banduan boleh menjadi insan yang dapat menyumbang kepada masyarakat dan supaya mereka boleh kembali kepada masyarakat dan dalam Program Pelan Pembangunan Insan ada empat fasa, iaitu:

- (i) fasa pembinaan disiplin
- (ii) Pengukuhan sahsiah;
- (iii) Fasa kemahiran; dan
- (iv) Fasa kemasyarakatan dan pra-bebas.

Dalam empat-empat fasa ini ada latihan kaunseling termasuk latihan kemahiran supaya mereka mempunyai peluang untuk bekerja dan boleh diterima oleh masyarakat dan dengan cara itu kita harap dapat mengurangkan banduan yang kembali ke penjara iaitu kadar residivis. Ini adalah memang dalam perancangan dan oleh sebab itu kita perlu jawatan-jawatan kaunselor dalam Skim Tetap dan bukan sahaja di jalankan tugas oleh pegawai lain. Sekian, terima kasih.

10. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana kerajaan dapat mengawal dan menyelia aktiviti-aktiviti ekonomi dan pelaburan syarikat gergasi Petronas memandangkan Petronas telah memperoleh keuntungan berlipat ganda akibat kenaikan minyak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petronas ditubuhkan pada 17 Ogos 1974 sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 di mana ia beroperasi sebagai sebuah entiti komersial walaupun dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Sebagai syarikat milik kerajaan, Petronas tertakluk dengan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan. Petronas bertanggungjawab secara terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut peruntukan Akta Pembangunan Petroleum 1974. Sebagai pemilik saham, Petronas, kerajaan mempunyai wakil di dalam Lembaga Pengarah Petronas iaitu daripada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Petronas juga mengamalkan piawai tadbir urus korporat atau *corporate governance* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Laporan Kewangan tahunan Petronas diaudit oleh juruaudit antarabangsa. Maklumat berkaitan prestasi kewangan Petronas boleh diperolehi umum di laman web Petronas dan laporan kewangan Petronas yang difailkan di Suruhanjaya Syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bon yang diterbitkan oleh Petronas dinilai oleh agensi penarafan antarabangsa seperti *Standard & Poors & Moody*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi Soalan Jawab Lisan pada pagi ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Keduabelas]**

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.29 [Jadual] -
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2007] -

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, diminta Timbalan Menteri sambung jawapan.

1138 pagi

Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih pada 20 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan peringkat jawatankuasa semalam dan saya akan cuba menjawab sebaik yang mungkin mengikut sektor air, tenaga dan juga telekomunikasi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor minta dijelaskan mengenai kedudukan terkini dan beberapa isu mengenai pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat kerja-kerja fizikal, projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor akan dimulakan pada awal 2008 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan 2013. Pada masa ini kementerian sedang dalam proses untuk melantik juru perunding kejuruteraan projek yang dijangka akan diselesaikan awal tahun 2007. Sebaik sahaja proses tersebut selesai, kementerian akan membuat tawaran untuk memilih kontraktor-kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan melalui kaedah *International Competitive Bidding*. Melalui kaedah ini kerajaan adalah tidak terikat untuk melantik kontraktor-kontraktor pembinaan dari Jepun sungguhpun projek ini dibiayai pinjaman dari *Japanese Bank for International Cooperation* atau JBIC.

Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Kuala Krai, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh minta penjelasan mengenai Program Penggantian Paip Lama di negeri-negeri Pantai Timur. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana dengan projek penyaluran air mentah di negeri Pahang dan negeri Selangor. Selepas mendapat jawapan daripada Yang Berhormat, yang penting sekali apa pandangan dan keputusan kerajaan negeri Pahang dan negeri Selangor berkaitan dengan kerjasama antara dua negeri ini. Apa pandangan dari kedua-dua negeri ini terhadap projek ini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Projek ini mendapat sokongan yang baik, yang kuat daripada kedua-dua kerajaan negeri sama ada Kerajaan Negeri Pahang mahu pun daripada Kerajaan Negeri Selangor. Sebab itu projek ini dalam proses melantik juru perunding dan kami yakin kami tidak mempunyai banyak masalah kerana Kerajaan Negeri Pahang juga memberikan komitmen yang kuat terutamanya apabila kami terpaksa meng'*inquire*' tanah di negeri Pahang. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Kuala Krai dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh pula minta penjelasan mengenai program penggantian paip-paip lama di negeri-negeri di Pantai Timur. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memberi keutamaan dan penekanan ke atas pengurangan NRW, secara purata di peringkat kebangsaan daripada 38% ke 30% di akhir tahun 2010. Salah satu daripada program penting bagi mencapai matlamat ini ialah dengan menggantikan paip-paip yang lama dan usang.

Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut keadaan paip-paip air dan kawasan yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa air di negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri di Pantai Timur, peruntukan bagi program tersebut bagi Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti berikut:

- (i) negeri Pahang sebanyak RM501.7 juta bagi menggantikan paip-paip sepanjang 817 km;
- (ii) negeri Kelantan sebanyak RM176.7 juta bagi menggantikan paip-paip sepanjang 647 km; dan
- (iii) negeri Terengganu sebanyak RM80 juta bagi menggantikan paip-paip air sepanjang 267 km.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga kepada sahabat saya Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan sedikit berkenaan dengan penggantian paip-paip yang lama ini. Sebagaimana kita maklum, negeri Sarawak dan negeri Sabah ini tidak terlibat dengan Suruhanjaya Air Negara. Jadi, pada tahun yang lepas, pada masa-masa Dewan yang lepas, kementerian ini telah membuat satu usaha untuk berhubung dengan kerajaan-kerajaan negeri bagaimana mengatasi masalah NRW di tiap-tiap negeri ini?

Jadi saya minta satu penjelasan lagi daripada pihak kementerian berkenaan dengan masalah NRW di negeri Sabah. Adakah persetujuan telah diperolehi di antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri tentang mengatasi masalah NRW ini? Kalau belum, apa usaha Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri ini mengatasi masalah yang terlalu serius yang sampai menjelang 60% lebih NRW ini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Ini adalah peringkat jawatankuasa dan walau pun Yang Berhormat tidak mengambil bahagian semalam, suka saya jelaskan bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah mengabaikan tanggung jawab kepada mana-mana kerajaan negeri termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Pusat memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk membantu menyelesaikan masalah mengurangkan NRW di negeri Sabah. Itu adalah jawapan yang saya beri kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas pula meminta membuat pembayaran mengikut jadual yang ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi program bekalan air bagi setiap negeri adalah dalam bentuk pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri. Oleh itu, pengeluaran pinjaman adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri dan disokong dengan maklumat-maklumat seperti kemajuan fizikal projek tersebut dan juga jumlah pembayaran yang boleh dibuat kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek tersebut.

Yang Berhormat bagi Bagan meminta penjelasan mengenai tujuan peruntukan RM60 juta yang diberikan kepada negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM60 juta bagi tahun 2007 adalah untuk melaksanakan projek-projek berikut iaitu projek pembesaran Empangan Mengkuang sebanyak RM40 juta dan pelaksanaan program mengurangkan kadar kehilangan air tak terhasil atau NRW sebanyak RM20 juta;

Yang Berhormat bagi Ledang bertanyakan penjelasan kenapa Kerajaan Negeri Johor tidak mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sedangkan negeri-negeri lain seperti Selangor dan Pulau Pinang yang diswastakan telah diberi peruntukan? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat hanya dua negeri iaitu Johor dan Selangor sahaja yang telah menswastakan sepenuhnya pengurusan bekalan air masing-masing, manakala negeri Pulau Pinang hanya mengkorporatkan pengurusan bekalan airnya.

Di bawah penswastakan tersebut, tanggung jawab ke atas pembayaran kos perbelanjaan modal atau CAPEX, adalah diletakkan sepenuhnya kepada syarikat pemegang konsesi.

Oleh yang demikian, semenjak itu Kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan CAPEX dalam bentuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Johor. Bagi negeri Selangor, peruntukan yang diberi adalah khas untuk membiayai program-program mitigasi bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Lembah Klang.

Yang Berhormat bagi Pensiangan pula bertanyakan kawasan di luar bandar Sabah sering mengalami kekurangan air. Masalah ini timbul disebabkan oleh liputan bekalan air yang rendah bagi negeri Sabah dan juga NRW yang tinggi yang mana pada hari ini kerajaan negeri berusaha untuk mengatasinya.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor meminta SYABAS supaya membersihkan Sungai Selangor kerana kotor. Tanggung jawab memelihara sungai adalah tanggung jawab bersama antara kerajaan negeri, jabatan pengairan dan saliran atau JPS, serta jabatan alam sekitar dan ia bukanlah tanggung jawab operator air atau SYABAS sahaja.

Yang Berhormat bagi Bagan meminta supaya caj pemotongan dan penyambungan semula bekalan air dihapuskan. Adalah dimaklumkan bahawa caj yang dimaksudkan bukanlah caj akibat kos pemotongan dan penyambungan air. Caj yang dikenakan merupakan penalti lewat membuat bayaran yang bermaksud memberi pengajaran kepada pengguna yang lambat menjelaskan bayaran.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kadar NRW Perak 30%, bagaimana cara untuk mengurangkannya? Untuk makluman Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman kepada Kerajaan negeri Perak yang mana ianya digunakan untuk melaksanakan program-program pengurangan air tidak berhasil ini seperti berikut:

- (i) penukaran meter air;
- (ii) penggantian paip-paip lama;
- (iii) mengenal pasti kawasan tekanan air yang tinggi;
- (iv) menangani masalah kecurian air dengan lebih agresif; dan
- (v) memperbaiki kebocoran paip dengan lebih jelas.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga bertanyakan bagaimanakah hendak mengawal kenaikan harga air di Perak pada masa hadapan? Pada masa hadapan, sebarang permohonan semakan tarif oleh mana-mana operator bekalan air perlu dikemukakan untuk kelulusan SPAN. SPAN akan menilai permohonan kenaikan tarif berdasarkan kepada beberapa kriteria. Di antaranya pematuhan kepada petunjuk indeks utama, KPI dan dua aspek kos seperti perbezaan hasil, perbelanjaan modal CAPEX dan kos pembelian air terkawal secara pukal.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor meminta pihak berkenaan untuk mencuci tangki air di *apartment*...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan!

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Tanggung jawab mencuci..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat..

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ..Air, tangki-tangki, air dan kerja-kerja penyelenggaraan air, adalah seperti rumah pam di *apartment* adalah merupakan tanggung jawab pihak pengurusan *apartment*. Ia bukanlah tanggung jawab operator air.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya ada bangkitkan mengenai pembentungan iaitu wang sebanyak RM3 juta telah disumbangkan oleh lebih 600 kedai-kedai di Old Town Ipoh. Adakah ia akan dijawab sekarang atau...?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, tiba masanya saya akan sampai ke soalan itu. Yang Berhormat tunggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampailah Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Serdang bertanyakan SYABAS telah menaikkan taraf air di Selangor dan Lembah Klang, tetapi kualiti air masih lagi rendah. Bilakah SYABAS akan meningkatkan kualiti air? Program untuk meningkatkan kualiti air adalah satu program yang telah dan sedang dijalankan oleh SYABAS secara berterusan dan memakan masa yang lama untuk disiapkan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah:

- (i) menukarkan paip lama yang uzur, kerap pecah;
- (ii) menjalankan kerja *scoring* secara berterusan untuk membuang dan mengeluarkan kotoran dalam paip;
- (iii) menjalankan kerja penyucian tangkiimbangan dan tangki servis;
- (iv) membuat perubahan pada sistem kawalan supaya tiada *date end* yang boleh menyebabkan kualiti air menurun; dan
- (v) menggalakkan pengguna menukar sistem paip dalaman dari jenis GI kepada bahan yang lebih yang tidak mendatangkan masalah kualiti air dan sentiasa mencuci tangki air di rumah.

Yang Berhormat bagi Tebrau bertanyakan terdapat 13 kawasan kampung di Tebrau yang tidak mempunyai bekalan air. Beliau meminta kementerian untuk menyediakan perkhidmatan tersebut. Penyediaan perkhidmatan bekalan air adalah tanggung jawab konsesi terbabit iaitu SAJ yang mana terdekat dengan tanggung jawab sosialnya untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air di mana-mana yang diperlukan. Sehubungan dengan itu pihak kementerian akan meminta SAJ untuk memenuhi tanggungjawab tersebut.

Yang Berhormat bagi Serdang juga ingin tahu status penukaran meter pukal pada meter individu bagi rumah pangsa dan kondominium, penjelasan bagaimana meter individu bagi kondominium boleh dipasang, dan apakah garis panduan bagi penghuni kondominium dan pangsapuri untuk mendapatkan meter individu. SYABAS telah menyediakan terma-terma dan syarat-syarat tertentu bagi pemindahan daripada pengambilan mengikut meter pukal kepada pengambilan mengikut meter individu.

Pada masa kini kerajaan negeri sedang meneliti dan menyemak terma-terma serta syarat-syarat tersebut. Jika ianya bersesuaian, perkara ini akan dimaklumkan untuk diguna pakai sebelum penukaran akaun bekalan air meter pukal ditukar kepada meter individu tersebut dapat dilaksanakan. Untuk pertukaran ini penghuni perlu membuat permohonan kepada SYABAS. Penghuni kondominium dan rumah pangsa diberi pilihan untuk mengguna meter individu di mana kadarnya adalah mengikut kadar tarif domestik biasa atau kekal dengan pengambilan secara pukal melalui syarikat pengurusan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Untuk penjelasan Yang Berhormat berkenaan dengan meter individu itu. Berapa lamakah pihak kerajaan negeri akan mengkaji kaedah-kaedah yang dibentangkan oleh SYABAS terhadap pemasangan meter individu itu? Kerana pada tahun lalu saya dapat surat yang mengatakan ia telah kemukakan kepada pihak kerajaan untuk dikaji, tetapi bilakah akan diselesaikan masalah itu sebab sehingga kini sudah satu tahun lebih. Dan juga diumumkan oleh SYABAS akan dijalankan projek ini, maka itu ramai penduduk daripada rumah pangsa atau kondominium atau *apartment* bertanya perkara ini. Kita boleh dapat cepat atau tidak untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Serdang secara dasarnya telah bersetuju malah dalam struktur tarif yang baru telah ada *provision* untuk ditukar daripada meter pukal ini kepada meter individu. Cuma kita perlu faham bahawa bilangan unit-unit *apartment* ataupun flat ini terlalu banyak, maka ianya mengambil masa yang agak lama, dalam masa yang sama siapakah yang akan menanggung kos-kos penukaran ini. Maka dengan itu Kerajaan Negeri Selangor yang masih bertanggungjawab berhubung dengan bekalan air di negeri Selangor ini mengkaji dengan teliti terma-terma ini. Oleh itu saya tidak dapat memberi satu jawapan yang begitu spesifik kepada Yang Berhormat mengenai masa yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Cuma saya yakin mereka secara dasar telah bersetuju, dan ini pasti kita akan bergerak ke arah menggunakan meter individu sebagaimana yang ada di Putrajaya hari ini, kebanyakan unit-unit *apartment* di Putrajaya menggunakan meter individu. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dalam isu tarif baru oleh kerana ada diluluskan oleh kementerian yang berkenaan, MTUC meminta bahawa Laporan Audit Negara yang memberi *blessing* nampaknya kepada kenaikan tarif diumumkan supaya pengguna-pengguna pun boleh faham sama ada ada asas atau tidak asas. Adakah kementerian rela untuk memberi laporan itu dan umumkan supaya ada satu proses yang lebih *transparent*.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya belum sampai kepada jawapan Yang Berhormat tetapi saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh akan sampai, okey okey.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...Cuma saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat berhubung dengan laporan audit ini, laporan audit ini telah dibawa ke Kabinet dan secara dasarnya Kabinet telah bersetuju sebab itu diberikan kenaikan tarif dan laporan audit ini diserahkan semula kepada kerajaan negeri. Kerana bekalan air masih lagi terletak di bawah kerajaan negeri, maka selepas ini merupakan tanggungjawab kerajaan negeri, terpulang kepada kerajaan negeri untuk menghebahkan laporan audit ini. Ini yang boleh saya maklum kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah laporan itu satu laporan khas Ketua Audit mengenai *Non-Revenue Water* atau NRW, selain daripada kajian dan laporan yang biasa. Dan kedua oleh kerana ini bersabit dengan isu yang spesifik ialah kenaikan tarif oleh SYABAS, kenapa perkara ini tidak diumumkan? Oleh kerana sudah sampai di tangan Kabinet bukan sahaja perkara kerajaan negeri, tetapi *concurrent* oleh kerana perkara Persekutuan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebagaimana saya jelaskan tadi bahawa laporan audit ini diserahkan kepada Kabinet yang akhirnya bersetuju. Dan saya juga ingin menyatakan bahawa setakat yang saya difahamkan bahawa laporan ini diserahkan semula kepada kerajaan negeri. Saya minta maaf kerana saya tidak tahu secara terperinci dari segi laporan audit ini, kerana yang saya difahamkan ia menyebabkan keseluruhan laporan audit bekalan air di negeri Selangor. Yang lainnya saya harap kita kena tunggu bagaimana laporan audit ini dan sekiranya saya ada keterangan-keterangan baru saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, Terima kasih. Saya faham mengenai aspek *Federal - State relationship*, tetapi oleh kerana ini bukan satu perkara 100% kerajaan negeri. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan dan Kabinet sudah memberi kelulusan untuk kenaikan tarif, adalah tanggungjawab Kabinet untuk meyakinkan Parlimen ini dan rakyat. Kenapa keputusan dibuat dan satu cara untuk meyakinkan rakyat ialah untuk mengumumkan Laporan Ketua Audit, kenapa tidak mahu buat begitu?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya akan melihat semula perkara ini dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri petang ini bahawa perkara ini perlu diberi pandangan yang serius, Yang Berhormat bangkitkan di Parlimen kerana sebagaimana yang saya difahamkan bahawa memandangkan air di bawah kerajaan negeri, maka dipulangkan kepada kerajaan negeri tetapi Yang Berhormat mempunyai pandangan lain, maka saya akan ketengahkan pandangan Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Bolehkah lepas perbincangan itu bagi maklumat apa keputusan oleh kerana kita mahu *keep in touch*.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya sering berjumpa Yang Berhormat, saya tidak ada masalah untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat apa-apa perkembangan berhubung perkara ini. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah membangkitkan isu kos penyambungan paip, pemetungan yang telah dibuat oleh kebanyakan pemilik komersial di sekitar kawasan Ipoh lama kepada Pihak Majlis Bandar Raya Ipoh sebelum perkhidmatan pemetungan ini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya diswastakan kepada IWK.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya minta maaf sebelum habiskan perkara tadi itu satu isu lagi, saya minta maaf. Semalam saya ada bangkit hal bersabit dengan sama ada waras atau tidak waras kenaikan tarif 15%. Oleh kerana adalah nampaknya keuntungan yang begitu *excessive, profiteering* oleh *executive director* di mana Puncak Niaga mengikut laporan 2004 adalah *executive director* yang memperoleh RM6.9 juta satu tahun. Itu dua orang, seorang dapat RM2.1 juta. Adakah ini munasabah? Adakah ini dalam lingkungan *jurisdiction* kementerian dan rasa ini waras atau tidak waras?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat tanya berhubung iaitu, apakah komen SYABAS terhadap pembayaran emolumen RM6.9 juta. Lepas ini, lepas saya jawab soalan daripada Ipoh Barat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bayaran penyambungan itu tidak diserahkan oleh Majlis Bandar Ipoh kepada IWK. Semasa perkhidmatan pemetungan diswastakan - walau bagaimanapun untuk menangani isu ini pihak kementerian telah bersetuju bahawa semua bayaran penyambungan tersebut tidak akan dipulangkan sebaliknya ianya dikreditkan di dalam bil pemetungan bulanan yang pemilik terlibat terima setiap bulan. Maka dengan pendekatan ini jumlah bayaran yang telah dibuat itu tidak akan ditolak berkurangan mengikut bil bulanan pemetungan yang dikenakan oleh IWK.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Terima kasih kepada jawapan tersebut tetapi saya hendak tahu bilakah ia akan dimulakan kerana bayaran pekedai-pekedai di sana telah dibuat lebih sepuluh tahun, tetapi hingga sekarang pada pengetahuan saya dua minggu hingga minggu dahulu tidak ada apa-apa yang dikreditkan supaya ia akan dipotong dari yang patut diberi balik kepada pekedai-pekedai tersebut. Bolehkah saya dapat penjelasan sedikit mengenai perkara itu?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa kementerian telah bersetuju supaya bayaran dikreditkan, cuma saya tidak ada maklumat terperinci sama ada mereka telah memulakan pengkreditan ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum lagi saya tahu kerana saya, Ipoh Barat dan Ipoh Timor baru jumpa dengan...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Walau bagaimanapun saya bagi jaminan bahawa mereka akan kreditkan dan saya akan bagi jawapan yang lebih terperinci bila dikreditkan ini kepada Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menanyakan komen tentang SYABAS terhadap pembayaran emolumen sebanyak RM6.9 juta kepada lima eksekutif, isu mengenai kenaikan tarif air berkaitan dengan pembayaran gaji yang tinggi ini. Tiada sebarang pembayaran yang pernah dibuat oleh SYABAS kepada mana-mana pihak, namun pembayaran emolumen pernah dibuat kepada Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) selepas diluluskan oleh pemegang saham. Di dalam AGM sebenarnya dia beri kelulusan supaya dibayar emolumen ini kepada syarikat *parent company* iaitu Puncak Niaga.

Kenaikan tarif adalah berkaitan dengan perjanjian konsesi di mana SYABAS perlu mencapai sasaran seperti penurunan kadar NW yang telah ditetapkan dalam perjanjian. SYABAS dibenarkan untuk menaikkan tarif sekiranya telah mencapai sasaran namun pencapaian sasaran perlu diaudit terlebih dahulu. Maka itu kita beri kenaikan tarif kepada SYABAS. Dan berhubung dengan emolumen yang sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, sebenarnya tidak wujud, cuma satu pembayaran kepada Puncak Niaga yang telah diluluskan bersama-sama dalam mesyuarat AGM.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya betul itu Puncak Niaga, bukan SYABAS..., tetapi oleh kerana ini ada berhubung kait, akhirnya mengenai konsesi ini yang akhirnya diberi kepada SYABAS, bukankah ini satu *excessive profiteering* oleh pengarah-pengarah syarikat yang ada berkaitan dengan konsesi ini. Dan akhirnya ialah pengguna-pengguna yang perlu bayar tarif yang tinggi. Adakah kerajaan berkehendakkan satu *cap* mengenai apa yang tertinggi boleh dibayar kepada *executive director* dan bukan untuk lima *executive director* dan dua *not executive director*, RM6.9 juta. Oleh kerana semua akhirnya keluar daripada pengguna-pengguna.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, sebagaimana yang saya nyatakan perkara ini diluluskan dalam mesyuarat AGM. Dan mungkin perkara ini lebih terang kalau kita lihat nanti dalam laporan audit sekiranya telah dibentangkan nanti. Jadi saya lebih suka tidak memberi andaian berhubung perkara ini selagi saya tidak melihat sendiri laporan audit yang diutarakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Ipoh Timor menanyakan kenapa KTAK tidak mempertahankan tarif air di Selangor, apakah fungsi forum air? Kenapa tarif air terus naik dan tidak dibincangkan di Parlimen sedangkan akta telah diluluskan? Perbekalan air di negeri Selangor telah diswastakan kepada SYABAS melalui perjanjian konsesi yang antara lain memperuntukkan kenaikan tarif kepada pihak syarikat bagi membolehkan mereka memenuhi obligasi-obligasi membekalkan air bersih kepada penduduk Selangor dan Putrajaya.

Sekiranya kerajaan tidak membenarkan kenaikan tarif, ia bukan sahaja memberi implikasi kewangan kepada kerajaan dalam aspek pampasan malah dikhuatiri akan menjejaskan tanggungjawab pembekalan air bersih kepada pengguna. Ini kerana pihak syarikat tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk tujuan itu. Walau bagaimanapun, apabila SPAN ditubuhkan, permohonan semakan tarif oleh pihak SYABAS perlu mendapat kelulusan SPAN, SPAN akan memastikan proses semakan tarif akan dijalankan secara telus dan adil untuk mengambil kira kepentingan semua pihak khususnya kepada pengguna.

Yang Berhormat Ipoh Timor semalam dengan lantang bertanya mana pergi SPAN, mana pergi Forum Air? Kadang-kadang kita sebagai insan, sebagai manusia kita terlupa, kita sama-sama bahaskan dalam Dewan ini, berapa kali dan kita juga katakan yang SPAN akan ditubuhkan pada Januari tahun depan, mungkin Yang Berhormat pun lupa jadi kita sama-sama. Kadang-kadang sepanjang jalan, kita orang tua, orang muda pun sama, kadang-kadang ada masa lupa. Jadi sekarang ini kita lupa, kita bahas kita lupa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Jadi saya sama-sama dengan Yang Berhormat kita tunggu sampai SPAN ini ada. Sebab SPAN ini *it's not* satu perkara yang kita boleh wujudkan... Pom! Petik jari, esok pagi boleh tubuh, nanti Yang Berhormat pun marah, Yang Berhormat pun jerit-jerit lagi, jangan. Sama-sama kita bertanggungjawab perkara ini, kita tunggu SPAN ditubuhkan pada Januari dan kita lihatlah supaya industri air ini menjadi satu industri yang mampat dan *sustainability*, baik untuk rakyat negara ini. Saya yakin Yang Berhormat setuju dengan saya dan Yang Berhormat boleh duduk berhubung perkara ini. Tidak payah dipanjangkan, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Akan diwujudkan mengikut apa yang diumumkan pada Januari tahun ini. Oleh kerana lagi satu bulan sahaja, adakah ini tetap akan ikut jadual?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Insya-Allah Yang Berhormat, setakat hari ini kita dalam jadual, kita berada dalam landasan yang betul, kecuali kalau kuasa Allah, ia tak jadi, kita kena tunggu masa lebih sikit tetapi setakat hari ini *we are on the right track*, dengan izin. Dan Yang Berhormat sama-sama, ingatkan kita buat Januari, jadi Yang Berhormat jangan jerit-jerit dalam Dewan kata bila, mana Forum Air, mana SPAN? Belum, kita tunggu Januari Yang Berhormat, sama-sama kita manusia selalu lupa Yang Berhormat sebab itu kita saling ingat mengingatkan antara satu sama lain. Yang Berhormat silap, saya ingatkan Yang Berhormat, saya silap, Yang Berhormat ingatkan saya. Terima kasih.

Yang Berhormat Seputeh menanyakan syarikat bekalan air di Tawau tidak cekap dan masih lagi mengutip bil-bil air lama iaitu pada tahun 70-an. Bagi jawapannya, syarikat air berkenaan perlulah merangka kaedah menuntut hutang-hutang tersebut sama ada melalui perundangan atau kaedah-kaedah lain yang difikirkan munasabah dan terbaik. Perjanjian perbekalan air berkenaan adalah antara syarikat dengan kerajaan. Maka kementerian ini berpendapat adalah wajar kerajaan negeri memantau syarikat yang telah diberi konsesi.

Yang Berhormat Permatang Pauh pula menanyakan mengenai kajian peruntukan tarif air. Adakah kajian telah siap dan apakah hasilnya? Untuk makluman Dewan yang mulia, kajian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa sekarang kementerian sedang mengambil tindakan untuk menggubal terma rujukan, *terms of reference* kajian berkenaan.

Yang Berhormat Ipoh Timor menanyakan laporan audit NRW SYABAS dan perjanjian konsesi didedahkan kepada umum. Saya rasa saya dah jawab yang ini tadi dan sekarang saya ingin beralih kepada sektor tenaga.

Yang Berhormat Gelang Patah menanyakan isu ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Sorry*, satu perkara Yang Berhormat tinggal, ada silap, kita boleh ingat-mengingatilah. Berkenaan pemindahan air Pahang dan Selangor, mengenai adakah, apa laporan-laporan yang diumumkan sama ada alternatif *sustainability study* dan perkara-perkara yang saya ada bangkit.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor, dia pulangkan balik saya, ingat-mengingati. Sebenarnya Yang Berhormat yang ini saya dah jawab awal-awal sekali, ini topik saya yang pertama, pemindahan air dari Pahang ke Selangor. Mungkin Yang Berhormat tak masuk Dewan, keluar minum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tadi sudah jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sudah jawab dengan jelas. Jadi Yang Berhormat lihat *Hansard* saya balik bagaimana saya jawab perkara ini. Kalau ada perkara-perkara Yang Berhormat ingin bangkitkan semula Yang Berhormat tanya saya. Saya ingatkan balik Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat belum masuk Dewan pada ketika itu tadi.

Isu mengenai kecurian elektrik, saya ingin menjelaskan bahawa TNB tidak mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya bagi kes-kes penggunaan elektrik secara curang. Tindakan hanya akan diambil sekiranya terdapat bukti-bukti pengusikan meter yang jelas seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 38 Akta Bekalan Elektrik 1990.

TNB juga turut mengeluarkan notis tuntutan terlebih dahulu untuk membolehkan pelanggan mengadakan rundingan mengenai amaun yang dicajkan sebelum notis pemetuan dikeluarkan. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan tribunal bagi menangani perkara ini memandangkan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan tersebut. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh TNB, pengguna boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Tenaga atau menggunakan saluran-saluran undang-undang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun menyebut perkara yang sama semalam cuma saya ingin bertanyakan sama ada, adakah garis panduan yang tertentu bagi pihak Tenaga untuk bagaimana cara mengira semula kerugian yang dianggarkan oleh pihak TNB disebabkan oleh kecurangan pihak pengguna di dalam penggunaan Tenaga.

Kerana saya khuatir, pegawai-pegawai TNB akan menggunakan hanya *discretion* mereka di dalam menentukan kerugian yang dialami oleh pihak syarikat Tenaga Nasional.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu yang juga merupakan bekas jurutera Tenaga. Saya yakin Yang Berhormat tahu biasanya, lazimnya Tenaga menggunakan kaedah purata, berapakah bil bulanan sesuatu syarikat atau pengguna sebelum mereka membuat berapakah penalti atau berapakah yang perlu dibayar oleh pengguna kepada Tenaga. Dan berhubung dengan tuduhan juga, Tenaga Nasional biasanya tidak akan membuat sebarang tindakan kecuali jika terdapat bukti-bukti yang sah dan sah bahawa berlaku kecurangan berhubung dengan *tampering meter* dan sebagainya. Terima kasih. Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kes ini yang saya bangkitkan telah berlanjutan sekian lama. Selepas keputusan mahkamah *Court Appeal* kelmarin, saya merayu demi kebaikan *consumer*, undang-undang dipinda untuk diperjelaskan sebab keputusan mahkamah menyatakan bahawa jika itu adalah niat Parlimen, ia patut dijelaskan. Bahawa buat masa ini TNB adalah memonopoli pemberian bekalan elektrik. Yang Berhormat ada kata bahawa kalau tidak puas hati boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya tetapi masalahnya Suruhanjaya apabila kami mengadu, dia minta pergi berbincang dengan TNB. Jadi pihak kita ada satu perkhidmatan kemudahan asas ini yang adil.

Buat masa ini TNB hanya kata kami ada bukti, ada bukti tetapi apabila TNB datang untuk membuat pemeriksaan meter dia kata kami hendak tukar meter baru. Selepas itu dicabut meter, ambil dan balik pejabat, selepas dua bulan kemudian dia kata kami dapati ia telah diusik. Jadi persoalannya ialah pihak *consumer* bukannya pakar dalam bidang ini. Kalau memang telah diusik, mengapa pihak kementerian tidak menjelaskan dalam undang-undang bahawa TNB tidak boleh memotong bekalan elektrik tetapi menyaman. Kalau ada bukti, saman dia. Bukan mengugut dan memotong bekalan elektrik.

Jadi peniaga-peniaga ini yang kebanyakannya adalah penyewa premis yang tidak mengetahui sejarah bangunan tersebut, mereka menjadi mangsa. Ramai yang tertekan sebab terpaksa membayarnya kerana jika dipotong bekalan elektrik, mereka tidak boleh menjalankan perniagaan. Saya haraplah atas perikemanusiaan, pihak kementerian akan mengkaji semula undang-undang, menyaman mereka dan bukannya mengugut memotong bekalan elektrik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya terima pandangan Yang Berhormat. Saya ingin nyatakan di sini bahawa sebenarnya kita juga tidak membenarkan Tenaga Nasional Berhad untuk memotong mana-mana bekalan elektrik. Sebab itu kalau tidak silap saya pada tahun ini kita telah meminta supaya Tenaga Nasional Berhad lebih berhati-hati apabila menangani isu ini. Maka dengan itu, Tenaga Nasional Berhad melakukan satu pendekatan baru. Sebelum mereka mengambil tindakan, mereka menghantar satu surat dan mereka kata sila beri penjelasan-penjelasan atau sebab-sebab mengapa bekalan elektrik ini tidak boleh dipotong dan sekiranya tidak benar perkara-perkara ini, sila nyatakan.

Maknanya dengan di situ menunjukkan bahawa Tenaga Nasional Berhad juga memberi kesempatan kepada pengguna-pengguna untuk berhubung, berkomunikasi dan berbincang sebelum memotong semudah-mudahnya. Saya tidak bersetuju, saya juga seperti Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak bersetuju sekiranya Tenaga Nasional Berhad terus mengambil tindakan memotong tanpa usul periksa dan tanpa bukti-bukti yang lengkap dan jelas. Sebab itu kita minta Tenaga Nasional Berhad lebih berhati-hati berhubung isu ini dan akhirnya Tenaga Nasional Berhad minta supaya pengguna-pengguna ini hadir dan tampil ke depan untuk memberi penjelasan-penjelasan yang jelas bahawa mereka tidak terlibat tentang perkara-perkara ini supaya dapat dipertimbangkan secara adil dan saksama sebelum sebarang tindakan diambil kepada pengguna-pengguna. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima teguran Yang Berhormat dengan baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tahu. Tuan Pengerusi, saya ada dengar tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagikah?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini berlaku di seluruh negara bukan sahaja di TNB di Ipoh. Jadi yang saya minta adalah mengkaji semula masalah ialah undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, dia sudah buat teguran.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya juga haraplah kalau boleh kaji semula undang-undang. Minta pegawai tengok semula undang-undang dan bukannya hanya menasihati serta menegur TNB. Kalau tanya saya kes ini, banyak kali mereka pergi jumpa TNB dan Suruhanjaya. Kita mengadu dan Suruhanjaya kata, jumpa TNB bincang untuk kurangkan bagi merayu. Jadi saya harap kaji semula dan masalahnya ialah undang-undang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Kita akan lihat perkara ini dan saya juga maklumkan kepada Yang Berhormat sekiranya berlaku mana-mana pihak Tenaga Nasional Berhad, tiba-tiba sahaja dia pergi potong meter tanpa berunding tanpa surat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beritahu Yang Berhormatlah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Maklumkan bukan sahaja kepada saya malah kepada menteri saya. Kalau hendak nombor telefon nanti kita cari, kita beritahu. Kalau potong dengan zalim, maklumkan sebab kita tidak benarkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh beritahu nombor telefon Yang Berhormat kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tidak boleh. Nanti dia kacau saya malam-malam dan minta macam-macam. Nanti orang rumah saya marah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Bagi saya lebih kurang 20 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Sandakan menanyakan isu mengenai pembinaan stesen jana kuasa arang batu dengan kapasiti penjanaan sebanyak 300 megawatt di Lahad Datu. Projek ini dilaksanakan di Silam, Lahad Datu iaitu 17 kilometer dari Bandar Lahad Datu. Ia dijangka akan dimulakan tugas pada tahun 2010. Pihak SESB telah menjalankan kajian awal EIA pada bulan April dan Mei tahun lalu terhadap projek tersebut. Sejajar dengan kehendak *Preliminary EIA*, SESB juga telah menyiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan selama tiga hari berturut-turut untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak awam berhubung dengan cadangan pelaksanaan projek tersebut.

Walau bagaimanapun tiada sebarang maklum balas yang diterima oleh pihak SESB dalam tempoh tersebut. Sebagai makluman, EIA terperinci akan disediakan oleh pembida yang terpilih untuk melaksanakan projek itu. Yang Berhormat bagi Tangga Batu menanyakan penggantian sistem talian atas voltan rendah yang sudah melebihi usia 60 tahun dengan tiang-tiang elektrik yang baru. TNB akan menggantikan sistem talian atas voltan rendah apabila beban atau permintaan telah meningkat ataupun sekiranya pembangunan sekitar memerlukan pemasangan sistem talian voltan rendah yang baru. Namun demikian jika sistem yang lama masih boleh memberi perkhidmatan yang baik, TNB akan mengekalkan sistem tersebut kerana penggantian akan melibatkan kos yang tinggi.

Yang Berhormat bagi Serdang menanyakan kawasan simpanan, *reserve*, untuk talian voltan tinggi TNB sering dicerobohi oleh kilang-kilang haram dan aktiviti-aktiviti pertanian di mana boleh membahayakan nyawa manusia.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti haram di bawah talian bervoltan tinggi yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Serdang, saya ingin jelaskan bahawa tanah laluan talian elektrik TNB sebenarnya bukanlah milik TNB tetapi adalah tanah di mana TNB telah mendapat izin lalu. TNB lazimnya membayar pampasan kepada pemilik tanah untuk mendapat izin lalu tersebut bagi membolehkan TNB mendirikan talian-talian tersebut.

Perolehan izin lalu ini adalah menurut peruntukan di dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Sungguhpun demikian dan atas sebab-sebab keselamatan, TNB memang menghalang pembinaan bangunan-bangunan tetap dan tinggi di bawah talian voltan tinggi. Pengecualian hanya diberikan untuk pembinaan struktur-struktur yang tidak tetap seperti *nursery*, pokok-pokok, tempat-tempat letak kereta dan kolam-kolam air. Sekiranya terdapat pembinaan atau struktur haram di bawah talian, TNB akan melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Daerah untuk tindakan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Untuk penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun terdapat aktiviti di bawah tanah rizab TNB ini telah disampaikan kepada pihak berkuasa tempatan atau pejabat tanah terhadap bangunan yang tanpa kebenaran itu berlaku di bawah simpanan, *reserve* TNB itu, bolehkah TNB mengambil tindakan di atas talian. Yang Berhormat, bolehkah TNB akan melakukan tindakan merobohkan aktiviti dan bangunan tanpa kebenaran daripadanya itu mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, seksyen 37(12)A itu lebih baik Akta Bekalan Elektrik 1990, seksyen 37(12)A.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ulang balik soalan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Kalau boleh, kalau tindakan diambil oleh pihak berkuasa tempatan atau pejabat tanah terhadap bangunan yang tanpa kebenaran itu berlaku di bawah simpanan, *reserve* TNB itu, bolehkah TNB mengambil tindakan di atas talian? Boleh buat tindakan terus, apa sebab tunggu pihak berkuasa sebab ini terlibat dengan nyawa manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak jawab?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan, saya sambung sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sambung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu kuasa-kuasa Tenaga Nasional Berhad. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang keupayaan sistem talian atas voltan rendah TNB yang masih mampu untuk membekal tetapi persoalannya semalam saya katakan ialah tiang-tiang yang lama itu mencemar pemandangan bandar raya-bandar raya kita yang telah mula menggamit pelancong-pelancong luar negara dan ia tidak *conducive* dengan keadaan lalu lintas ataupun kesempitan lalu lintas yang banyak pada ketika ini.

Jadi TNB mengambil satu langkah ke hadapan iaitu dengan membersihkan semua tiang-tiang yang lama ini dengan menggunakan sistem talian bawah tanah. Itu yang saya maksudkan semalam.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya faham kadang-kadang ada nampak macam tiang-tiang itu sudah agak usang dan lama. Yang penting kalau kosnya terlalu tinggi, kita boleh minta Tenaga Nasional Berhad supaya memberi *maintenance* yang sebaik mungkin kepada tiang-tiang ini. Walaupun bentuknya agak lama dan rupa bentuknya tidak secantik mana tetapi jika diberi penjagaan yang baik, ia masih boleh nampak dengan kemas dan rapi. Kalau Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat pernah belajar di luar negeri, kadang-kadang kita tengok tiang-tiang lampunya masih menggunakan tiang-tiang kayu daripada pokok-pokok kayu yang ditebang begitu sahaja tetapi dijaga dengan rapi, akhirnya nampak cantik dan kemas. Ini yang boleh kita lakukan.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat bagi Serdang, yang ini Yang Berhormat kata Tenaga Nasional Berhad boleh ambil tindakan. Ini kadang-kadang menjadi masalahnya. Satu tadi *extreme*, mengapa Tenaga Nasional Berhad terlalu cepat ambil tindakan hendak potong.

Satu ini Tenaga Nasional Berhad dia bagi *chance* lah orang hendak guna buat *nursery* sedikit, dia hendak sewa kereta sedikit dan dia hendak buat lain-lain lagi. Tenaga Nasional Berhad bagi *chance* supaya bagi peluang orang hendak mendapat pendapatan dan sebagainya. Yang Berhormat kata, ambil tindakan.

Tenaga boleh ambil tindakan. Cuma kadang-kadang atas rasa perikemanusiaan - orang hendak berniaga *used car*, sewa kereta, gunakan tempat di bawah itu, ini perkara-perkara yang Tenaga Nasional biarkan berlaku tetapi sekiranya perkara ini terutamanya membahayakan keselamatan orang ramai sudah pasti Tenaga Nasional akan mengambil tindakan secepat yang boleh. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang Berhormat, itulah tujuan saya. Bukan *nursery* tetapi bangunan yang di atas talian 275 - 132 KV di Pudu Hulu, Serdang. Tenaga Nasional telah dimaklumkan tetapi tidak ada tindakan diambil sebab ini bangunan yang tinggi. Itu satu cadangan. Kalau boleh Yang Berhormat, mintalah TNB mengambil tindakan ke atas bangunan-bangunan bukannya *nursery* - bukannya tanaman itu. Itu penting.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Serdang. Saya akan memaklumkan perkara ini kepada Tenaga Nasional. Sekiranya bangunan itu tinggi, menjejaskan keselamatan orang ramai sudah pasti kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di kawasan yang kita tinggal ini.

Berhubung sektor komunikasi, Yang Berhormat bagi Seputeh semalam menanyakan alat pemancar komunikasi yang dipasang di atas bangunan-bangunan secara berleluasa walaupun ia boleh menyebabkan kanser mengapakah pemasangan dibenarkan oleh Kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia atau SKMM, sentiasa memantau pemasangan alat pemancar komunikasi di atas bangunan. Semua pemasangan hendaklah mematuhi Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancaran Telekomunikasi Di Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 12 April 2002 yang telah dikeluarkan dengan kerjasama daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT, Kementerian Kesihatan Malaysia atau KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar atau KSTAS, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan agensi-agensi serta NGO seperti Institut Penyelidikan Tenaga Nuklear, Institut Jurutera Malaysia dan Pertubuhan Arkitek Malaysia.

SKMM bersama dengan MINT ada menjalankan ujian terhadap aduan-aduan yang diterima dari kalangan rakyat berkenaan terhadap radiasi yang dikeluarkan oleh kemudahan pemancar telekomunikasi ini. Hasil daripada ujian tersebut tahap radiasi yang dijana oleh kemudahan pemancar telekomunikasi ini masih berada pada tahap yang sangat minimum dan mengikut panduan yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga menanyakan apakah tindakan bagi memastikan radas yang digunakan oleh pihak yang melaksanakan *mobile number portability* tidak digunakan bagi memintas percakapan dan maklumat SMS di kalangan pengguna yang akhirnya boleh mengancam keselamatan negara sekiranya pihak yang berjaya mendapat tender tersebut adalah daripada negara luar seperti Singapura.

Terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu kemungkinan radas yang digunakan oleh pihak ketiga yang mengendalikan pelaksanaan *mobile number portability* ini boleh digunakan bagi memintas percakapan dan maklumat SMS pengguna yang akhirnya boleh mengancam keselamatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan meneliti dengan begitu rapi dari semua aspek termasuklah aspek harga, teknikal dan keselamatan rangkaian sebelum kontrak perjanjian ditandatangani dengan pihak yang akan melaksanakan *mobile number portability*. Kementerian akan memastikan isu keselamatan maklumat pengguna yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat diberi perhatian yang serius.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sekejap, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya percaya teknologi ini adalah satu teknologi yang harus ada di negara kita kerana memandangkan penyalahgunaan *mobile phone* dan sebagainya yang hari ini sedikit sebanyak tidak memberi ruang kepada kita untuk menyiasat punca-punca SMS dan sebagainya. Ia adalah suatu yang bagus. Cuma pada saya ialah dengan mengaitkan negara jiran kita apabila kita dapati bahawa industri telekomunikasi ini telah menyebabkan kejatuhan sebuah kerajaan. Saya khuatir jika ini berlaku di negara kita mungkin juga suatu hari nanti apabila berlaku kejatuhan negara kita disebabkan oleh niat tidak baik pembekal-pembekal yang tidak ada hubungan harmoni dengan negara kita. Itu sahaja maksud saya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, salah satu perkara utama aspek yang kita beri perhatian adalah dari segi keselamatan negara. Berhubung dengan perkara ini saya yakin pihak SKMM akan melihat perkara ini dengan teliti sebelum sebarang penganugerahan diberi kepada mana-mana syarikat.

Yang Berhormat bagi Ledang menanyakan kualiti perkhidmatan telefon selular di sepanjang Lebuh Raya Utara-Selatan masih tidak memuaskan dan bagaimana ia akan diatasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan supaya liputan telefon bimbit atau *cellular* dilaksanakan di seluruh negara. Bagi tujuan ini Program *Time One* dan *Time Two* telah diperkenalkan dan kini sedang dilaksanakan serta dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2006.

Program peningkatan liputan perkhidmatan *cellular* adalah diuruskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Sebagai badan kawal selia industri SKMM akan memantau kualiti perkhidmatan secara berterusan, mengawal selia dan mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan semua pihak yang terlibat dengan program ini mematuhi syarat lesen yang diberikan kepada mereka.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah menanyakan talian telefon kepada penghuni di kawasan Taman Nusa Perintis Dua, Gelang Patah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang, bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya menyebut tentang Lebuh Raya Utara-Selatan tentang *coverage* bagi telefon *cellular*. Itu contoh sahajalah, contoh yang berlaku dan banyak lagi tempat-tempat lain dalam Malaysia terutama di kawasan maju yang tidak mendapat *coverage* dengan izin, yang sempurna. Ada satu kawasan dahulunya mendapat dengan sempurna tetapi sekarang tidak sempurna.

Contoh yang paling tepat sekali ialah di kawasan saya. Contohnya, perjalanan daripada Bukit Kangkar ke Tangkak, dulu Maxis 012 okey tetapi sekarang tinggal satu *bar*. Saya fikir ada sesuatu yang tidak kena terhadap perkhidmatan telefon *cellular* ini sama ada Celcom atau 012. Sebab ramai yang curiga bahawa mereka terlalu tamak memberi perkhidmatan kepada pelanggan sehinggakan *coverage* tersebut tepu dan akhirnya tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sempurna kepada pelanggan-pelanggan. Adakah itu benar? Wallahualam.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian sentiasa berhubung rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan kita juga sentiasa meminta suruhanjaya ini memetakan telefon-telefon mana yang menguasai kawasan-kawasan mana. Sekiranya berlaku kawasan-kawasan yang tidak ada liputan, di situ kita akan mempersoalkan *telco* supaya mereka menyediakan perkhidmatan supaya mutu perkhidmatan di negara ini sentiasa dapat ditingkatkan ke tahap yang memuaskan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi menanyakan dari segi talian telefon. Kawasan perumahan Taman Nusa Perintis Dua adalah di bawah kawasan Time.dot.com dan kemudahan perkhidmatan talian tetap disediakan oleh penguasa tersebut. Pihak TM tidak mempunyai perancangan untuk menyediakan infrastruktur rangkaian kabel ke kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun perkhidmatan *wireless* akan disediakan sekiranya mempunyai permintaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Seputeh menanyakan pemancar telefon yang boleh mengakibatkan gangguan kesihatan. Malaysia mempunyai standard keselamatan dan pihak MCMC telah mengeluarkan panduan tentang tahap radiasi yang dibenarkan pada bulan Ogos 1998 untuk meminimumkan kesan radiasi terhadap kesihatan. Sehingga hari ini tiada peningkatan dalam risiko kesihatan yang dikaitkan dengan radiasi yang dicatat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Apa yang *you* mahu jelas?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak bertanya sama ada kementerian ada menjalankan siasatan terhadap kesemua aduan daripada orang ramai tentang alat pemancar yang didirikan atas bumbung di banyak kawasan. Mereka mengadu ada sakit kanser, ada sakit kepala dan semuanya itu, sama ada kementerian ada menjalankan siasatan dan pergi membuat sesuatu penyelidikan atas masalah ini kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat. Menteri boleh jawab - adakah siasatan dibuat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Kerana apa yang dijelaskan dalam Dewan ini tidak boleh diterima oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh jawab, jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya sudah jawab. Sebenarnya Yang Berhormat, bukan sahaja siasatan, kami juga berjumpa dengan orang ramai, kami bagi penerangan dan juga terdapat pamflet-pamflet bahawa radiasi yang ada tidaklah begitu tinggi malah begitu *minimal* tidak membahayakan kesihatan. Kita ada pamflet-pamflet ini. Yang Berhormat boleh minta, kita akan bagi dan Yang Berhormat boleh sebarkan kepada masyarakat di kawasan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menanyakan dari segi kerosakan telefon awam. Sehingga 2006 jumlah telefon awam milik Telekom Malaysia di seluruh negara adalah sebanyak 58,470 unit. Setakat ini terdapat lebih 40,000 kes kerosakan di mana 41% adalah disebabkan oleh kegiatan vandalisme manakala selebihnya merupakan kerosakan biasa.

Bagi kawasan Bukit Bintang jumlah telefon awam Telekom Malaysia adalah 206 unit sahaja dan setakat Oktober 2006 terdapat 203 kes kerosakan di mana semuanya melibatkan kerosakan biasa yang melibatkan talian dan alat ganti. Pada amnya 90% daripada kerosakan diperbaiki dalam tempoh 24 jam dan semua kerosakan diperbaiki dalam tempoh tujuh hari.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menanyakan isu pengagihan *White Pages* dan *Yellow Pages*. Agihan *Yellow* dan *White Pages* adalah dikeluarkan secara percuma oleh TM Info Media Sdn. Bhd yang bertindak sebagai pencetak dan pengedar. Para pelanggan boleh memperolehnya melalui Kedai TM Point berdekatan, Pejabat Pos atau dihantar kepada pelanggan di atas permintaan. Selain daripada itu, pelanggan juga boleh melayari laman web untuk mendapatkan nombor yang dikehendaki melalui direktori atas talian www.yellowpages.com.my. Kebiasaannya pengedaran dibuat pada bulan September hingga Oktober setiap tahun.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Selain daripada itu, di masa hadapan pihak TM bercadang untuk mengeluarkan *yellow* dan *white pages* dalam bentuk *info-disk*.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa buku panduan telefon warna putih tidak dibekalkan kepada pelanggan-pelanggan. Saya juga difahamkan hanya buku panduan *Yellow Pages*, *super pages* yang dibekalkan kepada pelanggan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Oleh kerana ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pada bulan September buku-buku itu akan diedarkan, jadi....

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Akan tetapi buku putih tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Sudah bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya berharap Timbalan Menteri boleh siasat bahawa buku putih haruslah diberi kepada semua pelanggan yang ada telefon. Okey.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat, ia di edar di kedai TM Point berdekatan, pejabat pos dan dihantar kepada pelanggan sekiranya ada permintaan. Itu sahaja. Sekiranya perkara-perkara ini tidak ada, Yang Berhormat boleh berjumpa dengan saya, saya akan semak dengan Telekom Malaysia.

Kemudian yang akhir sekali, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bertanya mengenai dengan kecurian kabel. Proses penanaman kabel kawasan Kuala Selangor akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2007 dan dijangka siap sehingga tahun 2008. Penanaman kabel ini adalah bergantung kepada kawasan bersesuaian. Juga ingin dimaklumkan bahawa kerjasama di antara TM, PDRM dan RELA adalah erat dan sangat baik seluruh negara, di peringkat negeri, khususnya di negeri Selangor. Kerjasama ini lebih tertumpu di peringkat kawasan setempat seperti daerah, di mana terdapat banyak kes-kes kecurian mencuri kabel. Pihak TM juga dalam proses perbincangan dengan pihak KTAK dan SKAM untuk menguatkuasakan akta bagi membanteras gejala kecurian kabel.

Saya rasa itu sahaja yang sempat saya jawab pada hari ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada lagi, ada lagi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat baru masuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, bukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang masalah apa, Yang Berhormat? Yang Berhormat, tadi tulis...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Mana-mana soalan Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan tentang...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...Saya akan memberi jawapan secara bertulis atau boleh berhubung dengan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tentang perkara elektrik kepada rumah Sri Aman, sama ada bila dibekalkan kepada beliau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tentang TNB telah dijawab, masalah air pun sudah dijawab, berakhirnya komunikasi. Jadi, Yang Berhormat baru masuk, tidak boleh salahkan sesiapa... *[Disampuk]* Baik, cukup!

Seorang Ahli: Salah diri sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM76,870,700 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM76,870,700 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,056,061,700 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,056,061,700 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Maksud B.30 [Jadual]

Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2007] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Mambong, sila.

12.33 tgh.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya hanya ingin menyentuh satu perkara sahaja di bawah Maksud 30 iaitu P.00605 - *Biotech* ataupun yang berkaitan dengan bioteknologi. Negara kita seperti mana yang kita tahu adalah sebuah negara *hot spot*, yang di antara nombor 12 di dunia ini. Oleh yang demikian, biodiversiti kita memang daripada segi spesies dan pelbagaiannya memang amat tinggi. Tetapi apa yang kita ingin buat sekarang ialah untuk menggunakan tumbuh-tumbuhan daripada hutan-hutan kita untuk menjadikan bahan-bahan perubatan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bioteknologi di anggapkan sebagai *key driver of growth*, di dalam pembangunan ekonomi berpengetahuan. Tambah lagi bioteknologi boleh menambah nilai kemampuan negara dalam sektor-sektor seperti perladangan dan pengilangan ataupun *manufacturing*. Di dalam perkara ini, kerajaan memang sudah membuat beberapa strategik inisiatif bagi industri bioteknologi. Namun, walaupun semuanya ini telah pun dibuat tetapi masih banyak lagi persoalan.

Yang pertama ialah tentang BioNexus status, ataupun pusat-pusat kecemerlangan, di mana pusat-pusat penyelidikan ini diuruskan oleh BioNexus. Di dalam cadangan perkara ini adalah pusat-pusat seperti MARDI, UPM, UKM dan sebagainya telah pun disusun untuk urusan yang amat spesifik. Saya ingin bertanya tentang BioNexus ini, jika ada syarikat-syarikat swasta yang memang berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang tertentu bolehkah syarikat-syarikat swasta ini di gabungkan atau dirangkumkan di dalam BioNexus status ini.

Yang kedua apakah manfaat kepada syarikat-syarikat di dalam BioNexus status. Perkara yang kedua yang berkaitan dengan strategik inisiatif bagi industri *biotech* ialah tentang *the Malaysian Biotechnology Corporation*. Memang kita tahu bahawa *the Malaysian Biotechnology Corporation* tugasnya adalah untuk *catalyzing commercial spin-off to private sector* dengan izin, dan juga *facilitating market driven R&D*. Oleh yang demikian setakat ini...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sekejap, sikit lagi. Oleh yang demikian, setakat ini apakah yang sudah wujud, yang boleh diuruskan oleh *the Malaysian Biotechnology Corporation*, penemuan, *discoveries* dan sebagainya. Kita belum lagi sampai ke tahap di mana *pre-clinical trial*, *clinical trial* fasa 1, fasa 2, fasa 3. Ini kerana mungkin tidak ada pertemuan. Jadi, manakah pertemuan ini yang akan diuruskan oleh *the Malaysian Biotechnology Corporation*. Silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tertarik dan terpenggil untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Kerajaan telah memperuntukkan RM210 juta untuk *Biotechnology Accusation Program, Biotechnology Commercialization Fund* dan *molecular biology, nutraceuticals, pharmaceuticals and Agro biotechnology*.

Saya ambil contoh Cameron Highlands, petani-petani ataupun dari konsep R&D ini, jauh lebih meninggalkan usaha kerajaan kerana mereka ada inisiatif keusahawanan untuk cari duit. Saya takut, saya minta penjelasan, bolehkah kerajaan, walaupun RM210 juta ini diperuntukkan untuk tujuan ini mencapai hasrat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut program ini sekiranya mereka tidak seiras dengan pembangunan yang begitu pesat sekali yang berlaku di negara-negara luar jauh meninggalkan kita. Minta penjelasan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, rakan saya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Di dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan R&D, dalam bioteknologi, saya rasa yang paling cepat ataupun yang paling jauh berjalan ialah *agriculture biotechnology* di dalam bidang pertanian oleh MARDI. Memang sudah banyak penemuan di situ tetapi persoalannya sekarang adakah penemuan-penemuan oleh MARDI dikomersialkan, itu perkara yang pertama.

Yang kedua, adakah penemuan-penemuan ini dihantar kepada petani-petani seperti petani-petani di Cameron Highlands untuk diuji ataupun untuk menghasilkan pelbagai hasil daripada tanaman-tanaman mereka. Ini adalah suatu perkara. Dan, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, RM210 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Dia hendak keluar, bukan hendak bangun untuk penjelasan... [Ketawa] Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey, sikit lagi. Inisiatif yang ketiga bagi strategi ini ialah *The Malaysian Venture Capital Fund*. Seperti mana yang kita tahu sudah pun diumumkan RM150 juta untuk ini.

Itu memang satu tabung yang amat baik untuk menggalakkan *private sector driven* tetapi seperti *inobiologics* sebuah syarikat kerajaan MoF yang kini berusaha untuk membuat penghasilan ataupun *manufacturing*. Adakah syarikat-syarikat swasta ini semata-mata untuk mengambil *venture capital* ini sebagai keuntungan ataupun membuat *R&D* untuk menghasilkan penemuan. Kita belum nampak lagi apa yang dihasilkan atau belum nampak apa yang dihasilkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Pendek sangat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan pendek sangat, cukup panjang juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Gombak, silakan. Tumpukan kepada Butiran, Yang Berhormat.

12.41 tgh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya membahaskan Butiran 03000 - Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Saya akan pergi kepada lebih spesifik kepada Butiran 030300 - Bahagian Bioteknologi Kebangsaan ataupun *biotech*.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa negara kita menyasarkan sehingga tahun 2020 iaitu 5% daripada GDP negara harus datangnya daripada bioteknologi iaitu produk-produk bioteknologi. Saya tengok di antara produk bioteknologi yang sungguh menguntungkan dan inilah juga menjadi usaha yang penting terutama di negara-negara maju seperti negara-negara Barat dan Eropah dan Amerika Syarikat ialah produk-produk bio-perubatan.

Apa yang ingin saya katakan tadi pertama saya melihat apakah bentuk pembangunan modal insan yang dibuat oleh kementerian dalam hal ini. Yang kita tahu bahawa salah satu fungsi *biotech* ialah untuk menyediakan modal insan dan kita ingin tahu di manakah kursus-kursus berkenaan dengan bio-perubatan ini, di universiti manakah dijalankan di Malaysia dan kita juga ingin tahu berapa ramai di antara penuntut-penuntut yang khusus menuntut dalam bidang ini di universiti-universiti luar.

Selain daripada itu kita juga ingin tahu apakah bentuk prasarana dari segi kemudahan penyelidikan untuk bio-perubatan ini. Saya lihat kita asyik berbincang perkara ini tetapi kemajuannya saya lihat terlalu perlahan dan kalau ini kita terus abaikan maka bukan sahaja kita menyasarkan 5% GDP adalah daripada bioteknologi, ini akan tinggal sebagai harapan sahaja.

Kita tahu bahawa ketika ini di negara-negara maju, 20% hingga 30% GDP mereka datangnya daripada produk-produk bioteknologi iaitu produk-produk seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri semasa Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu iaitu produk-produk yang hasilnya daripada pemikiran atau *brains*.

Itu sebabnya pada saya soal berkaitan dengan pembangunan modal insan ini dan juga prasarana di mana penyelidikan-penyelidikan ini boleh dibuat dan dilakukan amat penting. Selain daripada itu, saya juga ingin mempersoalkan apakah kerjasama Malaysia atau apakah kerajaan kementerian ataupun agensi-agensi yang berkaitan dengan syarikat-syarikat multinasional.

Kalau kita lihat contohnya, di Singapura. Di Singapura sekarang ini sudah menjadi hampir menjadi negara *hub* untuk *R&D* produk-produk bio-perubatan. Banyak syarikat-syarikat besar seperti Glaxo Smith Kline atau GSK iaitu *world player*, syarikat seperti Novartis memilih Singapura sebagai tempat *R&D*, penyelidikan dan pembangunan seperti mana kita tahu untuk melakukan *clinical trials*, ujian klinikal di Singapura amat mahal kerana bukan sahaja sukar mencari *subject* iaitu orang yang ingin diuji tetapi juga kos membayar ataupun bayaran yang dikenakan kepada penyelidik-penyelidik juga agak tinggi.

Mengapakah peluang ini tidak diambil oleh Malaysia? Mengapakah tidak kita sekurang-kurangnya kalau tidak boleh menjadi tempat mengeluarkan, sekurang-kurangnya kita boleh membuka jalan untuk menjadi *hub R&D* dan kerjasama ini saya percaya tidak boleh kita jalankan sendiri kerana kita harus bekerjasama dengan institusi yang besar iaitu institusi yang telah *establish* ataupun dengan syarikat-syarikat multinasional yang sudah terbukti berjaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya kata saya hendak bawa banyak perkara Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, cukuplah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Satu lagi Tuan Pengerusi, ya? Saya ingin juga sentuh tentang 030500 - Bahagian Sains Teknologi dan Inovasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, sudahkah sebenarnya kementerian mengenal produk-produk yang boleh kita angkat di peringkat antarabangsa? Kita cakap pasal Kacip Fatimah, kita cakap pasal Tongkat Ali.

Sehingga hari ini saya sebagai doktor perubatan, saya tidak tahu apakah secara spesifik kesan Kacip Fatimah secara spesifik kesan Tongkat Ali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak cubakah?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kesan-kesan yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada cubakah?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kesan-kesan yang dicakapkan itu ialah kesan-kesan secara cakap-cakap mulut. Bukan kesan dari segi saintifik. Kesan dari segi saintifik pertama, mesti harus ada ujian *safety*, mesti ada ujian *efficiency*. Apakah bila memakan dan selain daripada itu adakah diadakan ujian *clinical trials* hingga ke tahap empat iaitu mengesan, memberikan ujian kepada golongan yang banyak atau subjek yang lebih banyak. Inilah yang sungguh mengkhawatirkan saya dan adakah kita ingin memulakan langkah yang baru iaitu melakukan ujian-ujian mengikut standard antarabangsa iaitu misal kata mengikut etika GCP iaitu *Good Clinical Practice* iaitu dengan mengikut peraturan-peraturan yang telah garis panduan di peringkat antarabangsa barulah produk kita diangkat di peringkat antarabangsa. Barulah produk kita boleh diterima di Amerika Syarikat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Barulah produk kita boleh didaftarkan di FDA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Yang sebenarnya Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara yang ingin saya cakapkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ...Oleh kerana peluang saya yang diberikan hanya setakat ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, akan terus menjadi Yang Berhormat, banyak peluang boleh berucap.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Dengan ini saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kuala Selangor lepas itu Seputeh.

12.48 tgh.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membangkitkan satu perkara Butiran 006006 - Kajian Sains dan Teknologi. Seperti yang kita sedia maklum bahawa negara kita sering dilanda masalah jerebu yang berulang akibat daripada pembakaran terbuka di Sumatera, Kalimantan dan juga dalam negara kita sendiri. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar dapat mewujudkan suatu sistem amaran awal atau mencipta suatu alat yang boleh mengesan kebakaran di peringkat awal agar ia dapat dibendung cepat daripada ia terus merebak dan memburukkan lagi keadaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Seputeh dan Menteri boleh jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu, nanti tengoklah. Saya tengok keadaanlah sama ada boleh membenarkan atau tidak boleh. Saya akan buat keputusan. Seputeh dahulu.

12.49 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Multimedia Development Corporation (MDEC).

Tuan Pengerusi, saya ingin menyampaikan pandangan daripada beberapa orang pengurus di bidang ICT mengenai peranan yang harus dimainkan oleh MDEC di Dewan yang mulia ini. Bagi pengurusan syarikat ICT yang saya temui, mereka berpendapat bahawa MDEC sepatutnya adalah sebuah agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada syarikat-syarikat di industri ini tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sebaliknya. Masalah dengan MDEC sekarang ialah ia cuba memberi arahan kreatif kepada pengurus syarikat ICT di industri ini.

Apabila pegawai MDEC ditanya tentang rasional sesetengah keputusan yang dibuat oleh mereka, pegawai yang berkenaan selalu berkata ia adalah arahan daripada atasan tetapi mereka tidak dapat memberitahu siapakah bos yang sebenarnya memberi arahan. Selain itu mereka juga selalu gunakan nama Tan Sri ini, Tan Sri itu semasa memberi arahan tetapi tidak ada orang tahu sama ada ini adalah arahan daripada Tan Sri juga.

Pada pandangan pengarah syarikat ICT, MDEC sepatutnya mengambil arahan daripada para pengarah syarikat ICT dan bukan sebaliknya. Mereka berharap MDEC boleh berhenti memberi arahan kepada mereka dan memberi lebih ruang dan kebebasan kepada mereka untuk menghasilkan produksi kreatif. Mereka juga berharap kementerian boleh memecat pegawai yang mempunyai ego yang tinggi dan suka memberi arahan yang bukan-bukan kepada profesional dan juga syarikat ICT.

Selain itu profesional ICT yang saya temui juga berharap pihak MDEC boleh menghentikan praktis kronisme yang hanya memberi bantuan kewangan kepada segelintir profesional yang rapat dengan mereka tetapi peruntukan dan bantuan haruslah diberi berdasarkan kemahiran dan juga kreativiti mereka. Mereka juga berpendapat MDEC tidak harus membelanjakan wang untuk mengadakan *capacity building* dari segi *hardware* tetapi mereka harus beri tumpuan dari segi memberi bantuan, dari segi hubungan di antara industri dengan industri dan juga pada tahap kerajaan.

Misalnya sekiranya sesebuah syarikat ICT ingin mengadakan satu kolej untuk mengajar orang ramai macam mana menggunakan *3D animation*, MDEC sepatutnya membantunya untuk mendapat bantuan profesional dengan menggunakan status dan pengaruhnya sebagai agensi kerajaan. Selain itu sekiranya sesebuah syarikat ingin mengupah seseorang *animator* dari luar negeri, maka MDEC juga harus memberi bantuan kepada syarikat itu dengan menggunakan pengaruhnya sebagai agensi kerajaan.

Cadangan daripada profesional ICT yang saya temui ialah kementerian haruslah mengusir lembaga pengarah yang dilantik oleh kerajaan dalam MDEC sekarang dan gantikannya dengan orang yang bebas daripada industri ini untuk berkhidmat dalam lembaga. Selain itu mereka juga cadangkan wakil rakyat ataupun orang yang berwibawa dilantik dalam Lembaga Pengarah MDEC. Mereka bercadang bahawa kerajaan haruslah belajar dari Singapura di mana *Media Development Authority* atau MDA bila mereka adakan satu *joint venture* dengan *National Geographic* dan *Discovery Channel* untuk menghasilkan dokumentari, usaha mereka ini telah pun dicapai dan menjadikan Singapura sebagai satu *hub* dari segi produksi dokumentari.

Manakala bagi FINAS, bila ia adakan satu program yang agak sama yang mana ia menghasilkan dua *production* tetapi ia hanya dihadkan kepada ahli FINAS sahaja. Ini pun memotong atau menghalang mereka yang betul-betul bagus atau mahir dalam bidang ini untuk memberi sumbangan, untuk menghasilkan *production* yang baik. Jadi secara keseluruhan ia tidak akan menyumbang untuk membangunkan industrinya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang akhir sekali ialah saya hanya ingin tanya Yang Berhormat Menteri telah pun berjanji dengan saya dalam Dewan yang mulia ini dalam sidang Jun-Julai, beliau berkata beliau ingin menjemput Ahli Parlimen DAP dan Pembangkang ini pergi melawat MDEC dan juga kementeriannya. Saya tunggu sampai hari ini. Semalam saya ada jumpa dengannya, jemputan masih belum diberi. Lawatan yang kita sepatutnya buat itu telah pun *postpone* selepas bulan puasa, lepas hari raya pun sudah lepas, masih tidak ada apa-apa jemputan dan lawatan diberi.

Adakah ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri takut pembangkang akan terus membangkitkan lebih soalan ataupun sebenarnya jemputannya pada hari itu adalah tidak ikhlas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya ingin minta pihak kementerian memberi satu jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru masuk, Yang Berhormat faham ke apa butiran hendak dibangkit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham ya? Baiklah, kasi dua minitlah... *[Ketawa]* Sila.

12.54 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dua minit apa boleh buat, Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya hendak bercakap Butiran 00800, 01100 dan 01200. Pertama hendak ucap tahniah kepada kementerian kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran itu tentang apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Butiran berkenaan dengan angkasawan, angkasa. Jadi saya hendak tanya kerana kita telah terlibat dalam hendak angkasawan naik pergi ke atas. Walaupun tidak guna roket daripada DAP, kita guna roket negeri lain... *[Disampuk]* Jadi saya hendak tahu sama ada pihak kementerian kerana sekarang ini kita sudah pergi ke arah sedemikian.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita mahu pendidikan angkasawan ini harus kita salurkan kepada sekolah-sekolah, kepada pelajar-pelajar untuk dia memahami apa dia hendak menjadi seorang angkasawan supaya mereka tahu sekarang ini kita hanya hantar dua orang naik ke angkasa tetapi pada masa depan anak-anak kita yang sekarang berminat kerana saya lihat dalam *show* di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, dia tunjuk gambar orang naik angkasa, jadi banyak orang bertumpu di situ. Jadi kementerian harus pertingkatkan.

Yang keduanya, MIMOS. Saya hendak tahu daripada MIMOS, peruntukan yang kerajaan beri terlampau banyak kepada MIMOS sejak ditubuhkan sampai hari ini. Boleh tidak kementerian menyenaraikan apakah benda-benda yang telah pun dicipta dengan menggunakan MIMOS ataupun lain-lain syarikat yang berusaha sama supaya kita mengetahui kerana saya dapat baca daripada akhbar *The Edge* yang mengatakan bahawa peruntukan RM2 bilion kepada MIMOS tetapi sampai hari ini MIMOS tidak ada lagi, tidak boleh mengeluarkan benda-benda yang boleh membanggakan.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya MIMOS ini dipertingkatkan dan boleh mengeluarkan benda-benda penyelidikan *R&D* yang menguntungkan negara kita ini. Kalau tidak, kita gunakan universiti-universiti yang membuat kajian-kajian ini supaya kajian-kajian mereka ini di *commercialize* kan. Kalau tidak, ia akan separuh jalan dan tidak dapat dipergunakan. Kita dapati bahawa penyelidikan dalam negara kita hari ini cukup baik sekali. Kadang-kadang penyelidikan negara kita ini setanding dengan negara-negara yang maju dari segi sains dan teknologi ini yang harus kita pertingkatkan dan harus kita *commercialize*kan benda-benda ini. Jadi saya berharap kepada pihak kementerian supaya menyusun kembali MIMOS dan menuju ke arah yang sedemikian rupa.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penyelidikan *R&D*. Saya hendak tahu sedikit, apakah aturan, peraturan ataupun syarat-syarat yang dikenakan supaya satu-satu syarikat yang memohon *grant* untuk membuat kaji selidik.

Dan apabila kaji selidik ini berjaya, apakah kerana Setiausaha Parlimen itu menjawab, MIMOS maknanya tidak semestinya ataupun wajib dalam jawapan yang ditanya oleh saya sendiri bahawa tidak wajib bagi sesebuah syarikat itu berusaha sama dengan pihak kerajaan ataupun dengan pihak MIMOS untuk mereka membuat kajian dan juga membuat prototaip ataupun apabila sampai peringkat untuk *dicommercialize*kan.

Kalau ya, kata ya. Kalau tidak, kata tidak. Kerana ada kadang-kadang kita lihat sesebuah syarikat di mestikan berusaha sama. Ada pula syarikat lain tidak perlu. Jadi ini kadang-kadang ia tidak selaras. Jadi saya berharap pihak kementerian akan dapat menyelaraskan ataupun mencari satu formula supaya peringkat prototaip ini tidak harus diusaha sama selepas syarikat itu hendak meng *commercialize* kan benda-benda itu ataupun *findings* itu, maka mungkin di peringkat itu kalau perlu diusahakan dengan pihak MIMOS ataupun pihak kerajaan.

Kalau tidak, tidak perlu kerana apabila *dicommercialize*kan, ia akan mendatangkan keuntungan balik kepada negara kita dan mungkin kalau kita bimbing lagi mungkin benda ini boleh kita menular ke peringkat antarabangsa untuk memasarkan barang-barang yang dikaji selidik oleh rakyat Malaysia sendiri dan kita harus berbangga. Saya harap pihak kementerian jangan menyusahkan syarikat-syarikat yang hendak melibatkan diri dalam *R&D* ini. Kita harus memberi bimbingan kepada mereka.

Pihak pentadbir harus memberi bimbingan dan kepercayaan. Jangan kita meniadakan kepercayaan syarikat-syarikat dalam negara kita ini. Kerana hari ini banyak anak kita, Tuan Pengerusi, telah bijak dan pandai, boleh mencipta sesuatu benda itu tetapi kadang-kadang mungkin pihak kementerian sendiri tidak mempunyai pegawai yang cukup untuk membimbing dan membantu syarikat-syarikat ini untuk mempergiatkan diri dalam bidang *R&D*. Begitu juga dari segi *R&D* pertanian. Kita di pertunjukan pertanian MAHA, saya hendak lihat berapa banyakkah. Saya ingat pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan pihak pertanian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, maknanya habis. Ia kalau tergantung, Tuan Pengerusi, memang tidak elok. Bagi habis, elok. Saya tutup elok-elok untuk Tuan Pengerusi sekejap lagi. Ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan bising. *You* ini hari-hari bising... [Ketawa] Tolonglah. Jadi saya hendak minta supaya *R&D* dari segi pertanian kerana kita hendak fokus kepada pertanian kerana banyak anak Malaysia yang telah berjaya dalam bidang pendidikan, mereka sudah keluar universiti dan sebagainya. Jadi mereka ini menanti dan menunggu teknologi-teknologi baru untuk mereka memperkembangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Memperkembangkan pertanian, Tuan Pengerusi, kerana pertanian akan menyelamatkan import barang-barang makanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tengok jam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan ini menyelamatkan negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, masa cukup. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab pada 2.30 petang selepas ini.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi tidak bangun, saya sudah buat keputusan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sibuk di luarlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Saya sekarang menjemput Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk memulakan jawapan.

2.31 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai lima orang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bajet yang disalurkan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha program dan strategi kementerian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masa depan ekonomi negara kita tidak boleh terus bergantung kepada sumber-sumber tradisi dan industri yang berasaskan pada upah yang murah dan nilai tambah yang rendah.

Negara perlu bergerak ke arah ekonomi baru seperti k-ekonomi yang berasaskan kepada pengetahuan dan nilai tambah yang tinggi. Kita perlu memberi penekanan kepada penguasaan pengetahuan dalam bidang-bidang teknologi tinggi seperti bioteknologi, ICT, nanoteknologi, bahan-bahan termaju, pembuatan termaju dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui *renewable energy*.

Melalui penemuan-penemuan baru yang berasaskan sains dan teknologi ini, negara akan dapat menghasilkan teknologi dan produk yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, di dalam Parlimen ataupun berkaitan dengan bajet yang telah dinyatakan, kita ingin mencapai misi nasional yang berlandaskan kepada lima teras utama. Bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kita terus mempunyai kerjasama ataupun bertanggungjawab kepada dua teras utama.

Pertama adalah teras meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi untuk menjana sumber kekayaan baru dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan. Di sini termasuklah perkara untuk memajukan kegiatan bioteknologi, merancang pembangunan ICT dan memperhebatkan R&D.

Bagi teras yang kedua yang kita mempunyai kaitan ataupun bertanggungjawab terus adalah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi dalam negara serta memupuk minda kelas pertama. Di antara projek-projek ataupun program yang akan dilaksanakan adalah mengurangkan graduan menganggur kemudian kita juga telah mendapat bantuan untuk memudahkan, untuk membawa masuk pakar-pakar daripada luar negeri dengan memudahkan urusan imigresen ataupun untuk mendapatkan pas kerja. Begitu juga, kita ingin mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan dengan menstruktur semula beberapa agensi untuk membolehkan agensi memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan lebih cepat.

Pertama, saya ingin memberikan jawapan kepada soalan Yang Berhormat bagi Jerai yang kita anggap antara yang paling senior di Dewan ini, kita berikan keutamaan kepada beliau. Antara yang dipersoalkan, mengikut artikel dalam *The Edge*, MIMOS telah diperuntukkan sebanyak RM2 bilion. Apakah antara penyelidikan yang telah MIMOS hasilkan.

Kedua, sekiranya MIMOS tidak dapat mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan, MIMOS hendaklah distruktur semula.

Ketiga, adakah menjadi dasar bagi MIMOS bekerjasama dengan industri dengan mengeluarkan *prototype* penyelidikan.

Seperti yang kita sedia maklum MIMOS sebenarnya telah dikorporatkan pada bulan November 1996. 3 fungsi MIMOS pada masa itu adalah penyelidikan, menyediakan dasar ICT dan perniagaan. Hasil MIMOS merangkumi keseluruhan daripada rantaian nilai inovasi, *innovation value chain*, dengan izin, daripada pembangunan teknologi sehinggalah menjana syarikat teknologi. Antara hasil-hasil penyelidikan MIMOS adalah:

Pertama, iaitu *Malaysia first home; Very Large Scale Integration (VLSI), design software.package*. Maksudnya menyediakan satu pakej perisian yang dapat memudahkan kita membuat reka bentuk bagi *Very Large Scale Integration*.

Kedua, menghasilkan PESONA chip 16 bits RISC iaitu *Reduced Instruction Set Computer Processor*. Kemudian MIMOS juga telah menghasilkan PC ATOM untuk pelajar sekolah. System SCADA yang dibangunkan bersama Sapura Engineering. Kemudian MIMOS juga menghasilkan MATRICS, satu pengurusan sistem trafik pintar, yang dilaksanakan di Istanbul Turki.

Sistem COMIL untuk guru-guru menyediakan Multimedia *courseware*. Kemudian menghasilkan juga *cikgu.net* iaitu *web portal* untuk guru-guru. Agro Bazar platform untuk *e-commerce* dalam bidang pertanian. Jadi MY GFL Portal bagi pembelajaran berterusan. iVEST iaitu *system security* ICT berdasarkan PKI ini digunakan oleh Bank Negara. RangkoM yang kini dikenali sebagai jaring, ISP pertama di Malaysia. *Security Related Products*, dengan izin *Secure Electronic Document System, Cyber Early Warning System, Instruction Detection System, Certification Detection System*.

Jadi kalau kita lihat ada lagi selain daripada itu MIMOS juga telah menjadi syarikat teknologi seperti Malaysia Microelectronics Solutions Sdn. Bhd., (My-MS), MIMOS Semiconductor Sdn. Bhd. dan MIMOS Smart Computing Sdn Bhd. atau MSCSB. Baru-baru ini, MSCSB telah diberi kontrak untuk membekalkan 30 ribu PC kepada Kerajaan Cuba.

Untuk memastikan MIMOS lebih berkesan, Kabinet telah pun pada bulan Ogos 2003 bersetuju bahawa MIMOS di struktur semula untuk memberikan fokus kepada *R&D* sahaja. MIMOS kini mempunyai pasukan pengurusan baru yang mana akan menekankan kepada *R&D*. Yang kedua saya ingin...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ingin sedikit penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya berterima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan dan juga tentang penstrukturan semula MIMOS. Cuma saya hendak tahu sama ada pihak MIMOS mempunyai pakar-pakar dan kakitangan-kakitangan yang cekap dan mampu menjalankan *R&D* seperti Yang Berhormat katakan tadi. Maknanya mereka sendiri mempunyai kakitangan yang boleh dirujuk oleh pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak universiti yang membuat kajian ataupun yang membuat kaji selidik tentang bidang sains dan teknologi ataupun dalam bidang-bidang IT. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, MIMOS telah mencapai banyak kejayaan yang berkaitan dengan bidang ICT ataupun mikroelektronik ataupun ICT sendiri. Saya sudah bacakan beberapa *list* lebih daripada sepuluh kejayaan MIMOS.

Jadi tentulah untuk menghasilkan produk-produk yang bermutu dan berkualiti yang dianggap *world class* tentulah kita mempunyai sumber manusia yang juga *world class*. Jadi memang sebenarnya di MIMOS ramai penyelidik yang mempunyai tak kurang ada *Master* dan sebahagian besar ada Ph.D bekerja di MIMOS. Jadi kita meletakkan satu *confident* ataupun memang rasa percaya bahawa MIMOS selepas ini akan menghasilkan lebih banyak *research* produk seperti yang telah ditekankan oleh kerajaan.

Kemudian yang kedua saya ingin menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor iaitu cadangan supaya satu sistem amaran awal kebakaran diwujudkan untuk mengesan kebakaran di peringkat awal. Dalam usaha menangani jerebu dan kebakaran hutan, Malaysia telah mempunyai mekanisme sistem amaran awal kebakaran yang merangkumi:

- (i) sistem pemantauan fenomena cuaca seperti fenomena EL-NINO;
- (ii) sistem risiko kadar kebakaran *fire danger rating system* dengan izin, yang dapat mengenal pasti kawasan berpotensi untuk terbakar;
- (iii) kita juga telah membangunkan sistem pengesanan kawasan terbakar menggunakan satelit yang dapat memberikan maklumat kebakaran secara harian dua kali sehari;
- (iv) kita telah menyediakan satu mekanisme penyaluran maklumat kawasan kebakaran daripada orang awam kepada agensi berkaitan seperti alam sekitar, pihak Bomba dan sebagainya; dan
- (v) kita juga ada pengesanan dan pemantauan kebakaran melalui mekanisme kerjasama ASEAN untuk mengesan jerebu yang melintasi sempadan ataupun melalui negara-negara ASEAN.

Di sini telah diwujudkan melalui Pusat Meteorologi ASEAN (ASMC) di *Singapore* telah ditubuhkan *Sub-Regional Forest Fire Arrangement* yang mana terdiri daripada ahlinya adalah Malaysia sendiri, *Singapore*, Brunei dan juga Indonesia. Jadi pada peringkat ASEAN ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat....

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat jawab soalan saya tapi ada lagi dua soalan tapi yang pentingnya ialah bioteknologi dalam bidang pertanian yang sekarang ini hangat diperbincangkan dan matlamat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi sejauh manakah pihak kementerian membantu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi-agensi kerajaan lain untuk mempertingkatkan *production* pertanian melalui bioteknologi ini. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya bioteknologi kita akan jawab sekali. Ada tiga soalan termasuklah soalan daripada Yang Berhormat. Kita jawab mengikut *cluster*.

Pada peringkat ASEAN, dengan adanya mekanisme untuk memberi amaran awal kepada negara-negara ASEAN akibat kebakaran hutan yang boleh menghasilkan jerebu yang menyeluruh yang melintas sempadan. *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC) yang bertempat di *Singapore* ditugaskan untuk memantau titik panas, juga sumber asap dan keadaan cuaca di rantau ASEAN. Pada ketika ini, ASMC berfungsi sebagai *ASEAN Coordinating Panel of ASEAN Experts on Fire and Haze Assessment and Coordination*, dipengerusikan oleh ASEAN sekretariat dan Indonesia bersetuju untuk menerima "*trigger points*" dan paras amaran untuk menggerakkan panel pakar ASEAN.

Seterusnya berkaitan ICT yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Jadi saya ingin maklumkan bahawa pihak MDEC sentiasa mengambil kira kepentingan pandangan pihak ICT tempatan dalam proses pembiayaan projek-projek ICT yang dicadangkan oleh mereka. Contohnya di bawah geran MGS, geran MGS sehingga September 2006 semua projek di bawah multimedia geran skim MGS adalah daripada cadangan syarikat-syarikat ICT tempatan sendiri dan tidak satu pun daripada *top down* ataupun daripada pihak MDEC sendiri yang mana sejumlah 67 projek yang telah diluluskan bernilai RM158.5 juta.

Bagi menjawab perkara yang kedua iaitu MSC, MDEC sebenarnya tidak mengamalkan sikap pilih kasih kepada mana-mana syarikat sama ada berstatus MSC ataupun bukan berstatus MSC. Suka di sini saya maklumkan bahawa pihak MDEC telah memberi bantuan dan malahan bimbingan kepada syarikat-syarikat ICT tempatan dalam bidang pembangunan usahawan *techno* di bawah Program Pembangunan Usahawan *Techno* dengan izin, *Technopreneur Development Programme*.

Program tersebut telah dibuka kepada syarikat-syarikat ICT tempatan sebanyak 3,541 syarikat yang belum berstatus MSC. Mereka diberikan bimbingan dari peringkat awal sehinggalah mereka layak mendapat status MSC. Ini adalah merupakan kejayaan-kejayaan ataupun sumbangan yang dibuat oleh MDEC untuk memastikan MSC akan terus maju.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin memberi satu cadangan sama ada bagi pengurus ataupun operator syarikat ICT ataupun profesional ICT yang mempunyai banyak sungutan mungkin terhadap sesetengah pegawai di MDEC ini sama ada pihak kementerian mempunyai satu saluran bagi mereka. Mungkin Yang Berhormat boleh adakan satu dialog dengan mereka secara *close door* untuk dengar pandangan dan juga kritikan daripada mereka supaya kita boleh menjemput mereka untuk mengembangkan industri ini kerana kenyataan yang saya buat tadi itu, saya memang ada satu perbincangan dengan beberapa di antara mereka yang ada pengalaman pahit dengan pegawai dari MDEC. Jadi saya ingin bagi satu cadangan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jumpa dengan mereka.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Jadi cadangan itu saya akan ambil kira dan membuat pertimbangan untuk dimaklumkan kepada pihak atasan iaitu kepada pihak Menteri sendiri tetapi walau bagaimanapun, seperti yang telah saya nyatakan sebenarnya tidak ada pilih kasih di dalam pemberian geran multimedia skim ini. Ini betul-betul berdasarkan cadangan *proposal* daripada penyelidik sendiri.

Bagi menjawab soalan mengenai kewibawaan Ahli Lembaga Pengarah MDEC, saya ingin memaklumkan bahawa Ahli Lembaga Pengarah MDEC adalah terdiri daripada golongan profesional yang sangat berwibawa iaitu terdiri daripada wakil pihak industri dan kerajaan. Sebagai contohnya wakil dari pihak industri ialah ketua Eksekutif Telekom Malaysia, CEO CIMB, Presiden daripada Lim Kok Wing Universiti, Pengerusi West Port, wakil daripada Persatuan Industri Komputer Tempatan atau PIKOM, wakil daripada Syarikat Sapura, HT *Consulting*, ECM Berhad. Jadi tidak timbul bahawa MDEC tidak telus sama ada bagi mewakili kerajaan ataupun mewakili pihak swasta. Beberapa tahun lepas, MDEC telah mewujudkan indeks kepuasan pelanggan di kalangan syarikat ICT tempatan dan telah mencapai 70% kepuasan pelanggan pada tahun 2005.

Seterusnya isu bioteknologi buat makluman Yang Berhormat bagi Mambong, sejak Dasar Bioteknologi Negara yang dilancarkan pada 28 April 2005 banyak perkembangan penting telah dicatatkan dalam pembangunan industri bioteknologi antaranya yang pertama ialah penyertaan delegasi Malaysia dalam pameran dan persidangan bioteknologi utama dunia contohnya BIO Philadelphia pada tahun 2005 di mana Malaysia memperkenalkan Dasar Bioteknologi Negara ataupun Dasar Bioteknologi Nasional kepada komuniti bioteknologi antarabangsa. Dan BIO Chicago pada tahun 2006, di mana syarikat-syarikat bioteknologi Malaysia memperkenalkan produk masing-masing dan membuat hubungan rangkaian niaga.

Kedua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan pada Mei 2006 telah memberikan peruntukan sebesar RM2.01 bilion untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan dalam bidang bioteknologi. Pada pembentangan Bajet 2007 pada 2 September 2006 yang baru lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah mengumumkan insentif cukai untuk syarikat-syarikat yang diberikan status Bio-Nexus.

Pada 7 September 2006 baru-baru ini, Yang Amat Berhormat telah melancarkan loji milik Inno Biologics, sebuah syarikat pembuatan biofarmaseutikal kontrak dari Malaysia. Loji tersebut telah menerima piawaian *Current Good Manufacturing Practice* atau CGMP dan boleh mengeluarkan bahan-bahan untuk ujian klinikal dan *product* biofarmaseutikal secara komersial. Seterusnya pada 7 September juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan "status Bio-Nexus". Status Bio-Nexus adalah status khas yang diberikan oleh kerajaan melalui *Malaysian Biotechnology Corporation* ataupun *Biotech Corp* kepada syarikat ataupun organisasi bioteknologi yang layak. Syarikat atau organisasi itu mestilah mempunyai beberapa syarat:

- (i) menjalankan aktiviti berkaitan sains hayat ataupun bioteknologi yang diletakkan di bawah syarikat khusus;
- (ii) mesti mempunyai keupayaan untuk menjalankan penyelidikan dan pengembangan bioteknologi; dan
- (iii) mempunyai peratusan pekerja ilmu yang munasabah berkaitan perniagaan sains hayat atau bioteknologi yang dijalankan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan hendak menarik penyertaan-penyertaan dalam bioteknologi terutama *cluster technology* atau bioteknologi ini iaitu membawa *expertise* dari luar atau tenaga pakar daripada luar. Setakat manakah Program *Brain Gain* ataupun *Returning Scientist Program* yang merupakan satu projek di bawah kementerian ini berjaya menarik balik. Sebab difahamkan satu laporan dalam Star baru-baru ini menyatakan ramai yang datang ke sini, kemudian balik kerana tidak mempunyai infrastruktur yang baik untuk mereka melakukan penyelidikan. Tidak ada insentif-insentif dan kemudian budaya penyelidikan itu tidak marak dan berkembang di sini.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Untuk respons kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sebenarnya pihak agensi yang dipertanggungjawabkan pihak MIGHT telah pun selesai membuat kajian ke atas cadangan mengadakan program ini pada akhir tahun 2005 dan Bahagian S&T telah diarahkan untuk melaksanakan program ini. Kita telah menyediakan satu dasar baru berkaitan dengan *Brain Gain*. Jadi portal *Brain Gain* telah pun berjaya disediakan dan portal ini akan dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Disember ini semasa Mesyuarat Majlis Inovasi Negara. Portal ini akan dapat di akses oleh para saintis tempatan dan antarabangsa untuk mendapat maklumat dan cara-cara memohon program-program ini di bawah *Brain Gain* National ataupun Malaysia.

Portal BGM ini akan menyediakan satu platform untuk mereka mendapatkan peluang dan kemudahan untuk bekerjasama *R&D* dengan universiti tempatan di dalam bidang-bidang yang ditetapkan. Portal ini akan memudahkan proses penghebahan, permohonan dan pemantauan program-program yang disediakan. Jadi semua insentif-insentif yang berkaitan dengan *Brain Gain* Malaysia yang baru ini akan boleh dilihat daripada portal yang akan disediakan dan yang akan dilancarkan pada Disember tahun ini.

Seterusnya berkaitan isu bioteknologi tadi iaitu untuk membolehkan satu-satu syarikat itu dikenali status Bio-Nexus perkara keempat mesti ada iaitu menjalankan perniagaan dalam bidang-bidang tumpuan bioteknologi yang digariskan dalam Dasar Bioteknologi Nasional iaitu bioteknologi penjagaan kesihatan, bioteknologi pertanian dan bioteknologi industri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Alor Star.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sebelum itu saya minta maaf tadi telah saya nyatakan 7 September 2007 tetapi sebenarnya 2006.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen macam tidak jawab lagi soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Beliau bertanya mengenai Program *Brain Gain*. Sebab apa yang ramai balik, lepas itu tiba-tiba tidak sampai dua tahun mereka kembali pula ke negara yang bermastautin dulu untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu. Sebab apa ini boleh berlaku? Sama ada budaya kita tidak begitu munasabah atau kemudahan dan layanan tidak begitu baik supaya mereka tidak rela tinggal di sini lagi? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sebenarnya Program Brain Gain di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bolehlah dikatakan tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan. Ada dia antara pakar yang telah berada di Malaysia, mungkin tidak lama lagi mereka akan kembali seperti saya nyatakan bahawa kemungkinan insentif yang kita tawarkan di dalam pengambil balik kepakaran luar masuk ke Malaysia itu tidak begitu menarik. Contohnya dahulu untuk mendapatkan pas kerja pun mengambil masa yang lama. Kemudian ada setengah tempat tidak ada sekolah *international* untuk pakar-pakar ini membawa keluarga dan sebagainya.

Itu sebab dalam *Brain Gain* yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Disember, kita mengambil inisiatif baru dengan memperkenalkan insentif-insentif yang lebih baik untuk membolehkan lebih ramai pakar luar negeri sama ada rakyat luar negara ataupun pakar warganegara yang berkhidmat di luar negeri untuk balik dan memberi sumbangan. Pada program yang akan datang, kita tidak semestinya membawa pakar itu sepenuh masa berada di Malaysia. Mungkin satu daripadanya mereka boleh setahun hanya dua kali datang. Sekali datang, mungkin satu bulan atau dua minggu sahaja. Jadi melalui jaringan, melalui *network*, melalui internet dan sebagainya berkaitan dengan pengambilan ataupun untuk mendapatkan teknologi baru boleh kita dilaksanakan. Jadi *physically* tidak semestinya orang itu berada duduk di makmal itu untuk membuat pekerjaan dan sebagainya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Mohon penjelasan, penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya nak bertanya kalau kita nak menggunakan pakar-pakar asing yang balik ke Malaysia ini supaya mereka dapat satu keadaan yang lebih kondusif. Mereka memang mendahagakan dana-dana penyelidikan. Setakat ini apakah usaha kementerian untuk memastikan mereka mendapat dana yang dipohon dan sekiranya Rancangan Malaysia Kelapan kita gagal berbuat demikian, apakah perubahan dasar yang telah dibuat oleh kementerian untuk memastikan ia nya tidak berulang lagi.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Seperti yang saya nyatakan tadi, di dalam dasar *brain gain* yang akan dilancarkan pada Disember ini, kita akan memberikan lebih banyak insentif atau pun ruang dan suasana yang kondusif untuk penyelidik-penyelidik atau pun pakar-pakar luar negara untuk memberikan kerjasama atau pun memberikan *knowledge* mereka kepada rakyat tempatan. Itu sebab sebagai contohnya kita pada masa akan datang, *expert* itu tidak sepenuh masa perlu berada di Malaysia. Jadi, ini salah satu daripada punca kegagalan oleh kerana mereka perlu berada di sini setahun atau pun dua tahun dan memulakan satu *research* baru di sini.

Akan tetapi dengan hanya menggunakan kemudahan telekomunikasi, setahun mungkin hanya satu bulan berada di Malaysia, dan kerja-kerja penyelidikan itu boleh dibuat di Malaysia atau pun di negeri asal dan *knowledge acquisition* atau pun untuk mendapatkan teknologi daripada pakar itu boleh kita laksanakan secara kerjasama.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan tadi, setakat Setiausaha Parlimen menyentuh tentang keadaan kondusif, saya tak dapat bayangkan apa yang dimaksudkan dengan konduksi selain daripada bekerja dari tempat lain. Apa yang saya nak tahu dari segi perubahan dasar sebab selama ini mereka nak memohon apabila dijanjikan ada dana-dana pendidikan, akhirnya tidak ada. Dan menyebabkan mereka rasa hampa.

Saya nak bertanya, apa yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memastikan perkara ini tidak berulang. Apakah jaminan dan di bawah butiran manakah peruntukan itu akan disalurkan. Saya rasa itu adalah antara faktor yang paling penting kerana kalau IRPA itu kalau nak dapat bukan senang. Jadi saya nak tanya apakah perubahan yang telah dibuat oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Seperti yang saya nyatakan, *so detail* daripada insentif itu tidaklah boleh saya maklumkan lebih awal oleh kerana kita perlu menunggukan dasar ini dilancarkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri tetapi walau bagaimanapun, suasana kondusif yang saya nyatakan adalah kita akan menyediakan *fund*. Iaitu kita ada *Science Fund*, kita ada *Technology Fund*, kita ada *Inno Fund* dan kita juga ada *fund* khas untuk bidang bioteknologi. Untuk penyelidikan-penyelidikan ini memohon atau pun kita sediakan supaya lebih ramai atau pun satu suasana yang dapat menarik mereka bekerja atau pun memberikan pengetahuan untuk rakyat tempatan. Jadi, dananya adalah *Science Fund* kita ada, *Technology Fund* kita ada, *Inno Fund* kita ada, kemudian kita ada *special grant* untuk bioteknologi sendiri kalau dalam bioteknologi. Kalau di bidang ICT, kita ada lagi tambahan *Multimedia Grant Scheme*.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut bahawa kementerian ini mempunyai agenda yang besar iaitu untuk melahirkan hadiah *Nobel* di kalangan memperoleh hadiah *Nobel* di kalangan rakyat Malaysia dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Tadi kita telah sebut tentang kegagalan-kegagalan kita dan memang satu rungutan yang besar daripada orang yang datang ke mari, kemudian pulang balik itu adalah kerana masalah-masalah dari segi birokrasi nak mendapatkan geran penyelidikan. Ini adalah merupakan masalah pokok yang menyebabkan mereka tidak tertarik.

Pokok pangkalnya kita tidak mempunyai budaya penyelidikan yang mendalam dalam perkara ini. Saya ingin juga mengesyorkan di sini kalau boleh difikirkan bahawa negara-negara yang mendapat *Nobel Award* di dunia ini mereka memiliki apa yang disebut sebagai *Institute of Advance Studies* di mana mereka benar-benar khusus dan saya rasa Malaysia juga boleh mengadakan institut serupa ini. *Institute of Advance Studies* yang khusus di bidang-bidang tertentu di mana *home-grown expertise* boleh dimajukan atau pun dikembangkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi saya rasa persoalan itu sama dengan soalan asal yang ditimbulkan iaitu kita pada Rancangan Malaysia Kelapan, kita memanglah tidak berjaya sangat untuk menarik pakar luar berkhidmat, oleh kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum, banyak atau pun birokrasi-birokrasi yang ada membuatkan suasana bekerja dan untuk datang menjadi profesor pelawat dan sebagainya tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dan satu lagi untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kebanyakan saintis yang kita bawa adalah melalui universiti. Universiti mengambil mereka dan bekerja di universiti. Jadi apabila universiti mengambil mereka, jadi ada sebahagian masa mereka diminta untuk mengajar. Jadi, ini salah satu daripada masalahnya. Jadi mereka bekerja di universiti, jadi tidak sepenuh masa mereka boleh menjalankan penyelidikan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi menegaskan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan *Institute of Advance Studies*.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Okey. Itu jawapan saya yang pertama. Jawapan saya yang kedua yang berkaitan dengan itu, kita di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk bioteknologi sahaja kita telah dan akan menubuhkan tiga institut penyelidikan. Pertama adalah Institut Agri ataupun Agro-Bioteknologi yang diletakkan di Serdang, MARDI. Kemudian kita menubuhkan Institut 'Genome' dan Molekular yang diletakkan di UKM. Dan kita juga menubuhkan Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal yang diletakkan di USM. Dan institut ini adalah bertaraf *world class* yang mana mempunyai kemudahan-kemudahan yang terkini dan boleh menarik pakar-pakar luar untuk bekerjasama di dalam institut ini.

Seterusnya saya menyambung iaitu menjalankan perniagaan dalam bidang-bidang tumpuan bioteknologi yang digariskan dalam dasar bioteknologi nasional iaitu bioteknologi penjagaan kesihatan, bioteknologi pertanian dan bioteknologi industri. Itu juga, seterusnya perkara yang perlu dipenuhi adalah memenuhi undang-undang, peraturan dan etika yang berkaitan termasuk Undang-undang Biokeselamatan. Syarikat-syarikat yang diberikan status *Bionexus* juga boleh memohon untuk mendapatkan bantuan geran pengkomersialan daripada Malaysian Biotechnology Corporation, tertakluk kepada kelulusan.

Geran-geran ini yang terdiri daripada pertama dalam bentuk modal benih atau *seed funding*, sehingga RM2.5 juta untuk syarikat-syarikat yang baru atau *start-up companies*, geran padanan atau *matching grant* sehingga RM1 juta untuk menjalankan R&D bagi meningkatkan produk bioteknologi sedia ada dan juga geran padanan sehingga RM1.25 juta untuk memperluaskan perniagaan bioteknologi sedia ada ke peringkat antarabangsa. Syarikat-syarikat yang ingin memohon status *BioNexus* atau pun geran-geran pengkomersialan bioteknologi ini di atas boleh mengemukakan permohonan terus kepada Malaysian Biotechnology Corporation sama ada secara *online* atau pun secara bertulis.

Seterusnya pertanyaan Yang Berhormat bagi Gombak iaitu berkaitan dengan apakah kejayaan dan juga pencapaian kita terutama dalam bidang bioteknologi kesihatan dan juga apakah persediaan kita menyediakan sumber manusia di dalam bidang ini. Buat makluman Yang Berhormat bagi Gombak, beberapa syarikat bioteknologi Malaysia kini sedang mengusahakan produk-produk bioperubatan sebagai contoh Malaysian Biodiagnostic Research yang menghasilkan *kit diagnostik* untuk *typhoid* dan *Nova Laboratories* yang sedang mengusahakan produk untuk merawat penyakit Hepatitis B. Setiap produk bioperubatan yang dihasilkan dan dipasarkan di Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Dari segi ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk memastikan beberapa produk-produk yang dihasilkan mencapai mutu standard dunia dan sebelum boleh dikeluarkan dan dipasarkan dalam pasaran-pasaran bebas.

Begitu juga daripada segi penyediaan prasarana untuk industri bioteknologi, buat makluman Yang Berhormat bagi Gombak, kerajaan telah menumpukan perhatian kepada menggembleng prasarana sedia ada secara optimum. Malaysia menggalakkan syarikat-syarikat bioteknologi untuk menjalankan perkongsian pintar dengan universiti-universiti dan pusat-pusat penyelidikan yang sedang menjalankan penyelidikan bioteknologi. Bukan sahaja ini dapat memastikan penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut secara lebih cekap dan berkesan dari segi kos tetapi juga akan menggalakkan lebih interaksi dan kerjasama antara industri dan universiti.

Bagaimanapun, sekiranya sesuatu kemudahan itu atau pun prasarana yang perlu untuk industri bioteknologi belum lagi ada di dalam negara, kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan untuk menyediakan kemudahan tersebut. Dari segi ini, kerajaan tidak berhasrat untuk berlumba-lumba dengan mana-mana negara dari segi membangunkan prasarana kerana dalam membangunkan ekonomi berasas ilmu, yang lebih penting adalah bekerjasama atau pun mencapai kemajuan bersama. Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasanya Kementerian Sains telah menjawab semua persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan semasa Jawatankuasa...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Jadi dengan itu saya tamatkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Pertanian tak sampai.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Lupa ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha terlupa! Dengan angkasa angkasawan.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Jadi, jawapan terakhir adalah berkaitan dengan pertanian. Jadi, sebenarnya penyelidikan-penyelidikan di dalam pertanian ini sebenarnya kita telah lama bangunkan terutama adanya MARDI dan sebagainya. Jadi di dalam *cluster* penyelidikan, pertanian adalah salah satu daripada *research* yang kita beri keutamaan selain daripada ICT, selain daripada bioteknologi dan agrikultur mempunyai satu pengkhususan khas walaupun terletak di bawah bioteknologi.

Jadi sebagai contoh, MARDI sebenarnya telah banyak membuat penemuan-penemuan baru terutama dalam segi benih padi. So, yang baru-baru ini kita dengar telah dimaklumkan penemuan benih padi baru, MR232 yang sedang dibangunkan untuk mendapatkan benih dan sebagainya. Jadi, ini satu contoh yang mana kita Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama untuk menghasilkan produk-produk yang boleh terus digunakan masyarakat petani.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, padi ini sudah lama, padi ini memang saya tahu MARDI duk buat lama, tetapi dari segi benda-benda lain, pokok-pokok tanaman kita, buah-buahan kita dan lain-lain daripada padi ini. Benih-benih padi ini memang MARDI buat kajian dari semasa ke semasa tetapi, dia hendak tahu daripada kalau padi sahaja, saya ingat itu tidak mencukupi, kerana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi patut juga menyelam dan juga mengkaji dari segi contohnya buah-buahan kita. Saya tengok buah mempelam dari Australia ini besar, kepala manusia punya besar. Buah mempelam dari Pakistan dia punya harum semerbak dengan isinya yang cukup halus macam aiskrim, tetapi hak kita ini dengan empulur banyak, dengan maka ulat cepat, jadi sains teknologi kena cari macam mana hendak bagi jadi benda ini, yang besar jadi kecil, yang kecil jadi besar.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, sebenarnya bagi kes-kes dalam bidang lain seperti farmaseutikal dan nutraseutikal yang mana bahan-bahan untuk membuat hasil produk dalam bentuk kesihatan datangnya adalah daripada herba dan juga tanaman-tanaman. Jadi, kita bercadang untuk membangunkan ladang-ladang herba ataupun secara berkelompok yang mana orang kampung boleh menanam pokok-pokok ini sebagai bahan untuk dimajukan untuk produk kesihatan dan sebagainya. Jadi, di situ saya nampak bahawa bioteknologi ini akan terus bagi ke bawah *grassroot*, yang mana *grassroot* akan terlibat terus di dalam penghasilan produk-produk pada masa akan datang, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM627,120,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM627,120,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,529,000,000 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,529,000,000 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Maksud B.31 [Jadual] –

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Puchong.

3.14 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk membahas di bahawa Kementerian Pelancongan. Saya terus pergi kepada Butiran 041000 iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau LPPM. Tuan Pengerusi, saya dan juga saya ingat majoriti rakyat Malaysia mesti memberi sokongan kepada kementerian ini untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan iaitu 2007 dan juga saya difahamkan bahawa Kementerian melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan ini telah membuat banyak aktiviti program untuk menggalakkan kemasukan pelancong-pelancong dari luar negara termasuklah pelancong-pelancong dari seluruh negara di Asia Tengah ataupun dari Negara China India, Eropah dan Amerika Syarikat.

Akan tetapi, pada masa yang sama juga saya difahamkan, tahun ini kementerian telah mengaturkan program iaitu *Double-entry Visa Program* iaitu satu program di mana pelancong datang ke Malaysia ini mungkin mereka tidak akan mendapatkan visa di negara asal mereka, tetapi apabila masuk ke dalam KLIA mereka boleh mendapatkan satu visa di mana kerajaan Malaysia ini kemungkinan besar melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Jabatan Imigresen untuk mendapatkan visa masuk ke negara ini. Ini memang satu aktiviti ataupun satu galakan yang patut digalakkan supaya memudahkan lagi pelancong-pelancong luar negara memasuki Malaysia ini supaya mereka ini boleh memberikan sedikit kegiatan ekonomi ataupun galakan lagi sektor pelancongan di Malaysia, khasnya pada tahun hadapan.

Saya hendak tanya setakat ini apakah pencapaian dan juga apakah kriteria yang telah ditetapkan kepada pelancong-pelancong kerana saya difahamkan juga dan juga saya selalu mendapatkan maklum balas daripada golongan-golongan tertentu, kumpulan-kumpulan tertentu bahawa ada ramai di antara mereka ini mengambil kesempatan ataupun kelonggaran kriteria. Mereka memasuki negara kita ini sebagai *tourist* sebagai pelancong dan pada masa yang sama, mereka juga sebenarnya bukan pelancong yang *genuine* yang betul-betul masuk ke negara untuk melancong ke negara kita ini.

Ini juga memberikan satu tamparan yang hebat kepada usaha kerajaan kita untuk mengurangkan PATI iaitu pendatang asing tanpa izin ini dan saya bimbang kalau kita tidak ada satu sistem yang betul-betul memberikan kawalan yang berkesan aliran pelancong ini ataupun satu sistem yang boleh membezakan di antara pelancong yang *genuine* dengan pelancong yang memasuki negara ini dengan tujuan-tujuan yang berlainan. So, saya hendak tahu apakah setakat ini, berapa jumlah mereka telah memasuki melalui program ini iaitu sejak September dan juga saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang telah diset oleh pihak kementerian supaya kita betul-betul mendapatkan pelancong-pelancong yang tidak dingini khasnya pada tahun hadapan.

Ini kerana, kalau kita memberikan usaha yang gigih untuk menjayakan program ini tetapi pada masa yang sama kalau kita ada implikasi yang negatif ataupun boleh mewujudkan satu masalah sosial yang lebih berat lagi, di sinilah satu pertimbangan mesti dilakukan di antara keuntungan ekonomi dan juga apakah kos-kos sosial yang akan datang. Itu satu di bawah Kepala Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Satu lagi Tuan Pengerusi, saya juga akan pergi kepada Butiran 01100 iaitu Program Penyediaan dan juga peningkatan Kemudahan Pelancongan di Malaysia iaitu dalam bajet ini kita akan membelanjakan lebih kurang RM170 juta.

Saya hendak tahu apakah program yang telah disusun ataupun diwujudkan supaya target ataupun sasaran kita untuk tahun hadapan iaitu saya difahamkan pelancong tahun hadapan lebih daripada 20 juta pelancong ke Malaysia ini dan apakah penyediaan-penyediaan yang lebih konkrit lagi supaya target atau sasaran kita dapat dicapai khasnya pada tahun hadapan, saya ingat itu sahaja saya hendak sampaikan. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.19 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 040900 - Bahagian Dasar Rancangan dan Perhubungan Antarabangsa. Saya rasa Kementerian Pelancongan khususnya di bawah pimpinan Menteri dan Timbalan Menteri yang baru amat berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi yang amat menarik dan sudah buat pelbagai usaha untuk memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong antarabangsa.

Jadi, mereka pun amat mementingkan kerja-kerja berhubung dengan perhubungan antarabangsa dan mengadakan promosi-promosi di negara-negara asing untuk menjual Malaysia kepada dunia. Saya rasa kita perlu selain daripada usaha-usaha ini juga memberikan perhatian kepada apa yang sedia ada di rantau ini untuk mengguna pakai kekuatan negara kita dan juga jiran-jiran kita sebagai satu destinasi yang amat menarik kepada dunia. Di mana kita selalu mementingkan kerjasama di antara negara-negara di ASEAN. Khususnya kita ada konsep kerjasama ekonomi seperti *Growth Triangle*. Di mana kita pun ada tiga *Growth Triangle* bersama negara-negara di ASEAN ini umpamanya IMT-GT, iaitu *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle*. Satu lagi IMS iaitu *Indonesia-Malaysia-Singapura Growth Triangle* dan juga BIMP-EAGA iaitu *Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippine East Asia Growth Area*.

Saya rasa memang ada struktur kerjasama yang sedia ada dari segi perdagangan dan ekonomi, dan saya rasa dalam segi pembangunan pelancongan, negara Malaysia perlulah memberikan perhatian kepada *Growth Triangle*. Kerjasama melalui *Growth Triangle* ini yang sedia ada struktur perhubungan di antara negara-negara yang saya namakan tadi yang menganggotai *Growth Triangle-Growth Triangle* di sini. Jadi kalau kita mempertingkatkan kerjasama di antara negara-negara ini, saya rasa secara satu wilayah, ini akan memberikan kemungkinan yang lebih besar kepada produk-produk pelancongan yang baru dan juga dipromosikan. Juga melalui perancangan strategik untuk bersama-sama menjana satu keadaan di mana setiap negara dalam *Growth Triangle* ini sama-sama mendapat manfaat dari kerjasama untuk memajukan bidang pelancongan. Iaitu kita boleh selain daripada usaha negara sendiri, kita perlu memberi perhatian kepada memperkenalkan *trilateral* atau *bilateral* produk pelancongan. Misalnya di Singapura dengan kerjasama Johor ataupun selatan Filipina dengan Sabah dan Sarawak, dan sebagainya.

Khususnya dengan adanya rancangan untuk memajukan kasino di Singapura dan ada juga *Theme Park* dan sebagainya, memanglah kita perlu melihat apakah faedah yang kita boleh terima akibat dari satu usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Pelancongan di sebuah negara jiran dan kita *tap into*, apa yang diusahakan dan mungkin kita boleh terima manfaat dari usaha-usaha seperti ini.

Melalui *Growth Triangle*, kita boleh melihat potensinya untuk lebih menggerakkan pembangunan *tourism* di rantau ini dan di wilayah ini dan sama-sama mencipta satu *synergy* di antara *Growth Triangle* ini untuk sama-sama memperkembangkan potensi sebagai destinasi pelancongan kepada pelawat-pelawat antarabangsa. Mungkin di negara-negara lain seperti China, mereka menganggap negara China sebuah negara yang amat besar. Apabila diperkenalkan negara Malaysia, mereka anggap Malaysia lebih kecil dari satu wilayah mereka dan mungkin ini tidak akan begitu menarik kepada mereka.

Akan tetapi kalau kita memperkenalkan *Growth Triangle* yang membabitkan dua buah atau tiga atau empat buah negara yang sama-sama menawarkan destinasi pelancongan yang amat menarik sebagai satu pakej, saya rasa ini akan lebih menarik minat mereka. Saya rasa memang usaha ini pun ada dijalankan. Misalnya di pelancong Hong Kong, akan diperkenalkan pakej untuk melawat sekali gus, Singapura, Malaysia dan Thailand. Ini memang ada usaha dijalankan, tetapi saya rasa boleh dipertingkatkan lagi di bawah pucuk pimpinan Kementerian Pelancongan. Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan adalah berhubung dengan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong datang adalah melalui menganjurkan persidangan atau *conference* antarabangsa. Misalnya di kalangan masyarakat Cina mempunyai pertubuhan-pertubuhan yang begitu banyak. Misalnya pertubuhan-pertubuhan di dalam Malaysia ini boleh menganjurkan *World Conference* bagi *clan-clan* yang tertentu.

Mungkinnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri dari suku kaum Teow Chew ataupun dengan nama Lim bolehlah saya rasa ada rancangan menganjurkan *World Conference Lim Clans* di Malaysia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Wah!!

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini memang dapat menarik banyak pelawat ke negara ini melalui program-program seperti ini. Saya rasa di Malaysia, ada baiknya kita memperkenalkan Malaysia sebagai *Truly Asia*, kita ada penduduk-penduduk yang majmuk dari segi keturunan, agama, bahasa dan sebagainya. Ini memanglah satu perkara yang perlu dilihat sebagai kekuatan kita untuk dijadikan kekuatan untuk menarik pelancong. Mungkin kita akan anjurkan *World Hakka Conference*, *World Cantonese Conference* dan sebagainya. Ini memang satu perkara yang dapat menarik pelancong-pelancong ke negara ini dan saya haraplah di bawah usaha Menteri dan Timbalan Menteri, kerja-kerja ini dapat dijalankan dengan berjaya. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Lipis.

3.27 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi bagi maksud Pembangunan 31 ini, saya akan membahaskan butiran 00800, 01900, 02600 dan 02800 yang akan saya rangkumkan sekali. Pertamanya dari segi kajian-kajian pelancongan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jadi kalau kita lihat sebenarnya banyak lagi kawasan-kawasan pelancongan yang tidak dikenal pasti atau tidak diterokai. Jadi sebagai contohnya, kalau kita lihat macam di kawasan saya sendiri sebagai sebuah bekas ibu negeri Pahang, banyak bangunan-bangunan lama yang berbentuk warisan. Seperti rumah residen yang pertama yang telah dijadikan sebagai rumah rehat dan sebagainya tetapi malangnya rasa saya tidak ada sesiapa yang mengambil endah tentang perkara-perkara ini dan di situ kalau kita lihat ramai yang datang.

Akan tetapi kita lihat bangunan-bangunan ini tidak disektorkan atau tidak disatukan, dipakejkan. Jadi apa yang kita harap, dari segi kajian-kajian pelancongan ini, bila dalam kajian pelancongan ini pihak Kementerian Pelancongan memastikan bahawa terdapat tempat-tempat yang memang berpotensi untuk dijadikan sektor-sektor pelancongan dan pakej. Lebih-lebih lagi kalau kita lihat macam di daerah Lipis ini yang memang telah menjadi dekat dengan Kuala Lumpur. Kalau dahulu nak sampai lima jam, tetapi sekarang ini dua jam setengah dah sampai ke Lipis. Yang keduanya, dari segi pembangunan *Eco-Tourism*, begitu juga. Taman Negara kita ada di dua pintu masuk. Satu di sebelah Jerantut, dalam daerah Jerantut iaitu Kuala Tahan dan satu lagi dalam daerah Lipis iaitu melalui pintu masuk di Merapoh.

Jadi malangnya kalau kita lihat di belah Merapoh ini tidak ada satu papan tanda pun yang menunjukkan bahawa tempat hendak masuk ke tempat Taman Negara itu disediakan. Saya sendiri pada peringkat awalnya sesat jalan sebab pintu masuk itu tidak ada. Jadi saya harapkan di bawah program pembangunan papan tanda dan papan pelancongan ini pihak Kementerian Pelancongan boleh mengenal pasti bukan sahaja di tempat itu malah di tempat-tempat lain seperti contohnya di Lipis juga ada satu batu tanda yang dikatakan sebagai tempat jabatan ukur mengukur tengah Semenanjung, di situlah terletaklah titik tengah Semenanjung.

Jadi kalau kita lihat di Greenwich di mana ada satu garisan yang menunjukkan latitud kosong boleh menarik minat berjuta-juta orang datang dan mengambil gambar hanya dengan melangkah garisan tersebut. Saya percaya kalau kita bangunkan kawasan yang dikatakan sebagai titik tengah semenanjung ini, saya percaya ramai orang datang tetapi malangnya tidak ada satu pun tanda di situ dan kawasan itu rasa saya ditinggalkan dengan semak samun sahaja. Jadi saya mengharapkan pihak Kementerian Pelancongan mengambil perhatian tentang perkara ini kerana pada tahun hadapan Tahun Melawat Malaysia rasa saya ada juga pelancong-pelancong yang datang bukan sahaja hendak melihat keindahan persekitaran dan sebagainya tetapi juga hendak melihat nilai-nilai sejarah yang mungkin datuk nenek mereka telah tinggalkan di Malaysia ini.

Jadi di samping itu kemudahan-kemudahan lain seperti contohnya ke Taman Negara dahulu ada satu stesen kereta api yang dibuka dan daripada situ mereka boleh menaiki bas ke Jeti Kuala Tembeling untuk pergi ke Taman Negara. Malangnya stesen kereta api ini iaitu Stesen Kereta Api Mela juga telah ditutup dan biasanya pelancong singgah di situ tetapi mereka terpaksa berkejar-kejar kerana kereta api yang ada singgah hanya sekejap sahaja, mungkin satu dua minit. Jadi ini rasa saya kalau dapat dibuka semula dengan kerjasama Kereta Api Tanah Melayu pihak Kementerian Pelancongan untuk memastikan stesen-stesen yang begini yang memang tempat laluan pelancong ini seperti Stesen Merapoh juga dibuka semula untuk memastikan kemudahan kepada pelancong.

Dan yang seterusnya ialah program peningkatan kemudahan *homestay*. Saya percaya yang ini memang satu program yang baik yang patut digalakkan. Namun begitu rasa saya usaha bersungguh-sungguh untuk menyedarkan masyarakat desa tentang bagaimana program *homestay* ini boleh menjana pendapatan yang lumayan kepada mereka perlu dibuat. Kerana setakat ini rasa saya daripada pihak Kementerian Pelancongan belum ada lagi program-program yang memberi penerangan dan sebagainya kepada penduduk-penduduk kampung untuk menggalakkan mereka menceburi bidang *home stay* ini. Jadi dengan itu terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jasim.

3.33 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasim]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pada Butiran 020000 - Pelancongan. Sebagai anak jati Melaka dan seperti yang Tuan Pengerusi sedia maklum kalau tidak ada pelancongan Melaka ini tidak ada apa. Tanjong sudah dibahagikan kepada Keling, Bukit sudah bahagikan Cina, Melaka tinggal batang dengan buah sahaja. Dan Alhamdulillah, tiap-tiap tahun tidak kurang daripada tiga ke empat juta pelancong datang ke Melaka. Pada tahun akan datang dengan negara mengharapakan pelancongan, bilangan pelancongan sebanyak 20 juta orang Melaka pun kita *target* empat ke lima juta pelancong.

Yang saya hendak pergi ini Tuan Pengerusi, kita lihat akhir-akhir ini di Bandar Raya Kuala Lumpur kita begitu ghairah untuk menarik pelancong-pelancong asing datang ke ibu negara kita. Ada tempat-tempat di Kuala Lumpur ini oleh kerana terlampau ghairah untuk menarik pelancong-pelancong daripada Arab, sanggup pengusaha-pengusaha kita, hotel dan sebagainya membuat bangunan-bangunan seolah-olah orang Arab itu berada di Arab. Yang ini pada saya konsep dia sudah salah. Dan kita hendak Arab datang ke negara kita menikmati keindahan Malaysia kerana Malaysia ini unik, keunikan Malaysia ini sepatutnya kita jual. Bukan kata kita oleh kerana kita hendak menarik orang Arab kita terpaksa buat bangunan dan juga tempat-tempat seolah-olah macam Arab.

Yang kedua kita lihat begitu ghairah sekali pengusaha-pengusaha kelab malam, begitu ghairah sekali disko-disko, begitu ghairah sekali pusat-pusat hiburan yang begitu berleluasa. Yang ini tidak melambangkan identiti orang Asia apatah lagi negara Islam. Malah kedengaran pada hari ini kita lihat ada yang tempat-tempat hiburan sehinggakan boleh menyediakan khidmat lelaki lembut. Yang mana mencemarkan identiti negara kita sebenar.

Di Melaka, alhamdulillah, kita tidak menjual pakej-pakej yang macam itu. Di Melaka di bawah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ali Rustam pastikan bahawa tiap-tiap *nightclub* tiap-tiap dangdut ataupun pusat-pusat hiburan akan mengikut peraturan tutup lesen pukul berapa. Kalau lesen ini dibenarkan pukul dua belas pukul satu itulah had dia tetapi malangnya sekali kita lihat di Kuala Lumpur ini sehinggakan ada yang beroperasi 24 jam. Dan oleh kerana ada yang kononnya hendak menarik pelancong tetapi yang memenuhi pusat-pusat hiburan ini ialah anak-anak kita, orang tempatan. Yang pada hari ini kita sedang menghadapi masalah sosial yang amat ketara sekali dan amat teruk. Atas alasan kononnya ingin menyediakan perkhidmatan kepada pelancong tetapi yang sebenarnya pelancong pun saya tengok di hotel-hotel itu pun dia tidak pergi pada kelab malam. Pelancong-pelancong hidung belang dia jarang datang ke Malaysia.

Oleh demikian kita berharap kita kena fokus industri pelancongan kita ini supaya jangan jadikan alasan sebagai hendak menarik pelancong, akhirnya kita membuatkan anak-anak kita, anak-anak muda kita pergi kepada lembah yang hina. Saya dapat tahu itu sebabnya hari itu saya ada sedikit cakap tentang JAKIM kerana Wilayah Persekutuan ini kalau hendak tengokkan dalam soal sosial ini pada hari ini amat teruk sekali. Hanya tadi saya tidak ada peluang untuk menyoal Menteri yang jaga JAKIM tetapi rata-rata, kalau kita tengok majalah-majalah yang keluar pada hari ini kita lihat bahawa tempat-tempat hiburan seolah-olah kita berada di Bangkok. Apa nama di Bangkok itu, Pat Pong, Pat Pong, apa kah, saya tidak berapa..., Tuan Pengerusi tidak pernah pergi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah sebut, sudah taulah itu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi jangan jadikan Bukit Bintang ini macam Pat Pong. Baru-baru ini Tuan Pengerusi saya pergi umrah di akhir Ramadhan. Oleh kerana saya ini sudah kerap jugalah pergi ke sana, sudah ramai kawan-kawan di kalangan orang Arab. Jadi bila dia cakap, dia kata Malaysia punya Pat Pong lebih hebat daripada Thailand, saya naik malu Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ada pergi kah? Mengangguk saja tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tahu Yang Berhormat, saya tahu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tahu ya! Lebih teruk, itu pandangan orang Arab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Penjelasan. Apa itu 'pat pong'?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak faham kah? Allah..., Tebräu.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Itu 'pat' apa..., itu 'pong' apa? Beritahulah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Pat Pong ini adalah satu tempat pusat hiburan di kota raya Bangkok yang mana di sana orang jual orang, orang kena jual, orang yang dijual dan macam-macamlah. Oleh kerana orang perempuan banyak, saya tidak boleh cakaplah. Jadi sekarang ini penyakit ini sudah sampai ke negara kita Timbalan Menteri, sudah sampai. Dan ini yang memalukan saya kerana Arab itu kata, Arab kawan saya itu kata lebih hebat daripada Thailand. Sehingakan dia kata depan belakang pun ada, saya pun tak tahu ini. Jadi imej macam ini sekarang ini, imej macam ini sekarang orang dah label Malaysia.

Dan kita berharap, dalam usaha kita hendak menarik pelancong, bagus, janganlah sampai hendak jual maruah negara sehingakan orang Arab pun sudah menganggap bahawa Malaysia ini macam pelancongan seks pula. Mereka datang ke Malaysia kerana ada pelancongan seks. Jadi *trend* macam ini, saya kira tidak kena kepada negara kita macam Malaysia ini. Apatah lagi kata ustaz saya bahawa Malaysia ini, kita negara Islam Hadhari, tidak sesuai.

Satu lagi butiran Tuan Pengerusi, 02400. Bagi pihak rakyat negeri Melaka saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah meluluskan satu peruntukan yang begitu besar bagi memulihkan balik Sungai Melaka. Secara kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya membesar di tepi sungai itu dan pada hari ini, selepas 30 tahun sungai yang begitu menjijikkan pada satu ketika dulu, hari ini sudah cantik balik. Kalau dulu masa saya kecil-kecil, udang galah pun saya boleh tangkap depan rumah saya tetapi apabila sudah tercemar, langsung tidak ada udang galah, tidak ada ikan tetapi hari ini saya difahamkan, orang yang menyewa rumah saya, dia kata malam-malam dia tidak ada kerja, dia dah beli joran memancing ikan depan rumah saya. Ini satu cerita yang baik.

Dan saya minta kementerian tambahkan lagi duit, kalau boleh pada masa akan datang, kerana apa Tuan Pengerusi, kerana Sungai Melaka ini akan menjadi *Venice of East*.

Kita juga merancang selain daripada perkhidmatan bas di dalam bandar, di negeri Melaka nanti orang-orang boleh dapat *public transport* naik bot, naik perahu daripada hujung bandar Melaka sehingga ke Bandar Hilir, hanya dengan naik bot dan ini satu tarikan.

Saya pun minta dengan kementerian kalau boleh tambah lagi sedikit peruntukan kerana di Melaka ini unik, kalau di negeri-negeri lain di Kelantan, di Terengganu, orang naik beca ini, orang miskin ataupun orang yang tidak ada kenderaan, naik beca 50 sen atau RM1 tetapi di Melaka Tuan Pengerusi, beca ini sudah menjadi kenderaan orang-orang kaya, satu jam naik beca RM15. Dan pada hari ini itulah sebabnya penarik-penarik beca di Melaka, kalau kita lihat dia punya *handphone*, seluar *jeans* yang dia pakai, kita silap-silap Ahli Parlimen pun tidak boleh lawan pakaian dia.

Apa yang saya hendak minta kepada kementerian kalau boleh bagi sedikit lagi peruntukan kerana di negeri Melaka ini kita mengadakan kursus kepada penarik-penarik beca. Dulu kita sudah mengadakan kursus bahasa Inggeris, penarik-penarik beca sana diajarkan *simple English communication* untuk memberi *greeting* kepada pelancong-pelancong dan kita sudah berjaya membuatkan penarik-penarik beca ini sudah bolehlah sedikit cakap *broken English* untuk melayan tetamu-tetamu atau pelancong yang datang tetapi apa yang saya hendak minta dengan kementerian kalau boleh oleh kerana pada hari ini pelancong dari negeri Jepun pun ada, pelancong dari negara China pun ada. Kita hendak minta sedikit peruntukan supaya kita dapat mengadakan kursus-kursus kepada penarik-penarik beca kita ini, selain daripada Bahasa Inggeris, kita hendak juga mereka belajar bahasa Mandarin kerana kita hendak menarik pelancong-pelancong dari negara China dari Taiwan dan juga kalau boleh bahasa Jepun mahupun bahasa Arab. Hari ini pelancong Arab pun sudah mula datang Melaka.

Pada hari ini Tuan Pengerusi, kita kena ambil berat tentang pelancongan ini, kerana pelancongan ini telah menjadi satu pendapatan negara yang baru. Dan banyak negara dalam dunia pada hari ini bergantung kepada industri pelancongan untuk ekonomi negara dia. Yang menjadi masalah pada hari ini, selain daripada pelancong-pelancong itu datang, sekarang ini kita hendak minta Kementerian Pelancongan tengok sedikit, kebanyakan daripada buah-buah tangan yang dibawa balik oleh pelancong, kebanyakannya *made in Indonesia and made in Thailand*, dengan izin. Yang ini kementerian kena tengok sedikit ini, kerana pada hari ini tidak ada *souvenir* Malaysia untuk kita hendak beri ataupun untuk pelancong datang buat kenang-kenangan, "*Saya beli barang ini di Malaysia*", lebih kurang kita ini dah jadi macam Arab, yang mana semua barang-barang *souvenir* orang-orang pergi Mekah, bawa balik, "*Made in China*", "*Made in India*." Sekarang ini pelancong-pelancong datang ke negara kita, dia membeli barang tetapi bukan buatan Malaysia. Oleh demikian saya nak minta juga Kementerian Pelancongan selain daripada usaha-usaha yang dibuat.

Yang akhir sekali saya berharap kepada Kementerian Pelancongan, kita dapati bahawa akhir-akhir ini MAS banyak memotong, *route-route* pelancongan lebih-lebih lagi daripada negara China. Dulu kita ada penerbangan terus ke Zhiyan, tapi MAS sudah potong. Begitu juga *route-route* lain, China ini besar. Dan kalau boleh kita hendak minta supaya Kementerian Pelancongan berpakat dengan MAS balik dan juga berbaik dengan Kementerian Luar supaya dapat menubuhkan perwakilan-perwakilan kita lebih ramai lagi, lebih banyak lagi di negara China kerana negara China ini besar, rakyat dia berbilion. Dan pada hari ini kekuatan ekonomi dia boleh tahan sedikit, dan orang-orang China hendak datang ke Malaysia. Mungkin dia hendak jumpa saudara dia dekat Jerai ke, saudara dia di Tumpat ke, apatah lagi saudara dia di Bukit Bintang. Ha, sila Bukit Bintang... [Ketawa]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa satu faktor utama yang menakutkan pelancong datang ke Malaysia ialah keselamatan di ibu kota kita? Salah satu faktor utama, adakah setuju? Jika ianya ya, apakah langkah yang diambil oleh kementerian, cadangkan kepada Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khususnya untuk memastikan bahawa tiap-tiap pelancong datang ke Malaysia boleh diyakinkan bahawa keselamatan mereka. Ia adalah satu faktor utama saya rasa sebab akhbar-akhbar telah menggambarkan bahawa Kuala Lumpur adalah salah satu bandaraya yang tidak selamat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya sudah kata tadi, saya kerap ke negeri Arab dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pun tahu saya kerap pergi ke Indonesia. Pelancong-pelancong daripada Arab, daripada Indonesia dia suka datang ke negara kita kerana dia kata negara kita selamat. Negara kita selamat, ramai kawan saya yang berniaga di Indonesia daripada keturunan China. Kalau saya pergi ke tempat mereka di Indonesia yang keturunan China itu, dekat negeri dia, dekat Indonesia dia pakai 'lokoh' sahaja, jam tangan pun tidak berani pakai apatah lagi rantai.

Akan tetapi apabila dia datang jumpa saya di Melaka, datang ke negara kita saya tengok dia pakai Rolex King, rantai sampai besar jari dia pakai. Orang kata, "Wah Pak Hassan kenapa ini, kok di Indonesia pakai lokoh sahaja, di Malaysia ini bukan main lagi *stylenya* dengan jam Rolex King, dengan rantai yang begitu besar", "Eh di sini selamat pak", katanya. Saya juga bertanya kawan-kawan saya daripada Arab, memang menjadi destinasi pelancongan utama di Arab sekarang negara kita Malaysia kerana mereka akui, mereka lebih selamat di Malaysia kalau hendak dibandingkan, kalau mereka pergi ke Amerika pada hari ini, kalau mereka hendak pergi ke London pada hari ini, Malaysia lebih selamat.

Hanya kita sahaja orang Malaysia tidak tahu macam mana keselamatan, kita tidak tahu hendak menjaga nama kita kadang-kadang kita sendiri memburukkan, menggembar-gemburkan mengatakan bahawa Malaysia ini tidak selamat. Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya ingat fakta ini kita kena perbetulkan kadang-kadang pembangkang ini pun boleh juga mengeruhkan keadaan, pandangan walaupun keadaan di negara kita ini selamat. Kalau hendak fikir, contoh anak Presiden Bush pun kena rompak, anak Presiden Bush yang dikawal ketat. Jadi soal keselamatan ini tergantung macam kitalah, kalau kita masuk lorong-lorong, tempat-tempat yang sunyi, di mana-mana pun tidak selamat, kalau kita bergaya dengan berlebih-lebihan keluar tengah malam.

Jadi saya rasa Yang Berhormat semua pun setuju supaya janganlah pihak pembangkang dapat menjadikan negara kita seolah-olah macam orang tidak hendak datang, saya rasa ini tidak betul. Kalau kita hendak gambarkan di mana yang boleh menjamin keselamatan. Tengok, tengok ini saya bertanyakan kepada Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, menggambarkan seolah-olah Kuala Lumpur bandar kota metropolitan ini tidak selamat. Jadi saya minta Yang Berhormat bagi Jasin tegaskan bahawa negara kita selamat, yang menggambarkan tidak selamat ini saya rasa mungkin pihak-pihak tertentu yang cemburu orang melimpah datang ke negara kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rembau bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Boleh saya bantu Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya betullah pembangkang ini bercakap ini tidak ada fakta, saya ada fakta di sini.

Negara	(2005) Januari – Julai (bil. orang/juta)	(2006) Januari – Julai (bil. orang/juta)	Peratus
Thailand	1.065	1.191	11.8
China	173,289	208,474	20.0
Brunei	275,941	372,921	35.0

Jadi pembangkang ini dia tidak ada isu sebenarnya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Jasin, sila. Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Ada faktor-faktor yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa Kuala Lumpur pada masa kini berbanding dengan masa dulu 2005, indeks jenayah sudah naik beberapa peratusan, 8% hingga 9%. Baru-baru ini kita jumpa IGP, Tan Sri Musa menyatakan tentang itu, kita bimbanglah bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri haruslah ambil tindakan, beri jaminan kepada warga kota Kuala Lumpur bahawa indeks jenayah telah bertambah. Dia pun setuju sebab kekurangan anggota polis. Itulah kita minta supaya kerajaan boleh beri lebih peruntukan kepada Kementerian Dalam Negeri bahawa boleh mendapat lebih anggota-anggota polis boleh menjaga keselamatan negara kita. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang selama ini monyok. Baru hari ini saya seronok hati kerana telah meminta kerajaan untuk menambah bilangan polis seolah-olah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pun akui polis kita kerja baik. Yang sebenarnya indeks itu memang agak tinggi sedikit pada hari ini, kerana pada hari ini salah satu kemungkinan kata Yang Berhormat bagi Bukit Bintang polis tidak cukup ini pun kita akan minta. Kita sudah minta berapa kali kepada kerajaan melalui Dewan yang mulia ini kerana mereka minta, Jabatan Polis minta kepada JPA untuk tambah bilangan, JPA kata polis ada 90,000 orang.

Dia tidak tahu yang 90,000 orang ini termasuk *FRU, Field Force*, termasuk *Special Branch*, termasuk anggota trafik yang penting pada kita macam disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi ialah anggota-anggota GD, *General Duty* yang menjalankan bit-bit ini. Oleh demikian terima kasihlah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi saya berharap Tuan Pengerusi, saya berharap apa yang saya kata dengan Timbalan Menteri tadi, kita minta supaya pelancongan ini proaktif sedikit bincang dengan Kementerian Luar supaya lebih banyak perwakilan kita di bandar-bandar besar di negara China. Negeri China ini besar Yang Berhormat kalau kita letakkan satu, dua bandar sahaja orang-orang yang duduk hujung sana hendak pergi minta VISA pun susah. Kadang-kadang Tuan Pengerusi daripada tempat dia hendak dapat VISA perjalanan dua hari, balik dua hari, lepas itu hendak datang melancong lagi.

Akan tetapi kalau ada perwakilan-perwakilan kita di tempat dia memudahkan dia untuk mendapat VISA dan terus dia datang melancong ke negeri kita. Sila sahabat saya Yang Berhormat bagi Langkawi, pusat pelancongan.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Bagaimana pula dengan India, India sebagai sebuah negara yang begitu luas, orang kaya ramai dan dia kadang-kadang itu dia mengadakan dome di sana yang menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang begitu jelas sekali sebagai pusat pelancongan. Bagaimana pendapat, adakah kita hendakkan di India itu ada juga pusat-pusat VISA yang boleh mengeluarkan VISA ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Langkawi. Ini pun satu masalah, India itu terlampau besar, rakyat dia ramai dan kita tidak banyak pejabat perwakilan dengan India menyusahkan dia.

Satu lagi Tuan Pengerusi yang paling penting sebelum saya akhirkkan ucapan saya. Kita hendak menarik pelancong-pelancong datang dan *market* kita yang terbesar sekarang ini kalau kita lihat daripada penduduk, India ramai, China ramai, Indonesia ramai, Bangladesh pun tidak kurangnya.

Akan tetapi masalah dia sekarang saya tidak tahu kalau Timbalan Menteri Pelancongan ada masalah ini juga, tetapi saya sudah tengok sendiri dengan mata saya dekat *airport*, pegawai imigresen kita. Bila orang ini datang sebagai pelancong dia ingatkan dalam kepala otak mereka orang ini datang hendak bekerja di Malaysia. Macam-macam dia soal jawab orang datang hendak melancong orang kaya datang bawa duit ini tetapi oleh sebab orang kita ini, orang-orang imigresen bila sebut sahaja orang India, dia punya syak wasangka kononnya orang India ini datang bukan hendak melancong, tetapi datang hendak kerja di negara kita, hendak melencong.

Jadi dia akan menyoalkan macam-macam dengan orang itu sampai orang itu naik *fed-up*. Begitu juga dengan pelancong-pelancong Indonesia. Mereka datang macam contoh dia datang ke Melaka hendak berubat, pelancong perubatan dan sebagainya tetapi selalunya orang-orang imigresen kita bila tengok orang Indonesia sahaja ini datang hendak jadi pendatang haramkah hendak datang bekerja di negara kita, akhirnya pegawai-pegawai kita ini macam menyusahkan.

Jadi saya berharaplah kalau boleh kementerian cuba bincangkan sedikit dengan imigresen ini supaya diadakan *green lane* kah ataupun apa *lane* lah, baik dekat *airport* itu untuk memisahkan di pintu-pintu masuk kita antara pelancong dan orang-orang yang datang hendak bekerja dalam negara kita, supaya pelancong akan datang lebih ramai di negara kita. Insya-Allah melalui hasil pelancongan ini kita dapat membangunkan negara kita dengan lebih maju pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

4.00 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bahas tentang Dasar Baru 04000, 040900 dan *One Off* - 05000 tentang Kempen dan Dasar Pelancongan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada media kita terutama sekali RTM dan TV3 yang telah mempromosikan Malaysia, melawat Malaysia, cuti-cuti dalam negara kita, hinggakan kalau kita lihat hari ini pelancongan dalam negara kita sendiri pun meningkat begitu banyak sekali.

Untuk mempertingkatkan lagi saya mencadangkan kementerian - kerana dalam penerbangan Malaysia atau kalau boleh dalam penerbangan-penerbangan lain yang mendarat di Malaysia ini kita tayangkan, tidak mengapa kita bayar duit, kita tayangkan tentang tempat-tempat ataupun bahan-bahan melancong di dalam negara kita ini. Apa salahnya selain daripada kita mainkan tayangan filem dalam kapal terbang, kadang-kadang filem *Mr. Bean* dan sebagainya, kita bayar kepada penerbangan. Kalau Malaysia pun kita bayar kalau tidak dia rugi - bayar untuk ditayangkan bukan sekadar melawat Kuala Lumpur atau melancong ibu kota maknanya melancong seluruh negara kita daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung kita.

Kita ada banyak..., Tuhan berikan kita tempat yang cukup menarik dan banyak alam semula jadi yang tidak ada di negara-negara lain. Dan harus kita pertingkatkan, promosikan bahan-bahan ataupun tempat-tempat untuk melancong dengan menggunakan pesawat melalui ke mana sahaja supaya bila mereka datang ini tidaklah tertumpu di ibu kota dan mereka mungkin bercadang untuk melawat ke Kedah, melawat ke Pulau Langkawi, naik ke Gunung Jerai di tempat kawasan saya, melawat ke Sabah dan Sarawak, pergi ke Kinabatangan. Pergilah ke mana-mana. Kita jangan kata apabila kawasan itu kawasan pendalaman orang tidak akan melawat kerana orang Barat ini dia sudah jemu dengan kehidupan di ibu kota. Kadang-kadang dia suka masuk ke dalam hutan, *relax* dalam hutan, tengok iklim dalam hutan, tengok macam-macam yang ada di alam semula jadi di Malaysia ini.

Ini harus kita buatkan promosi. Macam TV3 dia buat *Jalan-Jalan Cari Makan* itu bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tumpang sikit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jerai, saya tertarik cuma kenapa tidak masukkan Kelantan satu destinasi pelancongan yang menarik. Dok masuk yang jauh-jauh semua. Di Kelantan ini air terjun pun ada, Tok Bali ada. Jadi saya minta masukkanlah dan saya sokong pergerakan pelancongan dalam negeri, antara negeri ke negeri kita tidak pernah besarkan perkara ini. Sepatutnya kita perhebatkan antara negeri dengan negeri. Saya rasa tidak banyak penyakit sangat dibawa. Walaupun kita untung, untung besar juga. Tahun ini Kelantan banyak keuntungan. Saya sudah tengok dengan Pengerusi Pelancongan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita masukkan Kelantan tetapi bagilah bersih sikit, air pun jernih, bolehlah orang pergi ke sana. Kita lihat *sign board* di tepi-tepi jalan itu, selain daripada diberikan dia promosi kereta dan sebagainya kita patut *promote* lebih banyak lagi, walaupun ada tetapi memperbanyakkan lagi promosi-promosi.

Saya hendak berterima kasih juga kepada kementerian, walaupun dia salur pengiklanannya melalui CNN tidak apa kerana CNN dipancarkan di seluruh dunia. Apa salahnya kita salurkan juga melalui Al-Jazeera yang sekarang ini telah menjadi satu lagi pancaran TV di seluruh dunia. Dengan ini mungkin sekurang-kurangnya menarik tok-tok Arab daripada benua Arab ini datang ke negara kita. Ini adalah satu tarikan.

Satu lagi, kita lihat kadang-kadang syarikat-syarikat swasta juga mengiklankan tetapi pengiklanan mereka terhad kerana tidak berkemampuan. Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelancongan barangkali bagilah *one-to-one*. Kalau dia *promote* Malaysia, dia *promote* Kedah, Kelantan, Sabah, Sarawak atau di mana dalam iklan..., iklan akhbar antarabangsa dan sebagainya, mungkin pihak kementerian boleh *subsidized one-to-one* dan sebagainya untuk menambahkan semangat mereka untuk membuat promosi.

Saya mencadangkan juga supaya kementerian bekerja erat dan rapat dengan syarikat-syarikat pelancongan, *tour*, ini supaya mereka ini dapat mempromosikan Malaysia, memberi idea kepada pelancong-pelancong yang datang. Kadang-kadang kita sendiri kalau pergi keluar negara, orang yang membawa kita itu dia akan menjelaskan Malaysia macam ini, macam ini. Di Malaysia kita ada pelbagai bangsa, pelbagai jenis makanan. Tidak payah pergi ke negara lain kita ada tomyam di sini, kita ada asam laksa di sini, kita ada *au tang tsung* di sini, kita ada tauhu sumbat di sini dan macam-macam. Ini adalah promosi yang *dipromote*kan oleh syarikat-syarikat pelancongan.

Saya memahami kerajaan telah membantu tetapi kita kena pertingkatkan lagi kerana orang yang melancong ini dia datang memang dia bawa duit ke dalam negara kita ini. Kadang-kadang kita sendiri pergi ke luar negara kita beli benda di luar negara yang ada di Malaysia, ada di pasar raya di Malaysia, di *supermarket* di Malaysia kerana kita tidak membeli di dalam negara kita.

Begitu juga dengan mereka, jika mereka datang ke sini. Saya tengok macam di Vietnam, Tuan Pengerusi. Walaupun negaranya lepas perang tetapi mereka bangun dari segi pelancongan yang begitu baik sekali. Kadang-kadang dalam sederet jalan itu kita dapat tiga atau empat kedai yang menjual bahan-bahan kraftangan, kerja-kerja tangan atau *souvenir* yang boleh kita bawa balik. Selain daripada *souvenir twin tower* dan sebagainya yang ada di Malaysia ini kita harus juga mempromosikan, contohnya kalau kita pergi ke China kita beli *tablecloth* itu. Kalau orang perempuan dia pergi ke bazar di China mesti dia hendak cari *tablecloth*, hendak cari sarung bantal, *bedspread* dan sebagainya kerana harganya murah di sana. Di Malaysia, kalau kita pergi ke Langkawi orang beli kain batik. Batik bukannya daripada Langkawi. Kain pelekak bukannya daripada Langkawi.

Jadi, Kementerian Pelancongan juga harus menghidupkan kraftangan ini supaya masyarakat desa kita, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita dan Usahawan untuk menolong mereka mempertingkatkan lagi kerja-kerja tangan ini bagi memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi yang mempunyai pelbagai macam budaya dan cara pertuturan kita.

Bagi saya, Tuan Pengerusi, kita dapat lihat bahawa kalau di dunia di sebelah kita ini tidak ada negara lain yang kita dapat lihat keindahan, kebersihan walaupun *public toilet* kita ini memang semakin teruk, makin menurun. Kadang-kadang kalau sudah darurat sangat pun tidak jadi. Dia sudah tidak jadi. Dia hendak bertinggung pun tidak berani. Kalaulah macam itu sudah tentu pelancong-pelancong yang datang ini dia tengok itu, dia kata, "*Oh my God, terrible!*" Jadi dia tidak akan membawa imej yang baik apabila dia balik nanti. Yang kita mahu pelancong ini datang, datang dan datang lagi.

Saya berharap Timbalan Menteri yang ada pada hari ini kita *spread* pengiklanan bahan-bahan pelancongan yang ada di dalam negara kita ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin, bukan semua pelancong yang datang hendakkan hiburan semata-mata, maknanya ke disko-disko, minum arak dan sebagainya. Tidak. Kadang-kadang yang datang itu dengan keluarga, bawa anak dan isteri mereka. Sudah tentu mereka hendak pergi ke tempat-tempat yang ibu bapa membawa ke tempat-tempat yang sekurang-kurangnya mereka boleh mempelajari. Jadi bila dia balik ke negara mereka, mereka dapat melihat ini Malaysia, keindahan yang ada.

Hiburan-hiburan yang keterlaluan ini saya harap kalau boleh kita kurangkan dan saya minta pejabat-pejabat penguasa kerajaan tempatan, kadang-kadang saya tidak faham, Tuan Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Imigresen dan sebagainya dok tangkap orang-orang menghisap dadah dan sebagainya, yang majlis kerajaan tempatan atau *local government* ini pula *issue* lesen buka karaoke, 'kara tak ok', 'pub-pub' dan sebagainya terlampau banyak.

Jadi yang itu tangkap, yang ini buka. Akhirnya kerja 'Pak Pandir', duit kita habis, rakyat kita jahanam, anak-anak kita rosak dari segi akhlak dan sebagainya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Langat tadi, dia kata hadhari. Hadhari ini bukanlah maknanya kita hendak selimut orang itu sampai tidak ada apa-apa. Biasalah. Jangan fikir apabila kata hadhari, selimut sampai muka tidak nampak. Tidak! Biasa tetapi budaya kita itu budaya lemah lembut, macam saya lemah lembut. Tidak macam Yang Berhormat bagi Seputeh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...'Piung', 'piung', 'piung'. Kalau macam ini promosi pelancongan, orang lari... [Ketawa] Akan tetapi kalau macam saya ini lemah lembut, hormat-menghormati...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Sudah tentu pelancong lihat, Tuan Pengerusi, dia kata rakyat Malaysia ini berbudi bahasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi kita lihat kadang-kadang orang Barat, di mulut mereka itu tidak pernah lekang, *thank you*. *Thank you* itu tidak pernah lekang. *My pleasure, thank you, how are you* dan sebagainya, ini bahasa-bahasa yang menyenangkan orang.

Jadi saya harap pihak kementerian juga akan memberi sedikit ilmu kepada pemandu-pemandu teksi dan orang-orang yang terlibat dengan pelancongan. Kadang-kadang pelancong pun naik angin, tetapi kita kena sabar. Kadang-kadang ada yang bebal juga, tok-tok Arab ini kalau dia naik angin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Pengerusi, itulah yang saya harapkan dan saya harap kerajaan bantu lagi stesen-stesen penyiaran kita untuk mempertingkatkan lagi promosi. Sekarang ini musim cuti sekolah, pastikan tempat-tempat pelancongan itu selamat, tempat-tempat itu bersih dan makanannya dalam keadaan yang bersih supaya orang yang melancong tidak mengalami sakit perut dan sebagainya. Jadi saya menyokong, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

4.12 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, menjelang Tahun Melawat Malaysia 2007, saya faham memang Kementerian Pelancongan telah banyak mengadakan pelbagai kegiatan dan usaha untuk memastikan Tahun Melawat Malaysia ini akan mencapai kejayaan terbesar sekali. Walau bagaimanapun, saya berasa usaha yang lebih lagi perlu ditingkatkan untuk memastikan kita mencapai matlamat Tahun Melawat Malaysia 2007 ini.

Saya ingin menyentuh dua perkara iaitu di bawah Kementerian Pelancongan B.31 030000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan 020300 - Bahagian Pembangunan.

Yang pertama ialah tentang galakan pelancong dari negeri China. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin bahawa pasaran pelancongan di negara China memang belum dieksploitasi dengan sepenuhnya. Jadi, saya hendak tahu apakah langkah-langkah tambahan untuk menggalakkan lebih ramai pelancong dari negara China akan melawat ke Malaysia. Misalnya, adakah kementerian bercadang mengesyorkan kepada kerajaan supaya kita mengecualikan permohonan visa bagi pelancong-pelancong dari negara China dalam jangka masa tertentu supaya ini akan memudahkan lebih ramai pelancong melawat ke negara kita.

Kedua, saya dapati bahawa risalah dan buku maklumat pelancongan dalam bahasa Cina amat berkurangan. Kalau kita pergi ke kaunter maklumat pelancongan di Jabatan Pelancongan Negeri ataupun Jabatan Pelancongan lain, kita dapati bila kita minta maklumat atau risalah dalam bahasa Cina itu amat kurang. Jadi, kalau kita hendak menggalakkan pelancong-pelancong dari negara China untuk melawat ke negara kita, saya rasa maklumat-maklumat ini perlu disediakan. Bukan sahaja bahasa Cina malah bahasa lain juga, bahasa negara-negara sasaran yang kita ingin menggalakkan mereka melancong dan melawat negara kita.

Ketiga, saya ingin menyentuh tentang adakah sebarang usaha kerjasama dengan negara ASEAN untuk meningkatkan prestasi industri pelancongan di Malaysia. Misalnya usaha untuk menarik pelancong-pelancong dari Singapura juga datang ke Johor dan Malaysia. Saya hendak memberi satu contoh, pada bulan Oktober tahun ini, apabila Persidangan WTO diadakan di Singapura, Menteri-Menteri Perdagangan Antarabangsa dari pelbagai negara telah berada di Singapura dan anggota-anggota rombongan mereka yang beribu orang telah datang ke Singapura dan berada di sana untuk beberapa hari.

Pihak berkuasa Singapura telah menggerakkan dan memobilisasikan jentera keseluruhan negara itu untuk menyambut pelancong-pelancong dari negara seluruh dunia tetapi saya tidak nampak apa-apa usaha, mahupun daripada pihak berkuasa pelancongan di Johor ataupun di negara kita untuk menarik pelancong-pelancong dari seluruh dunia itu datang, masuk ke Johor dan masuk ke Malaysia. Saya jarang baca pun liputan akhbar tentang Persidangan WTO yang diadakan di Singapura itu. Saya rasa amat aneh dan tidak faham mengapa tidak ada usaha yang jelas untuk menggalakkan perwakilan-perwakilan dari seluruh dunia itu masuk ke negara kita.

Adakah kerana kita tidak ada sebarang persefahaman dan kerjasama dalam usaha mempromosikan pelancongan dengan Singapura khususnya dan dengan negara-negara ASEAN secara amnya. Saya harap kementerian akan memberi perhatian tentang kelemahan itu, sekiranya wujud kelemahan seperti yang saya nyatakan tadi iaitu kekurangan kerjasama dengan negara-negara ASEAN.

Di Johor Bahru juga, saya berharap kementerian akan mengambil langkah untuk memastikan lorong-lorong pemeriksaan imigresen di Johor Bahru *checkpoint* boleh ditambahkan lagi untuk mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Ini adalah juga merupakan satu *facility*, kemudahan yang penting untuk menggalakkan lebih ramai pelancong-pelancong dari Singapura atau via Singapura. Saya harap langkah secepat mungkin akan diambil bukan sahaja di Tambak Johor dan juga dengan Link Kedua di negeri Johor.

Diharap dengan usaha yang gigih daripada Kementerian Pelancongan, saya pasti kita akan mencapai matlamat yang ditetapkan untuk Tahun Melawat Malaysia ada tahun 2007. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera.

4.18 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 - Bahagian Pelancongan dan juga 050100 - Bertugas Di Luar Negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu keratan akhbar bertajuk, 'Pekerja Malaysia di Indonesia Minta EPSH dikaji' ataupun Elaun Perbezaan Sara Hidup dikaji. Salam dari Seberang, Jakarta di Indonesia, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan di dalam rayuan ini ialah Elaun Seberang Laut di Indonesia terlalu rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Mereka menghadapi masalah.

Saya juga mempunyai rakan yang bekerja di pejabat pelancongan di Jakarta, di Medan dan sebagainya. Mereka memaklumkan bahawa sara hidup di sana terlalu tinggi walau pun kita nampak secara luarannya Indonesia sebagai sebuah negara yang miskin tetapi kerana kemiskinan itulah menyebabkan banyak perkara yang kita tidak pernah terfikir yang sepatutnya mereka beli, mereka terpaksa beli.

Sebagai contoh, air harian. Kita boleh menggunakan paip air kita dengan selamat tetapi di Indonesia kerana mutu airnya yang terlalu rendah walau pun dimasak sehingga mencapai 100° tetapi air masih tidak selamat dan akhirnya mereka terpaksa membeli air mineral yang harga RP10,000 satu botol iaitu RM4. Dalam seminggu dijangka mereka menggunakan sebanyak empat botol iaitu RP40,000 bermakna RM16 seminggu, itu untuk air minuman sahaja.

Di hadapan rumah mereka kalau ada lampu elektrik, mereka terpaksa membayar bil lampu awam di hadapan rumah mereka. Inilah perkara yang tidak pernah terlintas di fikiran kita. Gula harganya RM2.80 sekilogram, daging RM24 sekilogram. Inilah contoh-contohnya, jadi saya berharap supaya pihak kementerian mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita yang bertugas di Indonesia supaya mereka boleh memberikan khidmat yang lebih baik. Jika tidak, mungkin ada di antara mereka terpaksa mencari kerja-kerja sambilan.

Yang keduanya ialah dari segi, saya hendak tanya strategi yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan untuk memastikan kedatangan pelancong pada tahun 2007 tercapai matlamatnya sebab kalau kita lihat Malaysia Airlines telah pun menghentikan penerbangan di beberapa kawasan seperti di Calcutta misalnya ataupun daripada negara China sedangkan kita di bawah jagaan Timbalan Menteri Pelancongan yang memang negara China terletak di bawah bidang kuasanya untuk menarik pelancong yang ramai tetapi kerana diberhentikan penerbangan dan sebagainya, tentulah agak sukar.

Saya hendak tanya, pada masa ini dasar yang tidak bertulis ialah Kementerian Pelancongan akan mengadakan kerjasama dengan MAS di setiap promosi pelancongan.

Adakah selepas ini apabila MAS tidak lagi melakukan penerbangan di banyak tempat, adakah pihak kementerian akan mengadakan promosi pelancongan bersama dengan syarikat-syarikat penerbangan lain. Misalnya "*Selamat Datang Ke Malaysia*", promosinya di antara Kementerian Pelancongan Malaysia dengan *Singapore Airlines* sebagai contoh ataupun dengan Thai Airways. Adakah akan berlaku perkara seperti ini. Saya memohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri dengan dasar yang saya kira mungkin baru ini...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang ketiganya ialah mengenai penipuan yang masih berleluasa yang dilakukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada penjelasan juga kah?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bera.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa oleh kerana tambang MAS berbanding dengan tambang China Southern Airlines ada berbeza banyak. Saya beri satu contoh, Kuala Lumpur pergi ke Guangzhou, kalau mengikut MAS kadar bayaran sebanyak RM1,800 hingga RM2,000. Kalau pergi ke Guangzhou dari Kuala Lumpur mengikuti penerbangan Southern Airlines hanya RM1,200 sahaja agak berbeza banyak.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa MAS haruslah memberi satu kadar tambang yang lebih kompetitif orang kerana hendak menarik lebih pelancong-pelancong dari negara China ataupun rakyat negara China melawat Malaysia sebab tahun akan datang ialah *Tahun Melawat Malaysia 2007*. Adakah setuju bahawa tambang MAS haruslah turun berbanding dengan pesawat-pesawat yang lain. Adakah setuju atau tidak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. MAS sepatutnya menurunkan tambang supaya lebih kompetitif sebab itulah saya rasa tidak salah jikalau pihak kementerian misalnya mengadakan kerjasama dengan Southern Airlines sebab bagi kita ialah bagaimana kita mahu pelancong berada di negara kita pada tahun 2007. Soal bagaimana dia datang tidak ada masalah. Mereka boleh berenang, mereka boleh datang dengan perahu. Yang kita mahu mereka datang dan berbelanja, tinggal di hotel kita dan berbelanja.

Soal tidak datang dengan MAS, itu salah MAS kerana MAS tidak kompetitif. Saya harap walau pun tidak ada *written* atau bertulis polisi tetapi terdahulu semasa saya bekerja di kementerian dahulu kita ada polisi iaitu setiap promosi bersama dengan MAS tetapi jika inilah cara MAS yang tidak memikirkan soal kepentingan negara seperti ini saya rasa tidak ada salahnya kalau pihak kementerian bekerjasama dengan mana-mana syarikat penerbangan yang lain untuk memastikan pelancong datang ke negara kita. Saya hendak sambung tadi ialah mengenai penipuan yang dilakukan oleh *travel agent*....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran? Tiada butiran Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang tadi butiran pelancong Tuan Pengerusi. Saya sudah sebut daripada awal.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sebelum saya masuklah Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sebelum Tuan Pengerusi masuk. Saya dapat tahu terutama pelancong daripada negara China dan Taiwan. Ada iklan di negara mereka mengatakan datang secara percuma ke negara kita dan mereka datang tetapi apa yang mereka dapat ketika berada di sini ialah mereka akan dibawa oleh pemandu pelancong mereka yang berada di sini untuk membeli belah daripada hari pertama sampailah hari terakhir iaitu membeli belah di kedai-kedai yang telah ditetapkan oleh pemandu pelancong tadi.

Kita tahu akhirnya apa yang mereka katakan percuma akhirnya mereka membayar lebih banyak daripada apa yang mereka patut bayar jikalau mereka datang daripada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Agen-agen yang lain. Saya hendak tahu Yang Berhormat, adakah perkara ini masih lagi berlaku dan jika ada, berapa syarikat-syarikat *travel agent* yang telah diambil tindakan dan berapa juga yang telah ditutup dan sebagainya. Akhirnya, saya ingin minta supaya pihak kementerian memikirkan sekali lagi dan mengambil secara serius beberapa cadangan saya supaya memasukkan Tasik Bera iaitu kawasan saya sebagai satu kawasan *ecotourism* yang perlu dipromosikan dan saya juga kesal kerana walau pun Tasik Bera terkenal kerana merupakan, Tuan Pengerusi saya hendak beritahu merupakan tanah lembap di dalam Asia. Ini sudah pun diumumkan, seluruh dunia tahu tetapi sehingga hari ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata seluruh dunia tahu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Seluruh dunia tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Orang sini tidak tahu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cuma Tuan Pengerusi mungkin tidak berapa tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bukan cakap saya satu orang sahaja. Saya ingat Yang Berhormat bagi Arau pun tidak tahu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Ketawa]* Saya teruskan Tuan Pengerusi tetapi malangnya kita lihat walau pun tasik ini terkenal tetapi oleh kerana mungkin tidak ada kerjasama antara pihak kementerian dengan pihak-pihak kementerian yang lain.

Misalnya dengan pihak JKR, tidak ada satu papan tanda dan sebagainya yang menunjukkan arah ke Tasik Bera. Kalau kita ke Kuantan daripada Kuala Lumpur, tidak ada satu tanda pun di tepi jalan. Di papan tanda yang hendak menunjukkan yang *exit* Temerloh ke Taman Negara pun tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini Yang Berhormat telah minta JKR buat tindakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: JKR jawab lain. Saya suruh dia cakap lain, dia jawab lain, jadi saya minta sekarang kepada Kementerian Pelancongan berbincang dengan JKR supaya mana-mana tempat yang mempunyai kawasan pelancongan mesti dimasukkan papan tanda arah dan sebagainya. Itulah Tuan Pengerusi, terima kasih. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah tadi saya dimaklumkan ada dua, tiga. Yang Berhormat baru bangun ya?... *[Dewan riuh]* Yang terhormat bagi Kuala Langat.

4.30 ptg.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ringkas ya.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Saya hendak menyambung Yang Berhormat bagi Jasin sama Yang Berhormat bagi Tanjong tentang koordinasi di antara pembangunan wilayah IMTJT dan sebagainya tetapi saya hendak menengok dari segi *inter* dan *intra agencies*. Nampaknya sekarang ini Menteri Pelancongan kita melancong di Dublin, di London dan sebagainya tetapi dia tidak membuat satu gagasan di mana kita ada banyak *tourism* boleh kita rangkumkan kepada *agro-tourism*. MAHA sekarang ini merupakan *agro-tourism* tetapi kalau dapat disatukan dengan tahun pelancongan, alangkah baiknya.

Medic-tourism – ramai sekarang ini orang-orang Arab datang ke mari untuk membuat pemeriksaan kesihatan. *Edu-tourism* – ramai juga orang-orang luar datang kemari untuk belajar di IPTA dan IPTS. Apatah lagi saya sebagai Ketua Pengakap Negara agak rasa terpenggil tahun depan saya hendak buat satu aktiviti di mana *scout* merupakan aktiviti yang boleh menarik pelancongan. Jadi di sinilah saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kita ada Jawatankuasa Kabinet tak mengenai *tourism* ini? Kalau kita ada, kita boleh rangkumkan semua kementerian yang lain supaya dapat memberikan satu impak yang lebih, bukan sahaja untuk melancong tetapi juga untuk buat rawatan.

Saya lihat kalau misalnya orang Arab datang ke mari hendak menghantar anaknya ke sekolah sama ada di peringkat menengah ataupun universiti, dia akan bawa satu kabilah. Maknanya setengah kapal terbang itu penuh dengan saudara-mara dia. Saya bertanya kepada anak-anak Arab ini yang datang ke mari, kenapa datang belajar di sini, saya sungguh terperanjat apabila dia katakan di Malaysia ini ada hujan. Tidak terfikir oleh saya. Dia hendak datang ke mari kerana hendak merasa nikmat hujan itu kerana di Arab jarang hujan.

Jadi di sinilah kita harapkan kalau boleh nanti, bukan sahaja tentang *agro-tourism*, bukan sahaja pasal *medic-tourism*, bukan sahaja tentang *edu-tourism* tetapi juga yang lain-lain supaya dapat kita satukan dan kita buat satu pakej di mana kita boleh bertindak sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Eh, yang mana Yang Berhormat bagi Seputeh? Yang Berhormat bagi Ledang. Yang Berhormat bagi Seputeh tidak ada.

4.32 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Jadi Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada peruntukan yang disediakan sebanyak RM8 juta untuk tahun depan dan saya kira, Tuan Pengerusi, banyak projek *homestay* yang boleh dibangunkan di seluruh negara termasuklah di kawasan-kawasan Parlimen.

Jadi saya hendak cadangkan oleh kerana permintaan *homestay* ini sudah mula meningkat, banyak buktinya seperti di Johor, di kawasan saya pun banyak, jadi saya hendak cadangkan supaya bagi kementerian ini memperuntukkan sejumlah amaun ribu ke untuk setiap kawasan Parlimen tetapi kawasan Parlimen Barisan Nasional sahajalah supaya mereka boleh membantu projek-projek *homestay* di kawasan masing-masing. Misalnya RM50 ribu. Di Kulai boleh, di tempat saya pun boleh. Ini saya fikir cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk membantu Projek Program *Homestay* di seluruh negara termasuklah di Pasir Puteh.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya juga hendak cadangkan supaya..., ini Butiran 10000, walaupun jumlah pelancong meningkat, walaupun keselamatan dalam negara kita terjamin, tetapi kebimbangan itu tetap wujud, Tuan Pengerusi. Jadi mungkin kementerian boleh mencadangkan, boleh mempertimbangkan cadangan supaya diwujudkan polis pelancong di tempat-tempat yang strategik. Polis pelancong ini ada dua fungsi, Tuan Pengerusi, kalau boleh diterima cadangan ini. Pertama dia bantu keselamatan, orang kena ragut dan sebagainya.

Kedua, memudahkan pandu arah, sebab saya banyak didatangi oleh rakan-rakan, bila datang ke Kuala Lumpur di tempat-tempat yang strategik, di Melaka, di Johor Bahru, mereka kadang-kadang tertanya-tanya mana hendak pergi.

Hendak tanya polis, polis pun tidak tahu. Jadi ada dua fungsi polis, Tuan Pengerusi, keselamatan dan juga pandu arah supaya kita boleh mempertimbangkan jawatan polis pelancong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

4.35 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Bahagian Pelancongan berjumlah RM239,840,700 dan Butiran 011000 – Program Menyediakan dan Meningkatkan Kemudahan Pelancongan berjumlah RM170,400,000.

Tuan Pengerusi, walaupun lebih sepuluh juta pelancong asing sampai ke Malaysia, tidak ramai yang tinggal di Bandar Raya Kuala Lumpur. Ramai menginap beberapa hari di hotel-hotel di Kuala Lumpur dan selebihnya mereka berada di luar Kuala Lumpur. Inilah satu kerugian kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan masyarakat perniagaan yang ada berkaitan dengan pelancongan. Walaupun Kuala Lumpur ada Majlis Tindakan dan Galakan Pelancongan yang melibatkan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan DBKL tetapi apa yang mereka telah lakukan untuk mempromosikan dan menarik lebih ramai pelancong asing dan lebih lama tinggal di Kuala Lumpur.

Selain IRPR di Jalan Beranang, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, para pelancong asing gemar membeli belah di Chinatown, Jalan Petaling, Kuala Lumpur ini yang terkenal di seluruh dunia. Namun apabila mereka sampai di situ, mereka mendapati lampu-lampu hiasan, *lanterns*, yang berwarna merah sudah bertukar menjadi lampu warna kuning atau putih. Mereka terkejut cahaya lampu berwarna putih-kuning ini, apakah lampu hiasan jalan yang dipasang bagi mencantikkan kawasan dan sebagai usaha...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu siapa pasang punya..., siapa pasang lampu itu?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ini DBKL dalam berusaha menarik pelancong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: DBKL bukan...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ada tanggungjawab pelancongan sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, pelancongan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:Untuk mempromosikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Mempromosikan Kuala Lumpur sebagai satu destinasi pelancong. Beberapa hari yang lalu ada dimuatkan berita pelancong asing yang menjumpai lampu hiasan ini di Jalan Petaling adalah sangat usang dan kerana warna pun sudah tukar dari merah kepada putih. Ini sungguh memalukan industri pelancongan di Kuala Lumpur dan pihak berkuasa berkenaan haruslah mengambil tindakan untuk menukar keadaan ini, menukar kepada lampu yang betul-betul merah, *lanterns*, untuk menghiaskan kawasan di Jalan Petaling oleh kerana Jalan Petaling adalah salah satu tempat pusat pelancong yang boleh menarik ramai pelancong dari luar negeri.

Pada tahun 2007, negara Malaysia mencapai 50 tahun kemerdekaan. Sempena tarikh tersebut kerajaan kini melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 sempena 50 tahun Malaysia merdeka. Iklan-iklan menarik pelancong asing sedang giat dijalankan. Kerajaan mensasarkan ketibaan bilangan pelancong asing yang besar.

Persoalan yang timbul ialah, bila bilangan pelancong asing meningkat datang ke Malaysia, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa mereka datang ke Malaysia, mereka tidak diganggu oleh jenayah-jenayah yang tadi saya ada tanya Yang Berhormat bagi Jasin bahawa kita haruslah ada lebih polis pelancong untuk menjaga keselamatan mereka di tempat-tempat dan destinasi seperti di Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling dan Jalan Masjid India oleh kerana ramai pelancong datang ke Malaysia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...Khususnya di Kuala Lumpur bahawa inilah satu langkah untuk menjamin keselamatan. Saya beri satu contoh, bila datang ke Bandar Raya Bangkok pada tahun yang lalu bahawa ada pelancong polis menjaga di tempat-tempat seperti di tempat pelancongan dan juga pusat membeli-belah. Ini boleh membantu pelancong untuk memastikan bahawa keselamatan mereka akan terjamin dan juga kita jangan lupa pelancong-pelancong domestik juga. Berapa ramai rakyat Malaysia yang belum berpeluang untuk melancong di destinasi-destinasi dalam negeri. Apakah usaha untuk menggembelng dan menarik mereka melancong dalam negeri. Salah satu cara ialah dengan menyediakan kemudahan penginapan murah dan tambang perjalanan murah untuk mereka.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 02600...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Satu, akhir. Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan. Peruntukan sangat banyak RM5 juta. Saya harap kementerian boleh menggunakan beberapa bahasa pada papan tanda selain daripada bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Mandarin haruslah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Berhormat yang dikasihi. Saya cuba membicarakan Butiran 02000, 040200 dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu sahajalah Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pendek sahaja, cerita Butiran. Tuan Pengerusi, saya hendak tarik perhatian dalam masa singkat ini, ke Kelantan. Kelantan ialah sebuah negeri yang kaya dengan budaya, keharmonian rakyat. Pelancong empat juta pada tahun 2005, ertinya satu jumlah yang besar keuntungan kepada negeri. Cuma saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekali gus Menteri, hari ini Timbalan Menteri Pelancongan supaya membenarkan untuk mempromosi produk pelancongan khususnya daripada negeri Kelantan yang saya anggarkan bahawa sudah sampai peringkat internasional seperti dikir barat, peringkat rebana, seni silat, seni pertahanan diri, *boxing* dan kalau boleh kita masuk lagi seni-seni ukiran. Kerana Kelantan kaya dengan ukiran dan batik. Itu bab produk dan kita akan promosikan.

Saya yakin Timbalan Menteri akan seronok kalau saya sebut ini. Cuma saya minta rundingan dengan Kementerian Pengangkutan. Laluan diberi untuk Indo-China terus ke Kota Bharu. Itu permintaan saya Tuan Pengerusi, lulus tidak lulus cerita lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta Timbalan Menteri pergi bincanglah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya bincang, dan juga Kemboja. Kerana Pengkalan Chepa itu ialah Champar dia akan pergi. Champar ini Datuk Wan tahu. Ertinya Pengkalan Chepa dia kata orang Champar jadi Pengkalan Chepa. Kita benarkan Kemboja supaya mendarat terus. Jadi ini cara hendak *promote*. Alam semula jadi pun Tuan Pengerusi pun tidak tahu. Saya pun tidak berapa tahu... [*Dewan riuh*] Alam semula jadi yang cukup menarik, air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara ialah Dabong, di Kelantan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata tidak tahu, macam mana Yang Berhormat tahu?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya sudah pergi. Dabong, yang tertinggi di Asia Tenggara secara bertingkat-tingkat. Saya cadangkan kalau boleh BNBBB buat rombongan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah perkara yang kedua Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang kedua ialah masjid tertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang kedua. Ini sudah selesai.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan, ini cerita pelik. Masjid tertua di Kelantan iaitu Masjid Betuk Masjid Demak hari ini, di Kampung Laut. Akhir sekali, 90% umat Islam, di Kelantan Tuan Pengerusi, sudah pun tahu. Tokong yang terbesar, *sleeping, standing*, apa tak tahu lagi? Hak tidur! Tokong yang dok tidur, berdiri, duduk bersila yang terbesar dalam Asia Tenggara, di Kelantan. Sebab itulah pelancong empat juta setahun. Tahun 2007 ialah kita anggap satu tahun melawat Malaysia akan bertambah.

Bagi saya, saya mintalah supaya Timbalan Menteri jenguk-jenguk kerap ke Kelantan sebab saya hendak supaya apabila ramai pergi ke Kelantan, negeri maju, BN insya-Allah akan memerintah akan datang lebih maju lagi. Sekarang ni kita bagi PAS dulu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: BN akan menang.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Insya-Allah BN akan menang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat di bawah mana satu Butiran?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya masuk dalam pelancongan Tuan Pengerusi, terima kasih banyak... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh saya sudah panggil banyak kali. Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Hanya satu perkara sahaja. Promosi sedang dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan untuk *Tahun Melawat Malaysia* pada tahun depan melalui iklan surat khabar, melalui promosi ataupun lawatan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ke luar negeri untuk memberitahu keadaan sebenarnya berlaku di negara kita ini.

Akan tetapi beberapa perkara hendaklah diambil kira. Satu, sesetengah negara asing sedang mengisytiharkan bahawa negara kita tidak selamat dan menasihatkan jangan datang ke Malaysia. Dua, hujah-hujah atau artikel-artikel kenyataan yang dikeluarkan dalam negara kita ini telah disiarkan dalam negara asing, negara lain untuk memutar belitkan keadaan yang sebenarnya yang berlaku di negara kita ini.

Adakah pihak kementerian ada mengambil kira kedua-dua unsur fakta ini akan menjejaskan promosi negara kita sebagai pelancongan di rantau ini? Cara mana untuk atasinya? Bolehkah Yang Berhormat dari Kementerian Pelancongan untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini, apakah langkah telah dijalankan supaya menangani perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi. Yang penting sekali kerana kalau ada negara-negara asing yang sentiasa mengambil sikap yang sedemikian itu, menasihatkan rakyat mereka tidak datang ke Malaysia kerana tidak selamat atau kerana negara kita ini tidak begitu baik atas kenyataan yang di keluarkan. Begitulah, ini satu perkara penting untuk menarik ramai pelancong asing ke Malaysia.

Kalau tidak ada langkah yang dilakukan dan untuk menangani masalah-masalah negatif ini, maka saya merasa kurang keyakinan untuk meyakinkan ramai pelancong asing datang ke Malaysia. Itu sebab pentingnya, apa strateginya, apa langkah yang di ambil setakat ini.

Walaupun lawatan Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri ke negara asing itu, tapi apa hasilnya atau apa reaksinya dari negara itu tetapi jangan hanya ke negeri China. Yang Berhormat Timbalan Menteri selalu pergi negeri China. Jangan itu sahaja, tetapi pergi ke Amerika, *Europe* dan negara-negara lain yang sentiasa mengisytiharkan negara kita tidak selamat. Yang penting sekali ialah fokus di negara itu untuk menerangkan masalah yang tidak pernah berlaku di negara kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi, saya pun hairan, minggu lalu saya menghadiri satu majlis pertandingan kapal layar dari Port Klang, Pangkor, Penang ke Langkawi yang disertai oleh lebih kurang 50 buah kapal layar dari negara asing tetapi saya tidak nampak pegawai pelancongan datang dan berbincang dengan mereka..., saya juga menghadiri majlis makan dengan adanya lebih dari 500 orang. Jadi, saya tidak tahu adakah Kementerian Pelancongan ada hubungan dengan peristiwa yang begitu baik di mana negara-negara asing ini telah menyertai pertandingan kapal layar daripada Port Klang, Pangkor, Penang ke Langkawi. Ini satu upacara yang baik dan boleh mempromosikan negara kita. Begitu baiknya kalau kapal layar asing pun datang untuk bertanding, untuk menyertai upacara yang begitu baik tapi saya tidak tahu apa sebabnya tidak ada hubungan rapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Akhir sekali, program penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan. Setiap tahun saya nampak banyak wang akan diperuntukkan. Apa sebenarnya yang berlaku? Apa program yang telah meningkatkan kemudahan pelancongan di negara kita terutama sekali negeri Selangor, sebab negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan utama selepas lapangan terbang Sepang datang ke negeri Selangor. Apakah program yang telah memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan banyak lagi kemudahan-kemudahan pelancongan untuk menarik ramai lagi pelancong ke negeri Selangor dan kawasan kita ini. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

4.50 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Industri pelancongan di Kuala Selangor sedang giat dibangunkan oleh kementerian juga Unit Perancang Ekonomi Negeri, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor dan juga Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Jumlah pelancong yang datang daripada dalam dan luar negara semakin bertambah namun destinasi dan produk pelancongan yang sedia ada di Kuala Selangor indah khabar daripada rupa. Semoga slogan yang diamalkan, "Kuala Selangor Indah dan Bersejarah" akan dapat terus menggami pelancong daripada dalam dan luar negeri khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia tahun 2007.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana sejumlah RM29.5 juta diperuntukkan kepada negeri Selangor untuk membangunkan sektor pelancongan dan RM10 juta daripadanya untuk membangunkan pelancongan di Kuala Selangor. Jadi saya ingin mengambil kesempatan juga untuk Sekretariat Parlimen Kuala Selangor mengambil bahagian dalam membangunkan produk pelancongan yang berkenaan dan saya mengharapkan lebih kurang RM3 juta berdasarkan projek-projek yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan dan di antaranya kita telah menubuhkan persatuan pengusaha pelancongan. Begitu juga kita sedang mengenal pasti pemandu-pemandu pelancong serta kita sedang mengadakan program *homestay* bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor termasuk juga mengadakan kedai kraf tangan.

Di samping itu, saya menyeru kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya dapat memastikan produk-produk pelancongan yang telah sedia ada seperti kelip-kelip Kampung Kuantan, di kawasan kompleks berkenaan dapat dibina *chalet*, pentas budaya dan mencantikkan sampan yang membawa pelancong-pelancong melihat kelip-kelip agar mempunyai satu identiti yang tertentu. Di samping itu saya mencadangkan supaya kampung budaya atau rumah etnik seperti rumah orang Jawa, Bugis, Banjar dan sebagainya dapat dibina di Kampung Tanjung Siam di kawasan yang telah disediakan.

Begitu juga mengenai taman alam. Promosi yang lebih hebat dapat dibuat di peringkat antarabangsa agar taman alam ini dapat menarik para pelancong khususnya daripada luar negara di samping menaik taraf prasarana yang wujud di situ.

Di samping pelancongan sejarah yang melibatkan Bukit Melawati, Bukit Belanda, Keramat Anak Dara begitu juga Bukit Jeram, saya mencadangkan kepada pihak berkenaan supaya *sport tourism* dan *eco-tourism* juga dibina dan digalakkan di Kuala Selangor di samping membangunkan tempat bersantai seperti Pantai Remis Sungai Sembilang dan juga Pantai Jeram.

Saya juga mencadangkan supaya *leading agency* yang membangunkan sektor pelancongan di Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor dapat melantik seorang pegawai pelancongan dengan nasihat pihak kementerian. Dan pelancong-pelancong daripada luar negara memerlukan sebuah restoran makanan laut orang Melayu ataupun masakan kampung yang berprestij, di samping menaik taraf jeti-jeti di sungai dan pantai untuk menggalakkan *fishing* ataupun memancing ikan. Begitu juga saya mencadangkan supaya sebuah pusat maklumat pelancongan dapat dibina di Kuala Selangor juga mewujudkan badan kesenian dan kebudayaan untuk mempertunjukkan persembahan kepada pelancong-pelancong.

Di samping itu, mercu tanda yang mengandungi semua produk pelancongan di Kuala Selangor dapat dipaparkan di pintu-pintu masuk ke Kuala Selangor dan juga menggalakkan penulisan buku mengenai pelancongan sejarah dan kebudayaan tempatan. Di samping itu, saya berharap semua produk pelancongan yang saya sebutkan tadi akan dapat dimasukkan dalam pakej pelancongan untuk menarik pelancong daripada luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, dan akhirnya saya menyeru supaya Kementerian Pelancongan dapat bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta lain-lain jabatan dan agensi termasuk *leading agency* macam daerah Kuala Selangor dalam membangunkan sektor pelancongan Kuala Selangor. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu selepas itu ada siapa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

4.55 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Butiran 030000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Pelancongan boleh mendatangkan satu keuntungan yang besar kepada negara malah menurut Bajet 2007 menyebut bahawa RM32 bilion keuntungan telah diperolehi melalui kegiatan pelancongan pada tahun 2005, dan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 450,000 orang pemuda dan juga warga kerja di Malaysia ini, dan pada tahun hadapan ini akan dibelanjakan kira-kira RM199 juta membuat promosi dengan menggunakan tema menyambut lima puluh tahun kenegaraan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah harus dimanifestasikan tema ini. Apakah bentuk aktiviti-aktivitinya. Tema cukup menarik iaitu menyambut lima puluh tahun kenegaraan. Bagaimanakah harus dimanifestasikan supaya ia dapat memikat dan menarik pelancong-pelancong daripada luar untuk datang ke Malaysia.

Perkara yang kedua ialah tentang aktiviti tiga iaitu komunikasi yang menarik perhatian saya ialah untuk memastikan imej baik negara sebagai destinasi pelancongan, meningkatkan kerjasama dengan pihak media massa dan juga pemain utama industri pelancongan. Ini adalah merupakan perkara yang penting untuk memberi satu reputasi yang baik tentang Malaysia ini tetapi kalau sekiranya media tidak memainkan peranan yang baik, maka ia boleh menimbulkan kesan-kesan negatif sebaliknya ia tidak akan menarik kedatangan pelancong-pelancong daripada luar ke mari.

Misalnya isu semasa baru-baru ini kita tersebar dalam media massa iaitu isu berhubung dengan pembunuhan Altantuya telah tersebar ke luar negara malah imej dan reputasi Malaysia agak terjejas.

Saya kira tidak mungkin ataupun tidak ramai pelancong-pelancong daripada Mongolia untuk datang ke Malaysia akibat daripada keadaan ini. Demikian juga telah di *splash* dalam media massa betapa banduan kita itu dirota di khalayak ramai.

Jadi ini memberi satu gambaran yang cukup negatif. Jadi bagaimanakah kita boleh membendung dan bagaimanakah runding cara di antara Kementerian Pelancongan ini dengan pihak media massa supaya perkara-perkara yang sensasi ini tidak dibangkitkan kerana *sensational is to soft a word*. Dia boleh mendatangkan kesan-kesan dan akibat-akibat yang buruk kepada satu industri pelancongan yang boleh mendatangkan keuntungan kewangan yang besar kepada kita.

Seterusnya ialah *sports tourism*. Di Kuala Terengganu minggu hadapan daripada 27 hingga 3 Disember satu agenda yang besar iaitu *Monsoon Cup* akan berlangsung dan ia akan disiarkan secara langsung melalui ESPN dan melibatkan penonton hampir jutaan, malah saya kira bilion penduduk seluruh dunia. Apakah peranan yang dimainkan oleh pihak pelancongan ini dan bagaimanakah promosi dibuat dan bagaimanakah tahun hadapan kita menggerakkan lagi supaya masyarakat seluruh dunia berminat untuk datang ke Malaysia melalui aktiviti-aktiviti kesukanan serupa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh. Lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

4.59 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Saya hendak rujuk kepada Butiran 040900 - Bahagian Dasar, Perancangan dan Perhubungan Antarabangsa. Butiran 030000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan juga Butiran 00900 - Program Penginapan Murah/Sederhana.

Tuan Pengerusi, saya rasa gembira bahawa pihak kementerian ada memasukkan peruntukan bagi penginapan murah kerana ini adalah satu aspek yang mana negara kita boleh dapat banyak dana asing daripada *back packers* dan juga pelancong yang suka melancong sendiri dan tidak ikut rombongan dan juga pelancong yang muda dari luar negeri.

Jadi saya ingin tanya apakah rancangan bagi pihak kementerian untuk memberi bantuan kepada mereka yang ingin mengadakan bajet hotel, khususnya untuk *back packers*. Jadi apakah rancangan dan juga Yang Berhormat dalam sidang Parlimen lepas pernah berkata di Dewan ini bahawa kementerian akan mengupah lebih pegawai pelancongan yang membantu pelancong yang fasih dalam bahasa Mandarin, Bahasa Arab dan juga bahasa-bahasa asing. Jadi berapa pegawai seperti ini telah pun diambil oleh kementerian? Juga isu ketiga ialah adakah kementerian juga akan menggalakkan para pengusaha pelancongan kita untuk menggunakan *internet* atau *website* untuk menarik pelancong asing?

Saya masih ingat bila saya hendak melancong ke New Zealand, daripada *website* New Zealand saya hanya perlu taip New Zealand dan saya boleh tahu apakah kadar sewa kereta untuk melancong sendiri dan juga daripada *internet* nya kita boleh tahu semua kadar sewa hotel-hotel dan juga termasuk bajet hotel. Jadi saya rasa ini adalah satu cara bagi untuk kita menarik pelancong asing untuk datang ke Malaysia kalau kita memaparkan semua membolehkan mereka membuat tempahan melalui *internet*.

Satu lagi ialah saya bagi satu komen tentang kadang-kadang sesetengah program promosi pelancongan dianjurkan oleh pihak kementerian seperti pesta buah-buahan, majlis berbuka puasa, majlis hari raya dan sebagainya. Bila saya dijemput untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh kementerian seperti ini, saya jarang lihat terdapatnya pelancong asing yang menghadiri program yang dianjurkan oleh kementerian ini tetapi saya tahu kementerian memang menggunakan banyak wang untuk menganjurkan kesemua program ini.

Jadi saya hendak tanya berapakah, setakat manakah kejayaan program-program yang mempromosi pelancongan Malaysia ini yang dianjurkan oleh pihak kementerian? Adakah kita sekadar menarik Ahli Parlimen dan juga orang-orang tempatan datang untuk makan percuma, tengok persembahan percuma tetapi sebenarnya kita telah gagal menarik pelancong asing yang kita mahu mereka datang dan tengok.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bangkitkan isu tentang Pulau Sipadan. Pertama kali saya pergi ke Pulau Sipadan, Tawau, Sabah pada tiga tahun yang lepas. Saya mempunyai kenangan yang begitu baik tentang Pulau Sipadan tetapi pada bulan lepas bila saya pergi sana lagi, saya rasa sangat terperanjat lihat yang Pulau Sipadan yang dahulu penuh dengan *divers* asing dari merata-rata tempat di dunia. Sekarang ia menjadi pulau yang terbiar. Saya masih ingat pada tiga tahun yang lepas, bila saya pergi ke sana, saya boleh lihat pelancong yang datang daripada merata-rata tempat di dunia. Itu adalah satu *meeting point* bagi *divers*, tetapi saya rasa sangat sedih bila saya pergi sekarang kita dikehendaki orang tempatan termasuk orang Sabah juga dikehendaki untuk membayar RM40 untuk naik bot pergi ke sana dan harga sama juga di *charge* kepada pelancong asing.

Saya rasa cara kerajaan menangani Pulau Sipadan ini memang akan menyebabkan kita kehilangan ramai pelancong asing khususnya mereka yang suka sukan selam atau *diving*....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya berharaplah pihak kementerian boleh mengambil berat tentang isu ini. Saya rasa Pulau Sipadan boleh dijadikan satu pulau yang boleh menarik lebih pelancong asing. Yang akhirnya tadi ialah saya lihat Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun berucap. Saya masih ingat, bagi orang di luar Terengganu apa yang menarik mereka pergi ke Kuala Terengganu ialah waktu dahulu ada satu penyu yang begitu besar di tengah-tengah bulatan di Kuala Terengganu. Sekarang penyu itu sudah hilang. Kita juga telah kehilangan penyu-penyu yang setiap tahun datang untuk bertelur. Macam mana kerajaan boleh menarik balik penyu-penyu itu datang bertelur dan juga meletakkan balik model penyu yang begitu besar dalam bandar Kuala Terengganu untuk menarik pelancong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat. Berapa kali akhir Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga bangkitkan isu laporan media yang telah mencemarkan imej baik negara kita, ini termasuk kes pembunuhan wanita Mongolia itu. Jadi apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk menarik pelancong dari Mongolia dan memulihkan keyakinan kepada mereka bahawa Malaysia adalah satu tempat yang selamat dan perkara macam ini tidak akan berlaku kepada merekalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga memberi cadangan kepada ahli-ahli perwakilan UMNO di sini sebenarnya ucapan yang mengapi-apikan menyakitkan hati orang bukan UMNO, orang bukan Melayu itu pun juga telah mencemar imej dan juga nama baik negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat butiran mana? Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya hanya sokong pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan saya berharaplah perwakilan UMNO kita akan berhati-hati dalam ucapan mereka supaya mereka tidak memburukkan nama negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

5.05 ptg

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah panjanglah, tepat cukuplah.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai Kementerian Pelancongan serta memberi pandangan dan cadangan yang amat berguna dalam memajukan industri pelancongan negara. Saya percaya segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh ahli Dewan yang mulia ini akan dapat membantu Kementerian Pelancongan di dalam melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Puchong, Tebrau dan Serdang telah membangkitkan perkara Tahun Melawat Malaysia 2007. Untuk makluman Yang Berhormat Tahun Melawat Malaysia 2007 dianjurkan bersempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara dengan tema *Celebrating 50th Year Of Nationhood* dengan izin. Oleh yang demikian, konsep bagi penganjuran Tahun Melawat Malaysia kali ini pastinya akan menunjukkan kecemerlangan negara setelah 50 tahun mencapai kemerdekaan serta suasana kemeriahan sambutan tersebut oleh masyarakat Malaysia seterusnya.

Bagi memastikan sambutan 50 tahun ini diraikan dengan penuh meriah, kerjasama dari semua pihak terutamanya pihak negeri adalah amat perlu bagi memastikan kempen ini berjaya dilaksanakan. Bagi tujuan ini jawatankuasa induk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan turut dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri serta Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dengan penyertaan pihak negeri di dalam jawatankuasa induk ini. Maklumat-maklumat dan perkembangan terkini berkenaan Tahun Melawat Malaysia akan diperoleh secara berterusan.

Tuan Pengerusi, selain daripada penyertaan pihak negeri di dalam jawatankuasa induk tersebut Kementerian Pelancongan juga telah menyenaraikan acara-acara dari negeri-negeri sebagai acara-acara yang akan dilaksanakan pada tahun 2007. Acara-acara tersebut akan memeriahkan lagi sambutan pada tahun hadapan selain tarikan destinasi pelancongan unggul yang terdapat di setiap negeri. Bagi acara-acara yang menarik pula, kementerian telah menerima senarai acara-acara yang akan dijalankan oleh setiap negeri untuk tahun 2007.

Daripada senarai acara tersebut 50 acara telah dikenal pasti sebagai acara utama yang akan dijalankan pada tahun hadapan. Acara-acara ini terdiri daripada acara-acara sedia ada serta beberapa acara baru yang dirasakan mampu menarik lebih ramai pelancong pada tahun hadapan. Antara acara baru yang disenaraikan adalah *The Eye Of Malaysia*, *Flora Festival 2007*, *Tropical Rainforest Musical Festival*, *Color of Malaysia*, *International Aerospace Exhibition*, *International Firework Competition*, *50th Year Nationhood Celebration*, *Tattoo Show* dan *Kuala Lumpur International Busken Festival*.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jelutong membangkitkan apakah usaha-usaha yang kita ambil dari Kementerian Pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong pada tahun 2007, Tahun Melawat Malaysia. Kementerian telah mengambil usaha-usaha seperti berikut:

- (i) kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, pihak swasta serta NGO dalam melaksanakan kempen-kempen kesedaran, publisiti dan promosi Tahun Melawat Malaysia 2007;
- (ii) melaksanakan "Malaysia Welcomes The World" Campaign untuk memberi kesedaran terhadap konsep layanan mesra kepada pelancong di kalangan para *front liners*, dengan izin, dalam bidang pelancongan;

- (iii) mengadakan taklimat kepada *industry players*, *front liners*, pelajar-pelajar sekolah dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung atau JKKK bagi memastikan maklumat berkenaan Tahun Melawat Malaysia 2007 didedahkan secara menyeluruh kepada semua pihak;
- (iv) dapat menjalankan kempen promosi dalam dan luar negara melalui penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan, pengiklanan, *geometric* dan *tactical* serta pemasangan *billboard* dan *light box* di lokasi-lokasi yang strategik di seluruh negara;
- (v) memeriahkan sambutan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007, sebanyak 50 acara pelancongan utama dan 200 acara sampingan telah dikenal pasti oleh pihak kementerian untuk dianjurkan di seluruh negara pada tahun hadapan; dan
- (vi) bekerjasama dengan agensi pelancongan untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan sebagai usaha untuk memberikan lebih pilihan kepada pelancong.

Yang Berhormat bagi Lipis, Ledang dan Kuala Selangor ada berbangkit dengan isu Program *Homestay*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kementerian Pelancongan memang kita ada satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelaras *Homestay* dan kementerian melalui jawatankuasa ini telah melaksanakan usaha-usaha menggalakkan penyertaan *homestay* di seluruh negara. Selain dari melaksanakan program-program kita, kita memang memberi taklimat kesedaran kepada pemohon baru manakala pengusaha-pengusaha *homestay* yang telah beroperasi di negeri ini masing-masing akan diberi kursus latihan lanjutan mengenai acara-acara pengurusan *homestay* yang berbentuk motivasi untuk mendorong dan bagi komitmen supaya mereka boleh menarik lebih ramai pelancong asing.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perlu guna pakai kekuatan negara dengan negara jiran untuk tarik pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sememangnya telah mempunyai hubungan *bilateral* dan *trilateral* dengan negara-negara jiran terutama negara ASEAN dalam usaha mempromosikan Malaysia dan negara serantau di pasaran jarak sederhana dan jarak jauh. Yang Berhormat ada berbangkit dengan isu tarik lebih ramai pelancong dengan mengadakan persidangan antarabangsa dengan pertubuhan-pertubuhan Cina yang banyak di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, negara China adalah di antara pasaran penyumbang utama kepada kemasukan pelancong ke Malaysia bagi pelbagai aktiviti promosi termasuk mengadakan persidangan dengan pertubuhan-pertubuhan Cina telah dilaksanakan dari masa ke semasa bagi mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia dengan negara China di samping usaha untuk meningkatkan bilangan pelancong China bersempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Satu contoh pada tahun 2007, bulan September, satu *World Congress Cantonese* akan berada di Kuala Lumpur dan kita harap boleh dapat pelancong asing seramai 3000 orang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa berapa jumlah pelancong dari negara China pada tahun 2005 dan berbanding dengan 2006? Sebab kita berharap dalam tahun yang akan datang, 2007, lebih ramai pelancong dari negara China boleh datang ke Malaysia. Kita haruslah mengadakan satu kajian bahawa adakah perbezaan berbanding 2005 dengan 2006, berapakah jumlah mereka yang telah melancong di Malaysia? Bolehkah beri satu angka Yang Berhormat tahu. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa Januari hingga Ogos tahun 2006 ini, sejumlah 244,255 pelancong dari negara China berbanding dengan bulan yang sama iaitu Januari hingga Ogos tahun 2005, ada peningkatan 20.5%.

Kita haraplah kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas, tahun yang lepas jumlahnya 352,000 pelancong asing dari negara China. Kita harap tahun ini kita boleh capai angka lebih kurang 420,000. Yang Berhormat bagi Lipis ada membangkitkan banyak lagi kawasan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebelum itu boleh saya tanya sedikit?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Belum lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah insentif yang diberi kepada semua persatuan ini yang menganjurkan persidangan antarabangsa? Jadi adakah Kementerian memberi peruntukan ataupun bantuan kepada mereka?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh, kita memang akan memberi bantuan yang sekurang-kurangnya ada *function* atau program yang melibatkan sekurang-kurangnya 150 pelancong asing. Kita akan memberi lebih kurang RM10,000 untuk mereka menganjurkan program. Itu adalah satu *what we call guidelines*. Yang Berhormat bagi Lipis ada membangkitkan banyak lagi kawasan pelancongan yang belum lagi diterokai seperti bukit di Lipis. Isu ini kita akan berbincang dengan EXCO Kerajaan Negeri Pahang dan juga Majlis Tindakan Pelancongan Negeri supaya lokasi ini, kita akan pergi melawat dan tengok apa yang kita boleh buat.

Yang Berhormat bagi Lipis juga membangkitkan isu-isu papan tanda di kawasan Taman Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini saya telah melawat ke Taman Negara dan saya telah berbincang dengan pegawai berkenaan dan juga EXCO Kerajaan Negeri Pahang dan kita akan meningkatkan kemudahan dan juga papan tanda yang sedia ada supaya memberi panduan yang lebih baik kepada pelancong tempatan dan juga pelancong asing. Mengenai isu stesen kereta api tutup di kawasan Merapoh. Untuk maklumat Yang Berhormat, stesen ini masih berfungsi dan telah membawa ramai pelancong Singapura ke Taman Negara...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Bintang....

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Perjalanan boleh bermula dari Johor ke Kuala Tembeling dan Merapoh. Dan dari stesen ke jeti Kuala Tembeling boleh menaiki teksi atau bas. Cukupkah? Tak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Banyaklah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Banyak lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhirlah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Yang terakhirlah. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat beritahu Dewan yang mulia ini bahawa tentang papan tanda, dalam beberapa bahasa. Selain bahasa Malaysia, Inggeris, *Japanese* atau Mandarin. Adakah ini bertambah lebih bahasa untuk pelancong-pelancong dari luar negeri, minta penjelasan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Kita akan tengok kalau kawasan itu ada banyak pelancong dari negara China kita akan adakan papan tanda Inggeris dengan bahasa Mandarin, kalau tempat itu ramai pelancong Arab, kita memang akan adakan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Isu-isu ini kita akan bincang dengan kerajaan tempatan supaya bahasa yang sewajarnya akan diadakan. Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Langat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada membangkitkan isu-isu intra-agensi.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mencari penyelesaian berhubung masalah-masalah yang menghalang pergerakan pelancong asing di negara ini, Kementerian Pelancongan telah menubuhkan satu jawatankuasa penyelesaian kemudahan masuk ke Malaysia dan isu-isu pelancong asing yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan. Sehingga kini mesyuarat yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan seperti DBKL, kerajaan tempatan, MAS, AirAsia, JPJ, MATTA, NGTA, hotel operators, Sabah and Tourism Board, Sarawak Tourism Board dan kita akan bincang dengan isu-isu mengenai termasuk masalah pengurangan penerbangan ke Sabah, Sarawak, isu-isu keselamatan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga isu imigresen, kastam dan juga isu-isu yang kita selalu tahu macam teksi.

Yang Berhormat bagi Jerai ada membangkitkan isu hubungan kementerian dengan syarikat-syarikat pelancongan bagi tujuan promosi Malaysia dalam dan luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat pelancongan, Persatuan Agensi-agensi Pengendalian Pelancongan iaitu MATTA kita selalu ada mesyuarat dan memang kita baru-baru ini baru mengadakan satu *conference* bersama di KLCC.

Yang Berhormat bagi Jasin ada bangkit mengenai isu adakah KL perlu mengikut reka bentuk bangunan dan makanan seperti di negara Arab. Perkara ini dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan kerana itu adalah kehendak pelancong Arab sendiri. Mengenai isu mengapa pusat hiburan di Kuala Lumpur dibuka sehingga lewat malam dan banyak lesen hiburan diberikan sehingga ada tempat dijadikan pusat pelancongan seks di Bukit Bintang. Isu ini adalah di bawah bidang kuasa DBKL. Seperti saya katakan tadi kita ada satu jawatankuasa saya akan bangkit perkara ini kepada pihak yang berkenaan. Yang Berhormat bagi Jasin ada bangkit keselamatan pelancong yang berada di Malaysia. Isu ini saya juga akan membawa kepada jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat bagi Tebrau ada membangkitkan isu risalah dalam bahasa Cina amat kurang maklumat dan ini saya akan berbincang dengan pegawai kita sebab dalam arahan kita memang kita akan menerbitkan risalah-risalah pelancongan kita dalam lapan bahasa dan kita memang tahu kita mesti berhati-hati dengan keperluan pelancong asing dan bahasa kita yang ingin mengadakan ialah bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Arab, Perancis, Itali, Jerman, *Chinese* and Thai.

Yang Berhormat bagi Tebrau ada bangkit langkah-langkah untuk gerakan lebih ramai pelancong-pelancong China ke Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan lain telah ambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) dengan melonggarkan kemasukan pelancong melalui program *visa on arrival* yang mula berkuat kuasa pada 1 September 2006;
- (ii) memberikan kemudahan melalui Program Multiple Entry Visa bagi pasaran China yang telah berkuat kuasa pada 2 Jun 2006;
- (iii) bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan China atau China Southern Airlines, Shenzhen Airlines, China Eastern Airlines selain daripada MAS dan AirAsia dalam menawarkan tiket-tiket dengan harga yang berpatutan; dan
- (iv) bekerjasama dengan agen-agen pelancongan tempatan dan pihak CNTA untuk menjual pakej-pakej pelancongan yang *value for money*.

Yang Berhormat bagi Bera ada membangkitkan isu elaun pegawai di Indonesia, kita akan bincang isu ini dengan kerajaan. Sebab saya diberitahu bahawa yang elaun ini memang kita ada *guidelines* di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, tetapi kita akan tengok isu ini supaya mereka boleh hidup di sana. Isu Yang Berhormat mengenai Tasik Bera dimasukkan di senarai projek untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM2 juta telah diluluskan bagi meningkatkan kemudahan pelancongan di Tasik Bera.

Komponen yang akan dilaksanakan adalah naik taraf jalan masuk, membina menara tinjau, landskap, kemudahan asas, agensi pelaksanaan Majlis Daerah Bera. Saya harap Yang Berhormat berhubung dengan pihak Majlis Daerah Bera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah termasuk papan tanda yang....

Dato' Donald Lim Siang Chai: Memang adalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera bangkitkan banyak kali.

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Supaya Yang Berhormat....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya tahu kita sudah dapat, tetapi dari segi promosi tidak ada.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey, kita akan bincang dengan Exco Kerajaan Pahang supaya isu ini akan kita ambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat bagi Seputeh ada membangkitkan isu promosi melalui *internet*, memang sehingga hari ini terdapat banyak *homepage* yang mempromosikan produk mahupun perkhidmatan dalam *web page* Yahoo atau *lonely branded* terdapat harga-harga hotel lima bintang hingga *budget hotel*. Bagi harga kereta sewa juga ada dipromosikan di web oleh syarikat-syarikat sewa kereta secara sendiri. Namun harga dan model kereta yang ada adalah pelbagai dan ini telah menyebabkan *homepage* begini sambutan yang baik

Yang Berhormat...

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi kah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sedikit sahaja.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Penjelasan Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tebräu, saya sudah tanya ada banyak lagi, bererti masa sudah cukup.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Sedikit sahaja. Tentang kerjasama dengan negara ASEAN.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Saya sudah sebut tadi, saya sudah jawab perkara itu. Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan perkara isu imigresen *double* standard terhadap pelancong Indonesia dan India, isu ini kita juga akan bincang di jawatankuasa kita. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor mencadangkan untuk membangunkan kawasan Kelip-kelip Kuala Selangor dan Taman Alam Kuala Selangor. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM8 juta telah diluluskan bagi bangunan kemudahan pelancongan Kuala Selangor, antara kawasan yang termasuk adalah kawasan Kelip-kelip dan Taman Alam Kuala Selangor antara komponen yang akan dilaksanakan adalah pembinaan *chalet*, pentas terbuka, gerai, kiosk, pejalan kaki wakaf dan agensi pelaksana ialah Majlis Daerah Kuala Selangor.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ada membangkitkan dengan isu pelancongan di Kelantan iaitu produk pelancongan agama. Memang kita ada membuat promosi bersama dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan dan kita memang banggallah ada terdapat empat juta lebih pelancong domestik dan pelancong asing pergi ke negeri Kelantan.

Yang Berhormat dari...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta izin sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ... Kita punya promosi produk pelancongan dalam negeri itu minta tambah sedikit dari RM30,000.00 ke RM50,000.00 satu Parlimen.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey, okey. Boleh bincang itu. Untuk Yang Berhormat bagi Bukit Bintang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bincang macam mana itu Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Papan tanda dan di Kuala Lumpur, isu itu saya harap Yang Berhormat boleh bangkit di kementerian yang selepas inilah, Wilayah Persekutuan. Memang saya akan bincang dengan DBKL. Yang Berhormat bagi Bera ada membangkitkan isu mengenai *Travel Agent*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Mengenai pelancong China dan Taiwan yang berbelanja di... Cukuplah, sudah tanya banyak kali. Nak tanya, sekejap lagi lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi, Yang Berhormat janji. Yang Berhormat janji, ini Wilayah Persekutuan. Tadi..

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kes "*zero cost tour*". Ini masih terdapat kegiatannya. Namun kita akan ambil tindakan yang sewajarnya dan saya baru-baru ini bincang dengan Timbalan Menteri di negeri China supaya kita akan ada satu jawatankuasa kerja untuk menangani isu *zero cost tour*. Yang Berhormat bagi Serdang ada bangkit isu memberi lebih peruntukan ke negeri Selangor. Memang saya Ahli Parlimen dari Selangor. Saya akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Supaya kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jaga Selangor sahaja kah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ya, jaga Johor jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Johor? Ya... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*].

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat bagi Jasin ada bangkit dengan isu menambah peruntukan. Isu itu kita akan bincang dan supaya kita mendapat lebih ramai pelancong dan sasaran untuk tahun hadapan diharap kita dapat menarik pelancong asing iaitu sejumlah 20.1 juta. Itu *receipts* sebanyak RM44.5 bilion untuk negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, industri pelancongan adalah industri yang begitu penting untuk ekonomi kita. Ia telah membawa wang asing yang sebanyak RM32 bilion untuk tahun 2005.

Oleh itu, pihak Kementerian Pelancongan berharap semua rakyat termasuk Ahli Yang Berhormat di sini boleh memberi sokongan dan bantuan kepada kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara kita. Kita juga berharap semua rakyat boleh bekerjasama dengan kementerian. Kita harap dan mahu rakyat kita boleh bersopan dan senyum apabila bertemu dengan pelancong asing. Apabila mereka ada ingatan yang baik, mereka akan balik bercuti di Malaysia lagi, ke Perlis juga lah. Tahun hadapan kita menganjur acara Tahun Melawat Malaysia 2007 sempena menyambut kemerdekaan yang ke 50. Kita harap boleh menarik pelancong yang sasaran kita iaitu 20.1 juta.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Dengan itu Tuan Pengerusi, itulah sahaja. Apa yang saya tidak jawab, saya akan jawab secara bertulis. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Banyak perkara yang saya bangkit dia tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan jawab secara bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bila, bila..., bila tarikh tamat bagi dia, *deadline* bagi dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bila, bila?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Minggu hadapan, minggu hadapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, minggu hadapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minggu hadapan ya? Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM745,432,800 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM745,432,800 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM243,000,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM243,000,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 27 November 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.